


# MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

KONSEP WALI ALLAH DALAM ISLAM:

SUATU KAJIAN DALAM PEMAHAMAN MASYARAKAT MELAYU

DI JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN

KARTIMAH BINTI MAT ZIN

FAKULTI USULUDDIN

AKADEMI ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

1990

UNIVERSITI MALAYA

AKADEMI ISLAM

FAKULTI USULUDDIN

KONSEP WALI ALLAH DALAM ISLAM:

SUATU KAJIAN DALAM PEMAHAMAN MASYARAKAT MELAYU


DI JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN


OLEH


KARIMAH BINTI MAT ZIN

Latihan ilmiah ini diterima oleh Fakulti Usuluddin  
bagi menenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin,  
sesi 1989/1990.

  
\_\_\_\_\_  
 PENYELIA

  
\_\_\_\_\_  
 DEKAN

  
\_\_\_\_\_  
 TARIKH

  
\_\_\_\_\_  
 TARIKH


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَكْلُنَا أَفْلَقَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَيَعْلَمُ كُلَّ  
خَوْفٍ عَلَيْكُمْ هُمْ لَا يَرَوْنَ

"Ketahuilah, sesungguhnya wali-wali Allah,  
tidak ada kebimbangan (dari suatu yang  
tidak baik) ternadap mereka, dan mereka  
pula tidak akan berduka cita."

Surah Yunus ayat 62

صدق الله العظيم



## DEDIKASI


Kuabadikan sekalung doa,  
untuk bonda tercinta,  
yang mencurahkan lautan kasih,  
untuk ayahanda yang telah pulang  
ke Rahmatullah,  
semoga ruhmu damai di sisi Allah.

Kepada guru-guru,  
yang banyak berjasa,  
Abang Sid dan abang Yie,  
yang banyak berkorban.

Abang Fauzi di bumi anbiya',  
tuntutlah ilmu penuh semangat.

Kak Zah dan kak Yah,  
didiklah putera-puteri kalian mengenal Allah  
kelak menjadi jundullah.

Adik Man dan adik Ra,  
tuntutlah ilmu kerana Allah.



## ABSTRAK

KARIMAH BINTI MAT ZIN. "Konsep Wali Allah Dalam Islam: Suatu Kajian Dalam Pemahaman Masyarakat Melayu di Jajahan Pasir Mas, Kelantan." Kertas Projek, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1990.

Kertas projek ini ditulis bagi memenuhi syarat melayakkan penulis mendapat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Bab Pertama: Merupakan muqaddimah kepada perbincangan di dalam bab seterusnya. Penulis membincarakan tentang latarbelakang masalah penyelidikan dengan memperkenalkan negeri Kelantan secara ringkas. Penulis mengkhususkan satu jajahan sahaja iaitu jajahan Pasir Mas sebagai sasaran penyelidikan dengan menyentuh aspek kehidupan sosial, kemudahan asas, ekonomi dan pendidikan. Di dalam bab ini juga mengandungi pengertian tajuk, rumusan masalah, tujuan penyelidikan, metodologi dan susunan penulisan.

Bab Kedua: Bab ini mengandungi landasan teori yang mengandungi pengertian-pengertian wali Allah mengikut al-Quran, al-Hadith dan para ulama.

Bab Ketiga: Mengandungi metod-metod penulisan yang digunakan oleh penulis sepanjang penyelidikan ini.

Bab Keempat: Membentangkan laporan-laporan penyelidikan dan penganalisaan data-data yang diperolehi.

Bab Kelima: Merupakan bab terakhir di dalam penulisan ini, mengandungi kesimpulan-kesimpulan kepada perbincangan-perbincangan yang telah dibentangkan. Saranan dan cadangan juga dikemukakan kepada semua pihak yang terlibat.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ لِجَمِيعِينَ

Al-Hamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang memberikan kekuatan dan kesempatan kepada saya untuk menyiapkan Kertas Projek ini.

Di dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih "جزاكم الله خيراً كثيراً" kepada penyelia dan pembimbing saya, yang berbahagia al-Ustaz Hassan bin Mat Leh yang telah banyak membantu dan membimbing penulis bagi menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan pengorbanan itu insyaAllah akan diberikan ganjaran yang setimpal oleh Allah s.w.t.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelaras Kertas Projek Fakulti Usuluddin yang berbahagia Dr. Abdul Halim bin Mat Diah. Setinggi-tinggi terima kasih juga penulis ucapkan kepada Al-Fadhil Ustaz Fauzi bin Hj. Awang yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan kertas projek ini. Juga tidak lupa semua pensyarah-pensyarah di Akademi Islam yang mencurahkan ilmu mereka kepada penulis.

Seterusnya penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada bonda yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama kepada penulis dalam semua lapangan yang diceburi.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini iaitu Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman, Tuan Guru Hj. Mokhtar bin Hj. Ismail, Tuan Guru Hj. Wan Mohammad bin Wan Min, Ustaz Muhammad Uthman El-Muhamady, Ustaz Mukhtar bin Hj. Ahmad, Ustaz Lukman bin Hj. Abdul Latiff, Ustaz Muhammad bin Syukri, Ustaz Muhammad Yunan bin Mahmud, Ustaz Abdul Razak bin Hj. Omar dan Encik Ibrahim bin Hamat.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak jabatan yang terlibat iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Pejabat Pendidikan Pasir Mas, Yayasan Islam Kelantan Nilam Puri, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan UIA dan Arkib Negara cawangan Kelantan.

Tidak lupa juga penulis ucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan di rumah Sumaiyah, Noryati, Hamidah, Khadijah dan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.

Akhirnya segala sumbangan dan kerjasama tersebut penulis serahkan kepada Allah untuk memberikan ganjaran yang sebaik mungkin.

InsyaAllah jasa itu akan dikenang sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Karimah binti Mat Zin,  
Kampung Pohon Tanjong,  
Pasir Mas,  
KELANTAN DARUL NAIM.

10 Januari, 1990

---

13 Jamadil Akhir 1410

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا  
 وَرَبِّنَا مُحَمَّدٍ وَالصَّلَاةُ عَلَىٰ الْمُصَفَّفِينَ

Al-Hamdulillah, segala kesyukuran penulis persembahkan kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya serta izinNya, kertas projek yang bertajuk: "Konsep Wali Allah Dalam Islam: Suatu Kajian Dalam Pemahaman Masyarakat Melayu di Jajahan Pasir Mas, Kelantan" ini dapat disiapkan.

Penulis sedar bahawa kajian ilmiah ini mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki. Oleh itu penulis dengan lapang dada menerima sebarang nasihat dan teguran yang membina bertujuan mengemaskinikan kajian ini.

Di dalam era kebangkitan umat Islam yang ingin merealisasikan ajaran Islam dalam semua kegiatan hidup, adalah menarik minat penulis untuk mengetahui setakat manakah kefahaman masyarakat terhadap konsep-konsep di dalam ilmu tasawwuf dan aqidah Islam terutama sekali konsep wali Allah. Penulis mengira karya ini merupakan karya pertama yang dihasilkan, ianya tidak pernah dikaji oleh mana-mana pihak sebelum ini. Justeru itu penulisan ini merupakan perintis kepada mereka yang berminat untuk membuat penyelidikan berhubung dengan tanggapan dan kefahaman masyarakat terhadap konsep-konsep di dalam Islam.

Penulis mengharapkan agar penulisan ini akan memberikan faedah kepada semua terutama sekali kepadapara pecinta Islam.

Akhirnya, penulis mengharapkan penulisan ini mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t.

Wassalam.

Penulis:

Karimah binti Mat Zin,

Fakulti Usuluddin,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

KUALA LUMPUR.

10 Januari, 1990.

---

13 Jamadil Akhir 1410.

DAFTAR ISI

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
<b>ABSTRAK</b>	1
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KATA PENGANTAR</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>TRANSLITERASI</b>	xi

BAB PERTAMAPENDAHULUAN

<b>A.</b> Latarbelakang Masalah	1
1. Pengenalan Negeri Kelantan	2
2. Latarbelakang Jajahan Pasir Mas	3
<b>B.</b> Pengertian Tajuk dan Rumusan Masalah	...
1. Pengertian Tajuk	8
2. Rumusan Masalah	10
<b>C.</b> Tujuan Penyetidikan	11
<b>D.</b> Metodologi	13
<b>E.</b> Susunan Penulisan	16

BAB KEDUALANDASAN TEORI

<b>A.</b> Definisi Wali Allah	19
<b>B.</b> Jumlah Wali dan Pembagiannya	42
Pembagian Wali Mengikut Al-Quran	50
<b>C.</b> Tafsir Ayat 62, 63, 64 Surah Yunus	56

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
D. Hadith-hadith Wali ... ... ... ... ...	63
E. Kekeramatuan Para Wali ... ... ... ...	65
Contoh Keramat Para Wali ... ... ... ...	68
Perbezaan Mu <sup>c</sup> jizat, keramat, sihir dan sya <sup>c</sup> uzah ...	71
F. Sifat-sifatnya Yang Perlu Ada Pada Seorang Wali ...	72
 <u>BAB KETIGA</u>	
<u>METODOLOGI</u>	
A. Metod Penentuan Subjek ... ... ... ...	83
B. Metod Pengumpulan Data ... ... ... ...	85
1. Metod Historis ... ... ... ...	85
2. Metod Dokumentasi ... ... ... ...	86
3. Metod Interview ... ... ... ...	87
4. Metod Observasi ... ... ... ...	89
5. Metod Questional ... ... ... ...	90
C. Metod Analisa Data dan Penulisan ... ...	90
1. Metod Induktif ... ... ... ...	91
2. Metod Deduktif ... ... ... ...	92
3. Metod Komparatif ... ... ... ...	92
D. Kesimpulan ... ... ... ...	93
 <u>BAB KEEMPAT</u>	
<u>LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA</u>	
A. Laporan Penyelidikan ... ... ... ...	94
1. Sejarah Masyarakat Melayu Mengenali Wali Allah	94

KANDUNGANHALAMAN

2. Kefahaman Masyarakat Melayu Terhadap Konsep Wali Allah	96
2.1 Masyarakat Awam ... ... ... ... ...	96
2.1.1 Sifat-sifat Wali Allah... ... ...	98
2.1.2 Pembahagian Wali Allah... ... ...	100
Keputusan Soalselidik ... ... ...	101
2.2 Golongan Ulama ... ... ... ...	105
2.3 Orang Yang Dianggap Wali Oleh Masyarakat Melayu Pasir Mas ... ... ... ...	118
B. Analisa Data ... ... ... ...	122
1. Sifat Uzlah ... ... ... ...	124
2. Khatir (Lintasan Hati) ... ... ...	128
3. Kasyaf dan Mukasyafah ... ... ...	129
4. Maqam Baqa' dan Fana' ... ... ...	131
5. Faktor-faktor Pembunuhan Al-Hallaj ... ...	133

BAB KELIMAPENUTUP

A. Kesimpulan ... ... ... ...	138
B. Saranan ... ... ... ...	142

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN:**

- 1
- 2
- 3

## TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam kertas projek ini adalah berdasarkan kepada sistem ejaan baru Bahasa Malaysia. Ejaan perkataan Arab digunakan mengikut transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkataan yang di Melayukan tidak termasuk dalam transliterasi.

**Konsonan:**

Nama	<u>Huruf Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
alif	ا	-
ba'	ب	b
ta'	ت	t
tha'	ث	th
jīm	ج	j
hā'	ح	h
khā'	خ	kh
dāl	د	d
dhāl	ذ	dh
rā'	ر	r
zāy	ز	z
sīn	س	s
shīn	ش	sh/sy
sād	ص	s
.	ض	·
dād	ض	d
.	ض	·

<u>Nama</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
tā'	ت	t
zā'	ظ	z
cain	ع	c
ghain	غ	gh
fā'	ف	f
qāf	ق	q
mīm	م	m
nūn	ن	n
hā'	ه	h
wāw	و	w
yā'	ي	y/i
lām	ل	l

Vokal pendek:ا : aو : uي : iVokal panjang:( ا ) أ : ai/ay( و ) و : uw( او ) ؤ : aw( ي ) ئ : iy/iyy


Huruf ta' al-murbutah ( ت ) ditransliterasikan "h".

Artikel:


( ال ) : al- (al-karamah) atau mengikuti bunyi (as-suri).

**JA JAHAN PASIR MAS  
SKEL 3 BATU SE INCI**

Simpanan Pdg. Ragut



B  
A  
B  
P  
E  
R  
T  
A  
M  
A



## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### A. LATARBELAKANG MASALAH

Dalam membincarakan konsep wali Allah, ianya mempunyai hubungan rapat dengan tasawwuf. Tasawwuf yang dimaksudkan ialah tasawwuf yang wujud di kalangan masyarakat negeri Kelantan. Justeru itu, pendidikan yang diterima oleh masyarakat perlu diketengahkan kerana melalui ilmu pengetahuan Islam yang diterima oleh masyarakatlah yang boleh menentukan kefahaman mereka terhadap konsep-konsep di dalam Islam. Zaman kegemilangan sistem pendidikan pondok telah meninggalkan pengaruh yang besar terhadap pemikiran dan tindakan masyarakat Islam di negeri Kelantan.

Guru-gurunya yang berkalibar, yang terdiri dari anak negeri dan juga dari luar negeri adalah bekas pelajar yang menuntut di kota suci Mekah. Mereka ini biasanya alim dalam semua ilmu agama, termasuklah ilmu tasawwuf. Boleh dikatakan setiap pondok terdapat pengajian ilmu tasawwuf. Guru-guru pondok biasanya mempunyai kekeramatan yang tertentu yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Lantaran itulah masyarakat menyangjung tinggi kedudukan seseorang tuan guru. Ini dapat dilihat melalui upacara-upacara yang diamalkan oleh masyarakat di mana tuan gurulah yang diutamakan dengan tujuan untuk mendapat keberkatan dari guru tersebut. Biasanya

masyarakat akan mengemukakan masalah mereka kepada tuan guru agar tuan guru mendoakan keselamatan untuk mereka.

### 1. Pengenalan Negeri Kelantan Secara Ringkas

Negeri Kelantan terletak di Pantai Timur Malaysia Barat di antara garisan lintan  $4^{\circ}32'$  dan  $60^{\circ}15'$  di utara dan garisan bujur  $101^{\circ}19'$  dan  $102^{\circ}37'$  di timur. Di utaranya ialah Laut Cina, di sebelah baratnya negeri Perak dan Wilayah Patani di selatan Siam.<sup>1</sup>

Negeri Kelantan mempunyai kawasan seluas 5,713 batu persegi. Negeri Kelantan dibahagikan kepada lapan jajahan pentadbiran iaitu Kota Bharu, Ulu Kelantan, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah; Kota Bharu sebagai ibu negeri.<sup>2</sup>

Islam mula sampai ke negeri Kelantan pada pertengahan abad ke 12 (tahun 1150M) yang dibawa oleh seorang penda'wah dari Patani. Ini dibuktikan dengan penemuan wang syiling dinar di Kota Kubang Labu. Matawang itu tertulis dengan bahasa dan huruf Arab iaitu "OVV"

<sup>1</sup> Alias Muhamed, Gerakan Sosial dan Politik Kelantan, cet. 1, IPH, Insular Publishing House Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1984, m.s. 9.

<sup>2</sup> Ibid., m.s. 10.

dan di sebelah tertulis "المتوكل". Angka OVV itu dimaksudkan dengan 577 H. bersamaan 1181 M, manakala perkataan "المتوكل" adalah gelaran raja pada masa itu.<sup>3</sup>

Di dalam penulisan ini, penulis hanya memilih satu jajahan sahaja sebagai sample bagi tujuan tersebut iaitu jajahan Pasir Mas.

## 2 LATARBELAKANG JAJAHAN PASIR MAS

### 2.1 Kedudukan dan Keluasan

Jajahan Pasir Mas letaknya bersempadan dengan jajahan Kota Bharu di sebelah timur yang dipisahkan oleh sungai Kelantan. Di sebelah selatannya jajahan Tanah Merah, di sebelah baratnya ialah negeri Thailand dan di utaranya jajahan Tumpat. Luasnya 577.51 km. persegi yang terbahagi kepada 10 daerah iaitu Alor Pasir, Bunut Susu, Chetok, Gual Periok, Kangkong, Kuala Lemal, Kubang Gadong, Kubang Sepat, Pasir Mas dan Rantau Panjang.

---

<sup>3</sup>Fauzi bin Haji Awang, "Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan" (Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri, 10 tahun), 16-18 Julai, 1982, m.s. 70.

Jumlah penduduknya mengikut bancian tahun 1987, ialah seramai 141,167 orang iaitu 136,000 bumiputra dan 5,077 orang bukan bumiputra.<sup>4</sup>

## 2.2 Kemudahan Asas

Jajahan ini mempunyai sistem perhubungan darat yang baik. Terdapat bekalan elektrik di semua daerah dan kawasan, manakala bekalan air dan perkhidmatan telekom tidak meliputi semua kawasan.<sup>5</sup>

Terdapat 75 buah masjid iaitu satu masjid bandar, 66 buah masjid mukim besar dan 8 buah masjid di mukim-mukim kecil. Masjid-masjid ini dikendalikan oleh 172 orang pegawai masjid yang terdiri dari Imam tua, Imam muda dan bilal-bilal. Manakala surau pula terdapat di setiap kampung.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Profil jajahan Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Kelantan.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Interview penulis dengan Mohamad Syukri (Pegawai Agama, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan), pada 26 Ogos, 1989.

### 2.3 Ekonomi Penduduk

Kebanyakan penduduk di jajahan Pasir Mas adalah pesawah iaitu 38.9%. Walau bagaimanapun, peratus mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan juga tinggi. iaitu 18.8% diikuti dengan pekebun kecil getah iaitu 17% dan selebihnya menceburi berbagai bidang pekerjaan seperti peniaga runcit, pemandu teksi atau bekerja dengan pihak swasta.<sup>7</sup>

### 2.4 Pendidikan Penduduk

Pendidikan penduduk di jajahan Pasir Mas pada masa sekarang adalah ditahap yang sederhana. Mengikut bancian 1986, peratus penduduk yang mempunyai ijazah hanyalah 0.4% dan 0.3% yang memiliki diploma pendidikan. Manakala yang memiliki sijil STPM ialah 1.03%, SPM 73% dan SRP 25%. Kadar peratus buta huruf adalah tinggi iaitu 68%.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, semua kanak-kanak yang berusia tujuh tahun ke atas dihantar ke sekolah, untuk mendapat didikan secara formal. Terdapat banyak tempat-tempat pengajian samada pendidikan secara formal atau tidak formal. Pendidikan secara formal adalah di

---

<sup>7</sup> Op. Cit., Profil jajahan Pasir Mas.

<sup>8</sup> Ibid.

sekolah-sekolah dan tidak formal adalah di pondok-pondok, surau-surau dan di masjid-masjid.

Terdapat 47 buah sekolah Rendah Kebangsaan termasuk dua buah sekolah Kebangsaan Jenis Cina dan 12 buah sekolah menengah kebangsaan, serta beberapa buah sekolah swasta.<sup>9</sup>

Kelantan pernah digelar sebagai serambi Mekah yang mana iaanya sebagai wadah yang pernah berisi dengan berbagai keistimewaan, terutama dari sudut keagamaan. Ini adalah berpunca dari sistem pengajaran dan pendidikan Islam melalui sistem pengajian pondok. Pendidikan Islam telah lama bermula di negeri Kelantan termasuklah di jajahan Pasir Mas. Ianya bermula serentak dengan kemasukan Islam ke negeri Kelantan iaitu pada pertengahan abad ke 12. Walau bagaimanapun pembelajarannya tidak teratur, guru-guru mengajar di rumah secara lisan mengenai rukun-rukun Islam dan Iman secara mudah. Kanak-kanak diutamakan dalam pengajian Al-Quran, pengajian ini berjalan di setiap kampung.

Setelah pengajian di rumah bertambah maju dan murid-murid bertambah ramai, timbulah idea untuk meluaskan tempat pengajian bagi menampung pelajar yang kian bertambah. Lantaran itulah guru-guru

---

<sup>9</sup> Profil Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas/Tumpat, Pasir Mas, Kelantan.

yang berkemampuan dari segi akademik telah membuka pondok-pondok yang mirip seperti pengajian di Patani dan Mekah.<sup>10</sup>

Masyarakat Pasir Mas juga mengalami suasana tersebut yang mana terdapat lebih kurang 22 buah pondok di jajahan Pasir Mas. Zaman kegemilangan dan kemajuan pondok bermula pada tahun 1909. Mata pelajaran yang diajar mencakupi semua bidang ilmu agama. Murid-murid yang datang belajar bukan sahaja dari anak negeri Kelantan tetapi juga dari seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Bermula pada tahun 1945, sistem pendidikan pondok mulai merosot. Sistem pengajian ini tidak dapat bertahan menghadapi pergolakan zaman yang cepat berubah. Minat masyarakat tertumpu kepada sistem persekolahan yang lebih teratur. Dalam rangka mencapai tahap pendidikan Islam yang lebih sistematik, guru pondok yang berkemampuan mengambil inisiatif menubuhkan sekolah-sekolah agama di kampus pondok mereka.<sup>11</sup> Lantaran itulah sistem pengajian pondok semakin berkubur. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah pondok masih bertahan hingga ke hari ini bahkan ada yang baru ditubuhkan seperti pondok moden yang ditubuhkan oleh Yayasan Islam Kelantan.

<sup>10</sup> Fauzi bin Haji Awang, Op. Cit., m.s. 73.

<sup>11</sup> Ibid.

Pendidikan Islam telah memberikan pengaruh yang besar terhadap perkembangan kebudayaan, politik dan ekonomi serta perkembangan intelektual bumiputra di negeri ini. Pendidikan ini telah melahirkan ramai ulama' yang berkalibar setelah mereka menyambung pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi.

## B. PENGERTIAN TAJUK DAN RUMUSAN MASALAH

### 1. Pengertian tajuk

Dalam menuju ke arah kesempurnaan dalam penulisan ini yang membicarakan tentang konsep wali Allah yang sebenar menurut kacamata Islam, penulis merasakan perlu diberikan pendetailan kepada tajuk tersebut, agar ianya menjadi lebih jelas tentang konsep wali Allah itu sendiri dan seterusnya dibandingkan dengan kefahaman masyarakat terhadap konsep tersebut. Dalam penyelidikan ini, penulis hanya menumpukan kepada satu daerah/jajahan sahaja yang terdapat ramai bangsa Melayu yang beragama Islam.

Perkataan "konsep" bermaksud pengertian (pendapat) yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan dan idea.<sup>12</sup> Manakala perkataan "wali" pula bermaksud dekat dan

---

<sup>12</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, cet. 1, DBP. Kementerian Pelajaran, percetakan Art. Kuala Lumpur, 1970 m.s. 573.

hampir,<sup>13</sup> wali lawannya musuh, sesiapa yang mengurus dan menguasai urusan seseorang maka dia adalah wali kepada orang tersebut.<sup>14</sup> Apabila perkataan wali digabungkan dengan kalimah Allah iaitu wali Allah ianya memberi erti orang-orang yang beriman dengan sunnah-sunnah Allah, mereka hidup berlandaskan petunjuk iman.<sup>15</sup>

Masyarakat ialah satu kumpulan manusia yang hidup bersama (dalam tempat dengan aturan-aturan dan cara-cara tertentu) pergaulan hidup.<sup>16</sup>

"Dalam Pemanaman Masyarakat Melayu" bermaksud bagaimana kefahaman masyarakat Melayu terhadap konsep wali itu sendiri, apakah ianya tidak bercanggah dengan konsep wali Allah yang sebenar mengikut Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

"Di jajahan Pasir Mas" jajahan di sini bermaksud satu daerah bagi sesebuah negeri Malaysia. Penulis hanya memilih satu daerah

<sup>13</sup> Majduddin Muhammad bin Yaacob al-Fairuz Al-Abadi, Kamus Muhit. Jilid ke 4, juz. 4, Darul Fikri, Beirut, 1983, m.s. 12.

<sup>14</sup> Muhammad bin Abu Bakar bin Abdul Qadir Ar-Razi, Mukhtar As-Sohat, m.s. 736.

<sup>15</sup> Syed Ahmad Abul Faidh, Jamharatul Auliya'wa A'lam At-tasawwuf, juz. 1, m.s. 97.

<sup>16</sup> Dr. Teuku Iskandar, Op. Cit., m.s. 718.

sahaja sebagai lokasi bagi tujuan penyelidikan yang mana dari situ boleh memberi gambaran sebenar masyarakat Melayu dalam memahami konsep-konsep dalam Islam terutama sekali tentang wali Allah.

## 2. Rumusan Masalah

Berdasarkan kepada pengertian tajuk di atas yang telah dijelaskan dapatlah dirumuskan kepada beberapa noktah penting:

1. Apakah pengertian sebenar wali Allah mengikut Al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah.
2. Perselisihan pendapat di kalangan para ulama' dalam menta'rifkan wali Allah dan apakah yang di sepakati bersama.
3. Sejauhmanakah kefahaman masyarakat terhadap konsep wali Allah.
4. Apakah kefahaman itu tidak bercanggah dengan kehendak Islam sebenar (perbandingan).
5. Setakat manakah kepercayaan mereka terhadap keramat-keramat yang berlaku pada wali Allah.

### C. TUJUAN PENYELIDIKAN

Dalam penyelidikan ini, penulis sememangnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang tidak tergelincir dari matlamat untuk kebaikan umat Islam itu sendiri. Terutama sekali dalam masalah aqidah dan tasawwuf. Mungkin usaha ini nampak mudah dan remeh kerana skop pengkajiannya adalah sempit tetapi penulis merasa cukup untuk menggambarkan kefahaman masyarakat Melayu di negeri Kelantan seluruhnya. Ini adalah kerana penyelidikan ini melibatkan semua peringkat masyarakat.

Antara tujuan-tujuan yang dapat di ketengahkan di sini adalah seperti berikut:

1. Hari ini kita dapati umat Islam di negara kita tidak begitu memahami konsep-konsep di dalam Islam dengan begitu jelas. Justeru itu penulis mengambil kesempatan untuk meninjau sejauhmanakah masyarakat Melayu Islam memahami konsep wali Allah.
2. Oleh kerana kita dapati masyarakat Melayu mempercayai adanya keramat-keramat pada golongan tertentu terutama sekali terhadap tuan-tuan guru. Kepada mereka lah masyarakat mengadu segala masalah, nekusutan dan sesuatu hajat dengan harapan guru tersebut berdoa kepada Allah untuk kesejahteraan mereka. Masyarakat menganggap

doa mereka adalah makbul, serta mempunyai keberkatan.

Kadang-kadang pergantungan ini boleh menjelaskan aqidah seseorang muslim, di mana setelah orang yang dikatakan keramat itu meninggal dunia, kubur mereka dijadikan sebagai tempat menunaikan nazar-nazar mereka. Oleh itu, masyarakat yang sebegini perlulah diselamatkan dari noda-noda kesyirikan, dengan menjelaskan dan memperbetulkan kesilapan-kesilapan tersebut.

3. Masyarakat juga tidak dapat membezakan di antara keramat yang berlaku ke atas wali Allah dan istidraj atau Sya'uzah yang berlaku ke atas wali syaitan (musuh-musuh Allah). Masalah ini juga perlu diperbetulkan dengan memberikan kefahaman sebenar sehingga masyarakat mampu membezakan di antara perkara-perkara yang haq dan bathil.
  
4. Umat Islam hari ini lebih mementingkan kehidupan material dari kerohanian, mereka mengejar dunia semata-mata untuk memenuhi tuntutan-tuntutan lahiriah sahaja tanpa menghiraukan jeritan bathin mereka yang dahagakan santapan rohani. Santapan rohani yang paling lazat ialah zikrullah. Oleh itu, keseimbangan adalah perlu di antara keduanya.

Setelah dibentangkan tujuan-tujuan penulisan ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa, besarlah harapan penulis agar ianya dapat menjadikan panduan dalam memahami konsep wali Allah mengikut ajaran Islam. Supaya dengan ini tidak lagi timbul kekeliruan dan salah anggap di kalangan masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Islam seluruhnya.

#### D. METODOLOGI

Dalam mempersiapkan penulisan ini, penulis menggunakan beberapa metod iaitu sebagaimana berikut:

- (i) Metod Penentuan Subjek.
- (ii) Metod Pengumpulan Data.
- (iii) Metod Analisa Data.

##### (i) Metod Penentuan Subjek

Untuk menentukan subjek penyelidikan, penulis menggunakan metod sampling iaitu dengan cara tertentu penulis memilih satu daerah sahaja dalam negeri Kelantan, sebagai sample penyelidikan. Kajian dibuat secara mendalam ke atas sample tersebut dengan memberi penumpuan kepada kefahaman masyarakat terhadap konsep wali Allah. Di samping itu,

penulis juga menekankan soal-soal pendidikan masyarakat tersebut semenjak dulu sehingga sekarang.

(ii) Metod Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan data-data serta fakta-fakta, penulis menggunakan metod-metod berikut:

(a) Metod Historis

Iaitu cara pengumpulan data, maklumat dan fakta-fakta yang diambil daripada pemecahan ilmiah melalui perspektif sejarah mengenai masalah yang dibahaskan dalam kajian ini.

(b) Metod Dokumentasi

Iaitu cara pengumpulan data-data dan fakta-fakta dengan menggunakan dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.

(c) Metod Interview

Iaitu cara untuk mendapat keterangan dan fakta-fakta dari responden dengan cara menemubual tokoh-tokoh agama yang menitikberatkan masalah tasawwuf, dan juga informen-informen yang boleh memberikan data-data yang berkaitan dengan masalah kajian.

(d) Metod Observasi

Iaitu cara pengumpulan data dengan mengadakan pengamatan secara langsung terhadap subjek yang diteliti. Selain daripada pengamatan penulis semasa penyelidikan dijalankan, pengalaman penulis sendiri sebagai ahli masyarakat di tempat tersebut dan dari observer-observer lain dapat membantu dalam penyelidikan ini.

(e) Metod Questional

Iaitu cara pengumpulan data dengan menyediakan soalan-soalan bertulis yang ditunjukkan kepada pihak tertentu, terutama masyarakat umum.

(iii) Metod Analisa Data

Dalam menganalisa data-data dan fakta-fakta, penulis menggunakan metod-metod berikut:

(a) Metod Induktif

Iaitu cara mengambil kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa, iaitu data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum.

(b) Metod Deduktif

Iaitu cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

(c) Metod Komparatif

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.

Huraian-huraian tentang metodologi dan cara penggunaannya akan dibincangkan secara lanjut di dalam Bab III nanti.

#### E. SUSUNAN PENULISAN

Di dalam penulisan ini, penulis telah membahagikan kandungannya kepada lima bab yang disusun berdasarkan metodologi penyelidikan yang telah ditetapkan. Lantaran itu, penulisan ini lebih mudah untuk difahami dan diambil noktah-noktah penting darinya. Kelima-lima bab tersebut disusun seperti berikut:

Bab pertama: Ia adalah pendahuluan yang mencakupi latar-belakang masalah, pengertian tajuk, tujuan penulisan, rumusan masalah dan metodologi.

Bab Kedua: Dalam bab kedua ini, penulis membentangkan landasan teori yang merupakan panduan bagi penulis untuk membuat analisa dan rumusan seterusnya. Di sini penulis menumpukan pembicaraan mengenai konsep wali Allah dari sudut bahasa dan istilah-istilah yang telah digariskan oleh ulama' dalam bidang ilmu aqidah dan tasawwuf. Di dalam mengemukakan konsep wali Allah ini, yang paling penting sebagai panduan kepada penulis ialah pengertiannya mengikut Al-Quran dan Al-Hadith Rasulullah s.a.w. Selain daripada itu penulis juga mengemukakan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang wali.

Bab Ketiga: Bab ini mengandungi persoalan tentang metodologi. Di dalamnya penulis menghuraikan dengan lebih detail tentang metodologi yang telah dibentangkan dalam bab pertama dengan menghuraikan satu persatu metod yang digunakan. Penulis juga menyatakan di mana metod-metod tersebut digunakan.

Bab Keempat: Di dalam bab ini mengandungi laporan penyelidikan dan pentafsiran kepada data-data dan fakta-fakta yang diperolehi. Bab ini adalah kemuncak kepada penyelidikan dan pembicaraan tentang tajuk yang dipilih. Dalam menghuraikan data-data dan fakta-fakta yang diperolehi, penulis menggunakan cara perbandingan dengan landasan teori yang telah dibentang di dalam bab kedua. Ini adalah untuk mengetahui sejauh manakah kefahaman masyarakat terhadap konsep wali Allah.

Bab Kelima: Bab ini merupakan bab terakhir atau sebagai penutup kepada penulisan ini. Bab ini mengandungi kesimpulan-kesimpulan yang didapati oleh penulis hasil dari penyelidikan yang dibuat. Di dalam bab ini juga penulis mengemukakan beberapa saranan berdasarkan kepada kesimpulan yang dibuat mengenai masalah yang diselidiki.

B  
A  
B

K  
E  
D  
U  
A

## BAB KEDUA

### LANDASAN TEORI

#### A. DEFINISI WALI ALLAH

Dari segi bahasa:

Di dalam kamus Al-Muhit ( المحيط ) wali bererti dekat, hampir dan hujan selepas hujan. ( الوالي ) bererti kekasih, kawan dan penolong. Wilayah bererti pemerintahan dan kekuasaan. Maula ( مولى ) bererti orang yang memerdekaan dan yang dimerdekaan, kawan karib, wali dan tuan juga penolong dan kekasih.<sup>1</sup>

Di dalam kamus Larus Perkataan wali ( الوالي ) bererti hujan selepas hujan, kekasih, kawan, penolong, jiran, kawan yang bersumpah setia, pengikut dan kaum kerabat. ( الله وليك ) maksudnya Allah menjaga dan memelihara kamu. ( المؤمن ولی الله ) maksudnya Mu'min yang taat kepada Allah. Ia juga diertikan sebagai orang yang suci dalam agama Kristian. ( ولی العهد ) bererti orang yang mewarisi kerajaan. ( ولی اليتيم ) bererti orang yang mengurus anak yatim.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Syeikh Majduddin Muhammad bin Yaacob Al-Fairuz Al-Abadi, Qamus Al-Muhit, jil. ke 4, Dar Fikri, Beirut 1983, m.s. 401.

<sup>2</sup> Dr. Khalil Al-Jurr, Mu<sup>c</sup>jam Mausu<sup>c</sup>i Lilihami<sup>c</sup> Larus, Maktabah Larus, Paris, 1987, m.s. 1298.

Walayah bererti pertolongan, wilayah bererti pemerintahan, kedua-dua berasal dari perkataan wali. Walayah juga memberi erti rububiyyah iaitu konsep ketuhanan, sebagaimana firman Allah:

هُنَالِكُ الْوَلَايَةُ لِلّٰهِ وَالْحَقُّ

Maksudnya:

"Di sana kekuasaan itu hanya bagi Allah Yang benar."<sup>3</sup>

Orang-orang kafir mengakui kekuasaan Allah dan akan kembali kepadaNya. Di akhirat kelak mereka akan terlepas dari sembah-sembahan mereka. Wilayah juga bermakna kasih sayang. Perkataan wali juga harus diertikan dengan pengertian maf'ul (kena buat), sebagaimana firman Allah:

وَهُوَ يَتَوَلَّ الصَّالِحِينَ

Maksudnya:

"Dan Dialah Yang melindungi orang-orang soleh".<sup>4</sup>

Allah s.w.t. tidak membiarkan hamba-hambaNya dengan kelakuan mereka, bahkan manusia sentiasa di bawah pengawasan Allah. Ia juga boleh diertikan dengan pengertian mubalaghah (melebihi had) iaitu

<sup>3</sup> Surah al-Kahfi, ayat 44.

<sup>4</sup> Surah al-A'raf, ayat 196.

seorang hamba menitikberatkan ketaatannya, sentiasa menjaga hak-hak Allah dan menolak selain daripadaNya.<sup>5</sup>

Semua pengertian tersebut adalah sesuai iaitu dari Al-Haq kepada hamba dan dari hamba kepada Al-Haq, kerana adalah harus bagi Allah memberi pertolongan kepada kekasih-kekasihNya. Dalam hal ini Allah telah menjanjikan kepada kekasih-kekasihNya iaitu para sahabat Rasulullah dengan firmanNya:

اللَّهُ أَنْ نَصْرَاللَّهُ وَقَرِيبٌ

**Maksudnya:**

"Ingatlah bahawa pertolongan Allah itu amat dekat."<sup>6</sup>

**Firman Allah lagi:**

وَأَنَّ الْكَافِرِينَ لَا مَوْلَىٰ لَهُمْ

**Maksudnya:**

"Dan sesungguhnya orang-orang kafir tidak ada penolong bagi mereka."

<sup>5</sup> Dr. As'ad Abdul Hadi, Kasyful Mahjub Lil-Huiwairi, Dirasah. Tarjamah wa Ta'lik. Juz 2, Nov. 1975, Jumhuriah Misra Arabia, m.s. 443-444.

<sup>6</sup> Surah al-Baqarah, ayat 214.

<sup>7</sup> Surah Muhammad, ayat 11.

( لا مولى لهم ) bererti ( لا ناصر لهم ) maksudnya tidak ada penolong bagi mereka.<sup>8</sup>

Perkataan wali berasal dari perkataan al-walyu bererti dekat dan hampir. Wali bererti penolong, teman dan kekasih. Apabila dikatakan individu membantu urusan individu membawa maksud berjanji untuk menjaga dan mendidik, oleh itu bapa dikatakan wali kepada urusan anaknya.<sup>9</sup>

Wali lawannya musuh, wilayah lawannya 'adawah (permusuhan). Setiap orang yang menjaga urusan orang lain, maka ia dipanggil wali sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

أيما امرأة نكحت بغير إذن وليها فنكاحها باطل فنكاحها  
باطل فنكاحها باطل فإن دخل بها فلها المهر مما استحمل من  
فرجها وإن اشترعوا فالسلطان ولی لمن لا ولی له .

Maksudnya:

"Mana-mana wanita yang kahwin tanpa izin walinya, maka nikahnya batal, nikahnya batal, nikahnya batal, jika melakukan persetubuhan, wajib bagi lelaki membayar maskahwin bagi menghalalkan faraj wanita, dan jika sekiranya mereka enggan, maka sultannah yang menjadi wali bagi sesiapa yang tidak ada wali".<sup>10</sup>

<sup>8</sup> Ibid., m.s. 444.

<sup>9</sup> Saad Sadiq Muhammad Assira<sup>g</sup> Bainal Haq wal Batil, cet. ke 4, Dar. Al-Liwa' Li-nasyri wattawzi, Riyad, 1978, m.s. 16.

<sup>10</sup> Sunan Tirmizi, Al-Kutub Al-Sittah, 13, Kitab An-Nikah, 3-4 Gagri Yayınlari, Istanbul, m.s. 408.

Riwayat Imam Ahmad, Ibn Majah, Abu Daud, Tarmizi, Hakim, dan Sayuti r.a. daripada 'Aisyah r.a.

Wilayah bererti sultan, walayah bererti pertolongan. Boleh juga dimaksudkan wali bagi anak yatim, wali nikah bagi wanita, yang mana tanpa wali, nikahnya tidak sah.

Perkataan wali boleh disandarkan kepada beberapa lapisan masyarakat, iaitu: tuan, raja, yang memberi rahmat, yang memerdekaan, penolong, kekasih, pengikut, jiran, sepupu, kaum kerabat, orang yang bersumpah, orang yang bersekutu, hamba, orang yang dimerdekaan, anak saudara dan orang yang diberi nikmat.<sup>11</sup>

Wali dan waliyyah bererti dekat dan hampir, sebagaimana nasyid Abu Ubaidah:

وَشَطَّوْيِ النُّوْيِ إِنَّ النُّوْيِ قَدْفٌ

تِبَاحَهُ غَرْبَهُ بِالدَّارِ أَحْيَانًا

Wali ( ولی ) dan Wāli ( ولی ) dua nama dari nama-nama Allah (Asma'ulhusna). Wali bermaksud penolong dan pendokong kepada wali-walinya, dan yang menguasai ( المَتَوْلِي ) urusan alam dan makhluk-makhluk. Wali bermaksud Dialah Raja bagi semua pengurus di alam ini.<sup>12</sup>

<sup>11</sup> Syeikh Ali Zainal'abidin, Taj al-Aulia' wa al-Aulia' cet. 1, Dar wa Maktabah Al-Hilal, 1984, m.s. 9.

<sup>12</sup> Ibid., m.s. 10.

Dalam hadith Qudsi Allah berfirman:

وَمِنْ عَادٍ لَىٰ وَلِيَا فَقَدْ أَذْنَتْهُ بِالْحَرْبِ

Maksudnya:

"Sesiapa yang menyakiti waliku<sup>13</sup>, maka sesungguhnya aku mengizinkan perang terhadapnya".  
(Hadith sohib riwayat Bukhari dan Abu Hurairah)

Erti wali di sini lawannya musuh. Wilayah lawannya permusuhan. Asal wilayah ialah kasih sayang dan mendekatkan diri. Asal 'adawah (permusuhan) ialah marah dan jauh diri.<sup>14</sup>

Pengertian ini bertepatan dengan firman Allah:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا يَخْوِفُونَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَعْزَزُونَ الَّذِينَ أَمْنَوْا  
وَكَانُوا يَسْقُونَ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ •

Maksudnya:

"Ketahuilah bahwa wali-wali Allah itu tidak ada ketakutan ke atas mereka dan pula mereka berduka cita, mereka itu beriman dan selalu bertaqwa. Bagi mereka berita gembira di kehidupan dunia dan akhirat".<sup>15</sup>

<sup>13</sup> Riwayat Bukhari, Al-Ahadith Al-Qudsiyah, cet. ke 6, juz. 1 & 2. Bab Tawadhu', Maktabah Mujahid Al-Arabi, Al-Azhar Kaherah, 1986, m.s. 81.

<sup>14</sup> Imam As-Syaukani, Qatrulwali <sup>c</sup>ala Hadith al-Wali, Dar Ihya At-turas Al-Arabi, Beirut, m.s. 236.

<sup>15</sup> Surah Yunus, ayat 63.

Perkataan wali diertikan dengan mendekatkan diri adalah lebih tepat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.<sup>16</sup>

الْحِقُّوْفَارَاضِبِاهْلِهَا فَمَابَقِيْ فَلَاْوَنِ رَجُلْذَكَرْ .

Maksudnya:

"Berikan faraid itu kepada yang berhak, maka ketetapan faraid itu ialah kepada ahlinya yang selaku wali kepada laki-laki itu (wali dari mayat tersebut)".<sup>17</sup>  
Riwayat Bukhari dan muslim dari Ibnu Abbas.

Dari segi istilah:

Makna wilayah pada hakikatnya ialah satu cara dalaman atau metod bathin yang tidak diketahui caranya melainkan Allah sahaja. Ia merupakan hubungan rahsia yang mengikat antara hamba dengan Allah dan hubungan hamba dengan hamba di atas asas ikhlas, iman dan taqwa.<sup>18</sup> Sebagaimana tersebut dalam hadith Qudsi, dari Abi Imamah Rasulullah bersabda: Diriwayatkan dari Rabbu'Izzati s.w.t. dalam hadith Qudsi:

إِنَّ أَغْبَطَ أُولَيَّاً فِي عِنْدِي لَمْ يُؤْمِنْ خَفِيفُ الْعَادِ ذُوفَحَظٌ مِّنَ الصَّلَاةِ  
أَحْسَنَ عِبَادَةً رَبَّهُ وَأَطَاعَهُ فِي السِّرِّ وَكَانَ غَامِضًا فِي النَّاسِ مِنْ  
لَا يُشَارِ إِلَيْهِ بِالْأَصَابِعِ ... رواه احمد و روي

<sup>16</sup> Ibnu Taimiyah, Al-Furqah Baina Aulia' Rahmani wa Aulia'assvaitan, cet. ke 2, 1390H., Al-Maktabah Al-Islami, m.s. 34.

<sup>17</sup> Sohih Bukhari 7-8, Kutub As-Sittah 30, Kitab Faraid, Gagri Yayınlari, Istanbul, m.s. 6.

<sup>18</sup> Saad Sodiq Muhammad, Assira C Baina Al-Haq wal Bathil, m.s. 18.

Maksudnya:

"Sesungguhnya wali-waliku yang paling dicemburi ialah mu'min yang mudah melakukan pekerjaan, memperuntukkan masa untuk sembahyang, memperelokkan ibadat kepada TuhanYa, taat kepadaNya walaupun di tempat yang tersembunyi,<sup>19</sup> ianya sukar dikenali dan tidak termasyhur."

Wali Allah yang sebenar tidak mengisyiharkan bahawa diri mereka sebenarnya adalah wali Allah. Ini adalah kerana wilayah yang sebenar adalah di dalam hati iaitu iman dan taqwa. Tanda-tandanya tidak dapat diketahui dan tidak dapat disentuh kecuali istiqamah, dan cinta kepada Allah dan Rasulnya, tunduk kepada perintah-perintah agama dan menjauhi larangannya. Wali Allah itu adalah orang yang beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman, mengenal Allah dengan sebenar-benar <sup>ma'</sup>rifah, berpegang kepada KitabNya dan sunnah RasulNya, beramal soleh dengan tujuan menuntut keredhaan daripada Allah serta meninggalkan perkara-perkara jahat kerana takut kepada murka Allah.

Mereka adalah orang yang mempercayai sunnah Allah di alam ini. Mereka mengambilkira sebab-sebab lain serta bertawakal kepada Allah, perjalanan hidup mereka di dunia berpandukan kepada petunjuk iman.

---

<sup>19</sup> Sunan Tirmizi, Al-Jami' u Sohib, juz. ke 4, cet. ke 2, Kitab Zuhud, 1975, m.s. 575.

Mereka mengetahui hakikat agama Allah, mereka membantu agama Allah dengan sokongan dan dokongan mereka. Mereka menyampaikan agama Allah kepada manusia dengan penuh kejujuran dan kebenaran, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah. Mereka tidak menyembunyikan suruhan Allah sedikitpun. Dalam menyampaikan dakwah mereka tidak takut sedikitpun kepada orang-orang yang mencela serta tidak merasa gerun dan gentar sedikitpun walaupun mereka dianiaya. Mereka menganggap segala musibah yang menimpa mereka adalah merupakan ujian dari Allah terhadap keimanan mereka.<sup>20</sup>

Iman dan taqwa menjadi syarat utama untuk menjadi wali Allah, sebagaimana firman Allah dalam surah Yunus ayat 63, maksudnya:

"Ketahuilah bahwa sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak ada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula mereka berdukacita, mereka itu beriman dan bertaqwa".

Rasulullah juga bersabda bahawa Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا يَرَالْعَبُدِيْ يَتَقَرَّبُ إِلَيْهِ بِالنَّوْافِلِ حَتَّىٰ أُحِبَّهُ

Maksudnya:

"Dan sentiasalah nampaku mendekatkan diri kepadaKu dengan mengerjakan ibadat-ibadat sunat sehingga Aku menyintainya." (Riwayat Bukhari)

<sup>20</sup> Ibid., m.s. 21 & 22.

<sup>21</sup> \_\_\_\_\_, Al-Ahadith - Al-Qudsiyah, Op. Cit.

m.s. 81.

Seseorang itu tidak dikatakan mukmin yang bertaqwa sehingga-lah ia mendekatkan dirinya kepada Allah dengan mengerjakan perkara-perkara yang wajib sehingga tergolong dalam kumpulan orang-orang yang beramal soleh (puak pihak kanan). Selain dari kewajipan, dia juga mendekatkan diri kepada Allah dengan mengerjakan amalan-amalan sunat sehinggalah ia menjadi golongan "Sabiqin" dan "Muqarrabin".

Perlu diingatkan bahawa orang-orang kafir dan munafik, tidak sekali-kali menjadi wali Allah.<sup>22</sup>

Allah s.w.t. mengurniakan akal yang bijak kepada mereka untuk mengambil ayat-ayat Al-Quran sebagai dalil, pengertian ayat suci Al-Quran adalah jelas dalam jiwa mereka. Allah menolong mereka dalam menghadapi nafsu dan syaitan.

Sebagai contoh, kurniaan Allah kepada Khalifah Omar Al-Khattab. Pada masa pemerintahan Omar, Amru Al-As telah membuka Mesir, beliau nahu menghapuskan adat mencampak gadis ke dalam sungai Nil pada setiap tahun yang dilakukan oleh orang-orang Mesir. Oleh kerana gadis tidak dicampakkan lagi, menyebabkan sungai Nil tidak lagi mengalir. Lalu Amru menulis surat kepada khalifah Omar dengan

---

<sup>22</sup> Ibnu Taimiyyah, Majmu' Fatawa (Tasawwuf), jilid 12, cet. 1, 139H. m.s. 190 & 191.

menceritakan kejadian tersebut. Lantas Omar membalas surat tersebut, yang berbunyi:

"Dari hamba Allah Omar Amirulmu'min kepada sungai Nil Mesir: Wahai sungai, adalah tidak patut jika sekiranya engkau berhenti dengan kehendakmu sendiri, dan jika engkau berhenti dengan perintah Allah, maka Omar menyeru, mengalirlah."

Setelah Amru mencampakkan surat tersebut ke dalam sungai Nil airpun terus mengalir.<sup>23</sup>

Itulah kurniaan Allah kepada hamba-hambaNya yang dikasihi. Mereka dikurniakan dengan berbagai karamah. Tindak-tanduk mereka terlepas dari hawa nafsu. Orang seperti ini telah lama lahir, sedang lahir dan akan berterusan sehingga hari Qiamat, kerana Allah s.w.t. memuliakan umat nabi Muhammad dari umat-umat yang terdahulu dan menjamin terpeliharanya syariat Nabi Muhammad s.a.w. selama mana dalil-dalil dan hujah-hujah aqli masih ada di kalangan para ulama', begitu juga dengan dalil ain masih wujud di kalangan para wali Allah dan Khawas ( خواص ).<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Al-Hujwiri, Op. Cit., m.s. 445.

<sup>24</sup> Ibid., m.s. 446.

Mereka mendapat cinta yang khusus dari Allah s.w.t. serta mendapat perlindungan dari segala bentuk permusuhan,<sup>25</sup> hal ini ditegaskan dengan firman Allah s.w.t.:

بِحُبِّهِمْ وَبِخُلُوقِهِمْ

**Maksudnya:**

"Dia (Allah) mencintai mereka dan mereka mencintai Allah."<sup>26</sup>

Oleh itu jadilah Allah sebagai wali mereka dan mereka sebagai wali-wali Allah.

Adalah harus bagi Allah s.w.t. menganugerahkan kepada seseorang sebagai wali disebabkan oleh ketaatannya kepada Allah s.w.t., oleh itu keadaan mereka sentiasa terkawal dengan melakukan ketaatan dan meninggalkan larangan. Kebaikan mereka ini menyebabkan syaitan lari dari mereka.

Seorang pemerintah juga berkemungkinan mendapat anugerah sebagai wali, yang mana mereka dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Doa-doa mereka adalah mustajab dan jiwa-jiwa mereka diterima di sisi Allah s.w.t. dalam hal ini Rasulullah bersabda:

<sup>25</sup> Al-Hujwiiri, Kasyful Mahjub, juzuk ke 2, Jumhuriah Misr al-Arabiah, Iujnah Ta'rif bil-Islam, November 1980, m.s. 444.

<sup>26</sup> Surah Al-Maidah ayat 54.

رَبَّ أَسْعَثَ مَدْفُوعًا بِالْأَبْوَابِ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ الْأَجْرَهُ

Maksudnya:

"Boleh jadi orang yang selekeh tubuh badannya dan ianya tidak dipedulikan orang, kalau ia memohon kepada Allah, niscaya Allah kurniakan permohonan itu."<sup>27</sup>

Wali Allah ialah orang-orang yang bersetuju atau menerima serta mengikuti apa-apa yang disukai oleh Allah dan meredhai apa-apa yang diredhai oleh Allah. Mereka juga murka terhadap sesiapa yang dimurkai oleh Allah, menyuruh apa-apa yang diperintahkan oleh Allah dan melarang apa-apa yang ditegah oleh Allah. Orang-orang yang memusuhi wali Allah bererti ia telah memusuhi Allah.<sup>28</sup>

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَخَذُ دُوَّارِي وَعَدُوَّكُمْ  
أَوْ لِيَاءً تُلْقُونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhku dan musuhmu menjadi teman-teman setia, yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) kerana rasa kasih sayang".<sup>29</sup>

<sup>27</sup> Sohih Muslim (Kitab Bir), juz. 15, Syarah Nawawi Dar Fikri, Mesir, 1981, m.s. 174.

<sup>28</sup> Ibnu Taimiyyah, Al-Furqan baina Aulia' Rahman wa Aulia' Syaitan, cet. ke 2, Al-Maktabah Al-Islami, Beirut, 1390H, m.s. 24.

<sup>29</sup> Surah Mumtahanah, ayat 1.

Dalam hal ini Rasulullah juga bersabda dalam hadith Qudsi:

مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ أَذْنَتْهُ بِالْحَرْبِ

Bermaksud:

"Sesiapa yang memusuhi waliku, maka aku mengizinkan perang ke atasnya."

(Riwayat Bukhari dan Abu Hurairah)

Mengikut kaedah sufiah, setiap rasul adalah nabi, setiap nabi adalah wali dan setiap wali adalah sufi. Tidak boleh dikatakan nabi kalau tidak wali dan tidak boleh dikatakan wali kalau tidak orang sufi. Oleh yang demikian, rasul itu mestilah seorang sufi, kerana seorang rasul benar-benar berhati sufiah.<sup>29</sup>

Wali-wali Allah yang paling tinggi darjatnya ialah para nabi. Selebih-lebih para nabi ialah rasul-rasul dan selebih-lebih rasul ialah rasul Ululazmi (Nuh, Ibrahim, Musa, Isa, dan Muhammad s.a.w.). Manakala Ululazmi yang paling tinggi darjatnya ialah Nabi Muhammad s.a.w., penamat nabi-nabi dan pemimpin orang-orang yang bertaqwa dan penghulu kepada anak-anak Adam, ketua kepada Anbiya' apabila mereka berkumpul dan sebagai juru bicara dalam rombongan. Mempunyai darjat yang terpuji dan dikagumi oleh orang-orang yang terdahulu, sekarang dan akan datang. Boleh memberi Syafaah kepada umatnya pada hari qiamat kelak. Ia diutuskan dengan kitab yang

<sup>30</sup> Mustapha Mohamed Al-Jiasi, Mengenal Diri dan Wali Allah, Pustaka Aman Press, Kelantan, cet. ke 16, 1988, m.s. 41 & 42.

paling baik dan sempurna, jika dibandingkan dengan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, begitu juga dengan syariatnya.<sup>31</sup>

Wali Allah adalah mereka yang beriman kepada Rasulullah s.a.w. serta beriman dengan apa-apa yang dibawa oleh Rasulullah dengan mematuhinya zahir dan bathin. Sesiapa yang mendakwa cinta kepada Allah dan menganggap Allah sebagai pemimpin (Wali) tetapi tidak mengikuti Rasulullah, maka dia bukanlah wali Allah, bahkan mereka itu berlawanan dengan wali Allah iaitu mush Allah dan wali-wali syaitan.<sup>32</sup> Dalam hal ini Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ إِنَّ كُنْتُمْ تَحْبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُوهُ إِنْ يُحِبِّبْكُمُ اللَّهُ .

Maksudnya:

"Katakanlah, jika kamu cinta kepada Allah turutlah akan daku (Muhammad s.a.w.) niscaya Allah akan cinta kepada kamu."<sup>33</sup>

Hasan Al-Basri mengatakan sebab turun ayat tersebut adalah kerana satu kaum mendakwa bahawa mereka mencintai Allah. Oleh itu Allah menurunkan ayat tersebut untuk menguji mereka. Dalam ayat

---

<sup>31</sup> Ibn Taimiyyah, Op. Cit., m.s. 24.

<sup>32</sup> Ibid., m.s. 27.

<sup>33</sup> Surah Aāli-Imran, ayat 31.

tersebut Allah menerangkan bahawa orang yang taat dan mengikut Rasul, mereka lah yang dicintai oleh Allah. Mereka yang mendakwa cinta kepada Allah tetapi tidak mengikut Rasulullah, maka mereka bukanlah wali Allah sekalipun ramai orang yang menganggap bahawa mereka lah wali Allah. Keadaan ini berlaku kepada orang-orang Yahudi dan Nasara, yang mana mereka mengaku mereka lah wali-wali Allah.<sup>34</sup> Allah s.w.t. berfirman:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ لِلَّامَنَ كَانَ هُودًا أَوْ نَصَارَى فِي قُلُّكُمْ  
أَمَّا فِيهِمْ، قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ، بَلْ مَنْ  
أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرٌ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خُوفٌ  
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ .

Maksudnya:

"Dan mereka (Yahudi dan Nasara) berkata: Tidak akan masuk syurga melainkan sesiapa yang Yahudi dan Nasrani, yang demikian itu adalah kerana angan-angan mereka. Katakanlah: Unjukkanlah keterangan kamu jika kamu orang-orang yang benar. Bahkan siapa yang serahkan dirinya kepada Allah dan ia berbuat baik, maka dia dapat ganjarannya dari sisi TuhanYa dan tidak ada ketakutan ke atas diri mereka dan tidak pula mereka berdukacita."<sup>35</sup>

<sup>34</sup> Ibnu Taimiyyah, op. cit., m.s. 27.

<sup>35</sup> Surah Baqarah, ayat 111 & 112.

Kaum musyrikin Arab juga mendakwa bahawa mereka lah ahli Allah kerana mereka tinggal di Mekah dan berhampiran dengan Kaabah. Oleh itu mereka merasa bangga dan angkuh, sepetimana firman Allah:

وَمَا لَهُمْ أَلَا يَعْذِبُهُمُ اللَّهُ وَهُمْ يَصْدُونَ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَا كَانُوا أُولَئِيْءَ إِنْ أُولَئِيْءُ إِلَّا مُتَقْوِنُونَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ .

Maksudnya:

"Kenapa Allah tidak mengazab mereka padahal mereka menghalangi orang untuk (mendatangani Masjidilharam dan mereka bukanlah orang-orang yang berhak menguasainya. Orang-orang yang berhak menguasainya hanyalah orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakannya mereka tidak mengetahui."<sup>36</sup>

Di dalam ayat tersebut, Allah menerangkan bahawa orang-orang musyrikin bukanlah wali Allah dan bukan penguasa Baitullah, wali Allah hanyalah orang-orang yang bertaqwa.

Oleh kerana dari segi bahasa, perkataan wali bererti "Qarib" atau dekat, ini membawa maksud apabila seseorang hamba dekat kepada Allah s.w.t. disebabkan oleh banyaknya ketaatan dan keikhlasannya menyebabkan Allah s.w.t. juga dekat kepadanya dengan segala rahmat

---

<sup>36</sup> Surah Al-Anfal, ayat 34.

keutamaan dan ihsan. Dengan itu terjadilah pangkat kewalian kepada orang tersebut. Bergelarlah ia dengan gelaran "Wali Allah". Ini bertepatan dengan firman Allah dan surah Yunus yang menyifatkan bahawa wali Allah itu adalah orang-orang yang teguh dan tidak takut, tidak bimbang dan tidak dukacita. Ini adalah kerana mereka mendapat berita gembira dari Allah tentang kehidupan di dunia dan di akhirat. Mereka tidak ragu sedikitpun dengan janji Allah, kerana sesungguhnya Allah itu apabila berjanji tidak pernah memungkiri janjinya.<sup>37</sup>

Orang-orang Syiah dan ahli tasawwuf mengkhususkan makna wali Allah. Mereka juga memasukkan unsur luar dan bid'ah, lalu mereka menyifatkan wali Allah itu kepada individu-individu tertentu. Samada dari keluarga Rasulullah atau kepada ahli al-Bait yang bermazhab Syiah.

Imam Syaukani berpendapat perkataan wali ditujukan kepada seluruh bangsa secara umum tanpa menghadkan kepada orang salaf sahaja. Seseorang itu tidak berhak menentukan kalimah wali kepada dirinya atau kepada individu lain, kecuali mereka yang disebut di dalam Al-Quran iaitu sahabat Rasulullah s.a.w. atau kepada mereka yang telah mencapai tahap kecintaan yang sungguh-sungguh kepada

---

<sup>37</sup> Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Keramat Wali-wali Allah, cet. 2, Percetakan MM Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Januari 1988, m.s. 9.

Sedangkan untuk mengetahui mereka yang benar-benar cinta kepada Allah adalah terlalu sukar kecuali pada hari pembalasan nanti.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, sahabat-sahabat Rasulullah boleh dikatakan wali Allah kerana mereka membantu Rasulullah dalam mengembangkan agama Allah.<sup>39</sup> Sebagaimana firman Allah:

فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّزُوهُ وَنَصَرُوهُ وَأَشْبَعُوا النُّورَ  
الَّذِي أَنْزَلَ مَعَهُ أُولَئِنَّكُمُ الْمُفْلِحُونَ .

Maksudnya:

"Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakan-nya, menolongnya, dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya<sup>40</sup> (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang beruntung."

Imam Syaukani, Berkata:

"Sesiapa yang ingin menjadi wali hendaklah ia berpegang kepada kitab Allah dan Rasulullah s.a.w., tutur-kata dan segala tindakan hendaklah selaras dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah. Serta setiap pertimbangannya mengikut neraca Al-Quran dan sunnah."

<sup>38</sup> Imam As-Syaukani, Qatrul Wali<sup>c</sup>ala Hadithil Wali, atau Wilayatullah wa Al-Tariq Ilaiha, Dar Ihya' Atturas Al-Arabi, Beirut, m.s. 69 & 70.

<sup>39</sup> Ibid., m.s. 75.

<sup>40</sup> Surah Al-A'raf, ayat 157.

Pendapat Imam As-Syaukani dibuktikan dengan keperibadian seorang wali besar iaitu Sayyidina Omar Al-Khattab. Beliau sentiasa merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah samada perkara-perkara yang dilakukan atau yang ditinggalkan. Oleh itu sesiapa yang bertindak tidak mengikut Al-Quran dan Sunnah, tidak dikira sebagai auliaullah.<sup>41</sup>

Dalam hadith sohih dari Amru bin Al-Ass r.a., beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. berkata dengan jelas:

إِنَّمَا لِلْفَلَانِ لِيُسْأَلُ بِأَوْلِيَاءِهِ، يَعْنِي طَافِقَةَ مِنْ

أَفْارِيهِ! إِنَّمَا لِيُسْأَلُ اللَّهُ وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ.

Maksudnya:



"Sesungguhnya keluarga seseorang bukanlah penolong bagiku (iaitu satu golongan dari keluarga Rasulullah) bahkan penolongku ialah Allah dan orang-orang yang baik di kalangan orang-orang yang beriman."<sup>42</sup>

Riwayat Bukhari dan Muslim

<sup>41</sup> Imam As-Syaukani, Op. Cit., m.s. 74.

<sup>42</sup> Sohih Muslim, juz. 1, Kitab Iman, cetakan Isa Al-Babi, Al-Halabi wa syarakahu, Mesir, m.s. 11.

Hadith ini bertepatan dengan firman Allah:

فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ .

Maksudnya:

"Maka sesungguhnya Allah adalah pelindung (wal) dan (begitu<sup>43</sup> pula) Jibril dan orang-orang mu'min yang baik."

Wali Allah yang dimaksudkan di sini ialah mu'min yang baik dan bertaqwa. Mereka itu termasuklah Khulafa' Ar-Rasyidin iaitu Abu Bakar, Omar, Osman dan Ali dan juga semua ahli Bai'ah Ridwan mereka itu seramai 400 orang.<sup>44</sup> Kesemuanya akan masuk syurga, ini bersandarkan kepada hadith Sohih Rasulullah s.a.w.:

لَا يَدْخُلُ النَّارَ أَحَدٌ مِّنْ بَاعَ تَحْتَ السَّجَرَةِ .

Maksudnya:

"Tidak masuk neraka seorangpun mereka yang berbai'ah di bawah pokok (Bai'ah Ridwan)."

Riwayat Muslim, Abu Daud dan Tarmizi dari Jabir.<sup>45</sup>

<sup>43</sup> Surah At-Tahrim, ayat 4.

<sup>44</sup> Ibnu Taimiyah, Op. Cit., m.s. 28 & 29.

<sup>45</sup> Sunan Tarmizi, Jami' As-Sohih, juz. ke 5, Kitab Manaqib, cet. ke 2, 1975, m.s. 695.

Imam Ibnu Taimiyyah mengatakan bahawa sesiapa yang percaya seseorang sebagai wali Allah, sedang orang tersebut tidak mengikut sunnah Rasulullah, maka ia dihukum kafir dan dikira sebagai wali syaitan. Seseorang itu tidak dikira sebagai wali Allah, walaupun mereka telah mencapai taraf kezuhudan, kuat beribadat dan mempunyai ilmu, sekiranya ia tidak beriman kepada apa yang dibawa oleh Rasulullah. Seperti al-Ahbar dan ar-Ruhban iaitu ulama' Yahudi dan Kristian.<sup>46</sup>

Abu Osman al-Maghribi berkata: "Wali-wali itu kadang-kadang terkenal dan tidak pula difitnah." Pendapat lain pula mengatakan bahawa wali-wali Allah tersebunyi dan tidak dikenali. Mereka terpelihara dari terkenal sebagai wali Allah kerana kemasyhuran itu boleh menimbulkan fitnah. Walau bagaimanapun, Abu Osman berpendapat bahawa wali Allah boleh termasyhur tetapi dengan syarat kemasyhuran itu tidak menimbulkan fitnah. Ini adalah kerana fitnah merupakan pendustaan, sedangkan wali itu adalah benar dan tidak berlaku fitnah dalam kewalian.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Ibid., m.s. 36.

<sup>47</sup> As'ad Abdul Hadi Qandil, Kashful Mahjub Lil-Huiwiiri, Jumhuriah Misr Arabiah, November 1975, juz. 2, m.s. 402.

Abu Ali al-Jurjani mengatakan: "Wali adalah orang yang fana keadaannya dan baqa' dalam menyaksi Al-Haq". Tidak ada cerita tentang dirinya dan tidak ada satu ketetapan kecuali dari Allah. <sup>48</sup>

Imam Syatibi dalam bukunya al-I'tisam berkata:

"..... urusan wali adalah tersembunyi kerana pada hakikatnya ia merujuk kepada perkara-perkara bathin, tidak sesiapapun mengetahuinya melainkan Allah. Ini adalah kerana ditakuti kemungkinan berlakunya kesilapan dalam menentukan wali atau ditakuti ada orang yang mendakwa dirinya sebagai wali."

Ahli hakikat mendefinisikan wali Allah kepada dua pengertian:

1. Orang yang dilindungi Allah dan dirinya tidak dibebani oleh sesuatu sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ يَتَوَلَّ الصَّالِحِينَ

Maksudnya:

"Dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."

2. Orang yang dikuasai oleh dirinya dengan beribadah kepada Allah dan mentaatinya. Ibadahnya tidak diganggu oleh

<sup>48</sup> Ibid., m.s. 451.

<sup>49</sup> Saad Sodiq Muhammad, Asira<sup>g</sup> Bainal Haqii Wal bathil, Dar Liwa' Linnasyri wa Tauzi<sup>c</sup>, cet. ke 4, 1978, m.s. 39.

maksiat dan atau kelesuan. Hal yang demikian itu kerana Allah mengawasi dan melindungi mereka, kerana salah satu syarat seseorang wali ialah "Mahfuz" (terjaga) sifat yang hampir sama dengan rasul iaitu "Ma'sum".<sup>50</sup>

Ahli Sunnah, Mu'tazilah, Syi'ah, Khawarij dan kumpulan muslimin yang lainnya bersepakat mengatakan bahawa, wali ialah orang yang menjadikan Allah sebagai pelindung yang ditaati dengan itu Allah melindungi dan menjaganya dari fitnah-fitnah dan cubaan-cubaan dalam agamanya. Allah juga memberi petunjuk dan bantuan dalam pertuturan, perbuatan dan lintasan hatinya. Ianya dimuliakan semasa hidup di dunia dan selepas matinya. Kedudukannya dicemburui oleh Nabi-nabi dan para syuhada'. Kedudukannya dikuatkan oleh perkara-perkara luar biasa yang berlaku ke atas dirinya untuk membuktikan kebenaran ibadah dan wilayah kepada Allah s.w.t. Ia juga sentiasa dihiburkan dengan mimpi yang indah yang mana mereka dapat melihat di dalamnya perkara-perkara yang berkaitan dengan hari akhirat.<sup>51</sup>

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibnu Abi Hatim, Abu Wahab al-Munabbih dari Abu Nu'aim, beliau berkata:

<sup>50</sup> Muhammad Abu Faid, Jamharatul Auliya' wa A'laj Tasawwuf, Muassasah Al-Halabi, juz. 1, m.s. 97.

<sup>51</sup> Syeikh Ali Zainal'abidin, Taj al-Aulia' wa al-Aulia' Dar wa Maktabah Hilal, cet. 1, 1984, m.s. 185.

Orang-orang Hawariyyih bertanya: Wahai Isa, siapakah wali-wali Allah yang tidak ada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula berdukacita. Nabi Isa menjawab: Mereka ialah orang yang melihat kepada bathin dunia ketika orang lain melihat kepada zahirnya, mereka memandang kepada ganjaran akhirat ketika orang lain melihat kepada ganjaran di dunia ...

Mereka gembira dengan kesedihan yang menimpa mereka, menolak segala kemewahan dunia dan meninggalkan pangkat ketinggian dunia yang bathil, jika dunia hancur mereka bukanlah pemakmurnya, dunia telah mati dalam jiwa mereka. Mereka menghancurkan dunia dan membina akhirat di atas kehancuran tersebut. Mereka menjual dunia dan membeli akhirat yang kekal untuk mereka. Mereka menolak dunia dan gembira dengan penolakan tersebut.<sup>52</sup>

Ahli hakikat berselisih pendapat tentang harus atau tidak seorang wali mengetahui samada dirinya wali atau tidak.

Setengah pendapat mengatakan tidak harus. Ini adalah kerana kalaullah lahir karamah-karamah kemungkinan karamah tersebut merupakan penipuan dari Allah. Kerana sudah berapa ramai orang yang pada

<sup>52</sup> Hafiz Abi Nu'aim Ahmad bin Abdullah, Hilyatul Aulia' wa Tabaqatul Asfiya', Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, cet. 2, 1967, m.s. 10.

mulanya merupakan orang yang baik dan mempunyai karamah tetapi akhirnya berlaku di sebaliknya.

Setengahnya pula termasuk Abu Ali Ad-Dadaq berpendapat:

Wali harus mengetahui bahawa dia adalah seorang wali. Ini dapat diperhatikan melalui ganjaran yang diterimanya dan karamah-karamah yang berlaku secara berterusan ke atasnya.

Abu Yazid Al-Bastomi pula berpendapat:

Wali-wali Allah adalah merupakan pengantin-pengantin Allah di bumi, mereka tidak melihat kecuali kepada mahram mereka sahaja. Mereka tersembunyi di sisi Allah dengan hijab ketenangan. Hakikat mereka tidak diketahui oleh sesiapapun samada di dunia maupun di akhirat.

Tanda-tanda wali ada tiga iaitu:

1. Cita-citanya hanya kepada Allah.
2. Kembali/merujuk kepada Allah.
3. Sibuk dengan Allah s.w.t.

Dikatakan bahawa, wali adalah seorang yang sentiasa melihat dirinya dalam keadaan hina. Dia merasa bimbang berlakunya perubahan pada dirinya yang baik kepada jahat. Dia juga tidak percaya kepada

karamah yang lahir darinya serta tidak tertipu dengannya, juga tidak pernah mendakwa bahawa dia mempunyai karamah.

Kharraz berkata:

"Jika Allah ingin menjadikan hambaNya sebagai wali, akan terbukalah pintu zikirnya kepada Allah. Sedang ia berenak-enak dengan zikir, dibukakan baginya pintu "qurb" (dekat kepada Allah) kemudian diangkat ke majlis-majlis "uns" (tenang), didudukkan di atas kerusi tauhid dan diangkat darinya hijab kemudian dimasukkan ke pintu yang tunggal. Di situ dibuka untuknya kitab (سُكُون) Allah. Apabila pandangannya tertumpu kepada Yang Maha Mulia dan Yang Maha Besar jadilah ia "baqa" dengan tidak merasa kewujudan dirinya lagi dan inilah yang dinamakan "fana". Dengan ini ia berada dalam penjagaan Allah dan terlepas dari cengkaman dirinya. Oleh itu jadilah ia sebagai seorang wali.".

Perasaan takut kepada Allah dalam jiwa seorang wali tidak akan hilang bahkan itulah sifat kebiasaan seorang wali. Jika sekiranya hilang sifat tersebut dari seorang wali, maka itu adalah sesuatu yang luar biasa. Kemungkinan seseorang yang menjadi wali kemudian terbatal kewaliannya pada sesetengah tempat dan keadaan. Biasanya wali itu jelas perjalanan hidupnya, dari kegelapan kepada cahaya kebenaran dalam menunaikan hak-hak Allah. Mereka memiliki sifat kesian belas terhadap semua makhluk Allah dalam semua keadaan dan bertanggungjawab, serta meminta ihsan dari Allah untuk mereka, walaupun ia tidak pernah diminta berbuat demikian. Seorang wali sanggup menangguhkan cita-citanya demi kepentingan orang lain dan

tidak pernah bertindakbalas terhadap kesalahan orang lain. Mereka menahan diri dari mengganggu harta orang lain. Mereka juga sentiasa mengawasi lidah dalam keadaan mana sekalipun juga tidak menghiraukan keburukan orang lain. Mereka tidak pernah bermusuh dengan sesiapapun.<sup>53</sup>

Muhammad Abu Al-Faid menyebutkan bahawa wali-wali Allah sentiasa menjaga kesempurnaan aqidah, amalan dan keadaannya. Mereka sentiasa menyaksikan Allah dengan mata hati, inilah keadaan aqidah mereka. Manakala amalan mereka pula, mereka mengambil sesuatu yang lebih baik dan menyeluruh. Mereka sudi mendengar kata-kata orang dan mengikut apa yang terbaik. Manakala keadaan mereka pula berada dalam keadaan rabbani, lidah mereka tajam dan hati mereka sejahtera.<sup>54</sup>

Sebagai kesimpulannya, perkataan wali dan pecahan-pecahan memberi erti sekitar cinta, dekat, kawan dan pertolongan. Manakala wali Allah pula adalah mereka yang beriman kepada Allah dan rasulNya serta mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan.

<sup>53</sup> Muhammad Abu Faid, Op. Cit., juz. 1, m.s. 97 & 98.

<sup>54</sup> Ibid., m.s. 100.

## B. JUMLAH WALI DAN PEMBAHAGIANNYA

Al-Hijwiiri mengatakan bahawa terdapat kira-kira 4,000 orang wali yang tersembunyi sehingga mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

1. 300 orang Al-Akhyar.
2. 40 orang Al-Abdal.
3. 7 orang Al-Abrar.
4. 4 orang Al-Autad.
5. 3 orang Nuqaba'.
6. Seorang Qutub atau Ghaus.

Mereka ini mengenali antara satu dengan yang lain. Ahli sunnah juga mengakui kesohilan mereka.<sup>55</sup>

Pembahagian ini berbeza dengan pembahagian yang dibuat oleh Al-Jurjani iaitu:

1. Seorang Qutub dan Ghaus

---

<sup>55</sup> Al-Hujwiri, Op. Cit., m.s. 447 & 448.

Dia merupakan tempat atau tumpuan pandangan Allah di alam ini, pada setiap zaman dan tempat. Hati nya sama dengan hati malaikat Israfil a.s. Qutub pertama selepas Rasulullah ialah Abu Bakar.

2. 2 orang Imam (Al-Imamaani)

Seorang duduk di sebelah kanan Ghaus, ia sentiasa melandang ke atas (اللّٰكوت). Seorang lagi di sebelah kiri Ghaus, pandangannya ke arah bumi (الملأ). Yang kiri lebih tinggi kedudukannya kerana dia lah yang akan menggantikan tempat Ghaus.

3. 4 orang Al-Autad yang bertugas sebagai penjaga empat penjuru angin; utara, selatan, timur dan barat.

4. 7 orang al-Budla'

Mereka sentiasa merayau dari tempatnya sedangkan jasadnya tetap di satu tempat. Tidak seorang pun sedar dengan kehilangannya. Hati nya sama dengan hati nabi Ibrahim a.s.

5. 40 orang Nujaba' yang bertugas membawa tanggungan orang lain segala urusannya hanyalah untuk kepentingan orang lain.

6. An-Nuqaba' 300 orang yang bertugas mengeluarkan isi yang terkandung dalam jiwa manusia.<sup>56</sup>

Ada pendapat yang mengatakan bahawa pembahagian wali adalah seperti berikut:

1. Insan Kamil.
2. Qutubul Aqtab.
3. Qutub.
4. Wali.
5. Abdal.
6. Autad.
7. Nujuba'
8. Nuqaba'.
9. 'Asaib.
10. Solihin.
11. Siddiqien.
12. Mutaqarrabien.<sup>57</sup>

Muhammad Abu Faid dalam bukunya membahagikan rija'lullah (wali Allah) kepada empat golongan iaitu:

1. Mereka diketahui oleh orang-orang tertentu sahaja.
2. Mereka dikenali oleh orang-orang tertentu dan juga oleh orang-orang awam.
3. Mereka tidak dikenali langsung samada oleh orang tertentu atau orang awam.

---

<sup>57</sup> Drs. Barmawi Umari, Sistimatik Tasawwuf, Sala-Semarang, Indonesia. m.s. 133 & 134.

4. Mereka yang hanya diketahui oleh Allah sahaja.<sup>58</sup>

### Pembahagian Wali Mengikut Al-Quran

Di dalam Al-Quran wali Allah terbahagi kepada dua golongan iaitu:

1. Sabiqun Muqarrabun.
2. Ashabul Yamin Muqtasidun.

Di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat di dalam surah yang berlainan menceritakan keadaan mereka. Iaitu di dalam surah Al-Waqi<sup>c</sup>ah, Al-Insan, Mutaffifin dan Fatir.<sup>59</sup>

Firman Allah dalam surah al-Waqi<sup>c</sup>ah:

وَكُنْتُمْ أَرْوَاحًا ثَلَاثَةٍ فَأَصْحَابُ الْيَمَنَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ وَأَصْحَابُ  
الْمَشْيَمَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَسْنَمَةِ . وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ أُولَئِنِّيَّ  
الْمُرْكَبُونَ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ثُلَّةٌ مِنَ الْأَوَّلِينَ وَقَلِيلٌ مِنَ الْآخِرِينَ .

<sup>58</sup> Muhammad Abu Faid, Op. Cit., n.s. 100.

<sup>59</sup> Ibnu Taimiyah, Op. Cit., n.s. 24.

Maksudnya:

"Dan kamu pula menjadi tiga puak (yang berlainan keadaannya); iaitu puak pihak kanan, alangkah bahagiarya keadaan puak pihak kanan; dan pihak puak kiri, alangkah siksanya keadaan puak pihak kiri itu. Dan (puak yang ketiga pula ialah) orang-orang yang telah mendahului (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), yang akan mendahului (mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak). Mereka itulah orang-orang yang didampingkan (di sisi Allah). Tinggal tetap di dalam syurga-syurga yang penuh ni'mat. (Di antaranya sekumpulan besar dari umat-umat manusia yang terdahulu. Dan sebilangan kecil dari orang-orang yang datang kemudian."<sup>60</sup>

Seterusnya firman Allah di akhir surah Al-Waqi<sup>c</sup>ah yang bermaksud:

"Adapun jika dia (orang-orang yang mati) termasuk orang yang didekatkan kepada Allah (muqarrabun), maka ia memperoleh ketenteraman dan rezeki serta syurga keni'matan. Dan adapun jika ia termasuk dalam golongan kanan (Ashabul Yamin) maka keselamatan bagimu kerana kamu dari golongan kanan."<sup>61</sup>

Di dalam surah Al-Insan Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang berbuat kebajikan minum dari gelas (berisi minuman) yang campurannya adalah air kafur (matair dari syurga)."<sup>62</sup>

<sup>60</sup> Surah Al-Waqi<sup>c</sup>ah, ayat 7-14.

<sup>61</sup> Surah Al-Waqi<sup>c</sup>ah, ayat 88-91.

<sup>62</sup> Surah Al-Insan, ayat 5.

Ayat-ayat di atas dijelaskan oleh hadith Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, firman Allah:

من عادى لي ولها فقد آذنته بالحرب وما تقرب إلى عبدى بشيء أحب إلى مما افترضت عليه وما يزلا عبدى يتقرب إلى بالنواقل حتى أحبه فإذا أحبته كنت همزة الذي يسبح به وبصره الذي يبصر به ويده التي يطش بها ورجله التي يمشي بها، وإن سألف لاعطينه ولئن استعاد في لا عيذنه .....  
Maksudnya:

"Sesiapa yang memusuhi waliKu, maka Aku mengizinkan perang ke atasnya, dan hambaKu akan dekat kepadaKu dengan mengerjakan apa yang Aku wajibkan ke atasnya. Sentiasalah hambaKu mendekatkan diri kepadaKu dengan mengerjakan sembahyang sunat, sehingga Aku mencintainya, setelah Aku mencintainya, maka dengan daku dia mendengar, dan dengan Aku dia melihat dan dengan Aku dia bertindak dan dengan Aku dia melangkah. Jikalau ia meminta nescaya Aku memberinya, dan jika ia minta jauh dari sesuatu, nescaya Aku jauhkan darinya ..." <sup>63</sup>

Golongan Abrar iaitu Ashabul Yamin yang mendekatkan diri kepada Allah dengan menunaikan perkara-perkara yang diwajibkan ke atas mereka serta meninggalkan larangan Allah. Mereka tidak

---

<sup>63</sup> , Al-Ahadith Al-Qudsiyah, riwayat Bukhari, juz. 1 & 2, cet. ke 6, 1986, Maktabah Mujallid Arabi, Azhar, m.s. 81.

mentaklifkan ke atas diri mereka untuk mengerjakan amalan-amalan sunat tetapi tidak menyekat dari melakukan perkara-perkara yang baik dan harus ke atas diri mereka. Manakala golongan Sabiqun Muqarrabun, mereka mengerjakan amalan sunat di samping mengerjakan amalan-amalan yang diwajibkan ke atas mereka. Mereka mengerjakan yang wajib, sunat dan meninggalkan yang haram dan makruh. Mereka mendekatkan diri kepada Allah dengan sedaya upaya mungkin untuk mencapai tahap kecintaan kepada Allah s.w.t. dengan itu Allah mencintai mereka dengan kecintaan yang sungguh-sungguh.<sup>64</sup> Itulah cinta yang mutlak, sebagaimana firman Allah:

إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ، صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَثْتَ عَلَيْهِمْ،  
غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ.

Maksudnya:

"Tunjukkanlah kami jalan yang lurus, jalan orang-orang yang Engkau beri ni'mat ke atas mereka, tidak dimurkai ke atas mereka dan tidak pula sesat."<sup>65</sup>

Ni'mat yang dimaksudkan di dalam ayat di atas ialah ni'mat secara mutlak, ini dijelaskan dalam firman Allah yang lain:

<sup>64</sup> Ibnu Taimiyyah, Op. Cit., m.s. 44.

<sup>65</sup> Surah Al-Fatiyah, ayat 6 & 7.

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّابِرِينَ وَالشَّهِيدَاتِ وَالصَّالِحِينَ وَحُسْنَ أَوْلَئِكَ رَفِيقًا.

Maksudnya:

"Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasulnya maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama orang-orang yang telah dikurniakan ni'mat oleh Allah kepada mereka, iaitu nabi-nabi dan orang-orang Siddiqin, dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah elok mereka itu menjadi teman rapat (kepada orang yang taat)."<sup>66</sup>

Golongan muqarabbun menjadikan perkara-perkara yang harus itu sebagai kewajipannya untuk mentaati dan mendekatkan diri kepada Allah dan segala amalannya adalah merupakan ibadah kepada Allah. Golongan Muqtasidun pula, melakukan amalan hanya untuk diri mereka sahaja, oleh itu mereka tidak disiksa dan tidak diberi pahala.<sup>67</sup>

Di dalam surah Fatir juga disebutkan tentang wali Allah yang muqtasidun dan sabiqun. Firman Allah:

<sup>66</sup> Surah An-Nisa', ayat 69.

<sup>67</sup> Ibid., m.s.. 45.

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا، فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ  
 وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ مُسَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بِإِذْنِ اللَّهِ، ذَلِكَ  
 هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ.

Maksudnya:

"Kemudian kitab (Al-Quran) itu kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menaniaya diri sendiri, dan di antara mereka ada yang pertengahan (muqtasidun) dan di antara mereka ada pula yang lebih cepat berbuat kebaikan dengan izin Allah.<sup>68</sup> Yang demikian, itulah kurnia Allah yang amat besar."

Tiga golongan yang disebut di dalam ayat tersebut adalah umat Nabi Muhammad s.a.w. yang mana merekalah yang mewarisi kitab Al-Quran. Manakala golongan yang menzalimi diri mereka sendiri ialah orang-orang yang melakukan dosa secara berterusan. Golongan muqtasid pula orang yang menunaikan kewajipan dan menjauhi larangan. Golongan sabiqunlil-khairat ialah orang mengerjakan kewajipan dan perkara-perkara yang sunat, orang-orang yang bertaubat dari dosa yang dilakukan iaitu taubat yang sebenar. Allah juga suka kepada orang-orang yang bertaubat,<sup>69</sup> dalam firmanNya:

<sup>68</sup> Surat Fatir, ayat 32.

<sup>69</sup> Ibnu Taimiyyah, Op. Cit., m.s. 47.

وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ، وَإِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْظَلُمُوا  
أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا إِذْنُو بِهِمْ .

Maksudnya:

"... Dan Allah suka kepada orang-orang yang baik dan orang-orang yang melakukan perbuatan keji atau menzalimi diri sendiri, lalu mereka mengingati Allah dan terus beristighfar dari dosa-dosa mereka ..." <sup>70</sup>

Di dalam Al-Quran, terdapat 90 ayat yang menyebut tentang wali, samada wali Allah atau wali musuh-musuh Allah. Iaitu 54 ayat mengenai wali Allah dan 36 lagi mengenai wali syaitan dan musuh-musuh Allah.

#### C. TAFSIR AYAT 62, 63 DAN 64, SURAH YUNUS

Firman Allah s.w.t.:

أَلَا إِنَّ أُولَئِيَّاَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ . الَّذِينَ آمَنُوا  
وَكَانُوا يَتَقَوَّنَ . لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا تَبْدِيلٌ ،  
لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ .

<sup>70</sup> Surah Aāli 'Imran, ayat 134 & 135.

Maksudnya:

"Ingatlah bahawa sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak ada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula mereka berdukacita. Iaitu orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa. Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan dunia dan di akhirat tidak ada perubahan bagi kalimah-kalimah (janji-janji) Allah. Itulah kemenangan yang besar".

Di dalam ayat tersebut Allah s.w.t. menerangkan bahawa wali-wali Allah ialah mereka yang beriman lagi bertaqwa. Setiap orang yang bertaqwa dikira sebagai wali Allah.

( لَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ ) bermaksud, mereka tidak takut menghadapi kehebatan hari Akhirat. ( وَلَا هُمْ مُحْزَنُونَ ) bermaksud, tidak pula berdukacita semasa hidup di dunia.

Abdullah bin Mas'ud, Ibnu Abbas dan orang-orang salaf berpendapat bahawa wali-wali Allah ialah mereka yang apabila melihat sesuatu, mereka akan mengingati Allah s.w.t. Pendapat ini bersandarkan hadith Marfu' riwayat Ibnu Abbas r.a.

Dalam tafsir Qurtubi, Omar berkata: "Aku mendengar Rasulullah bersabda":

ان من عباد الله عبادا ما هم بآنباء ولا شهداء تعظيم الأنبياء  
 والشهداء يوم القيمة له كانوا من الله تعالى قبل من هم يارسول  
 الله لعلنا نجدهم؟ قال: هم قوم تحابوا في الله على غير رحمة  
 بينهم ولا اموال يتعاطون بها فوالله ان وجوههم لنور وانهم على  
 منابر من نور لا يخافون اذا اخاف الناس ولا يخزون اذا حزن الناس

Maksudnya:

"Dari Abu Hurairah r.a., beliau berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya ada di kalangan hamba Allah yang dicemburui oleh para Nabi dan para syuhada' Rasulullah ditanya: "Siapakah mereka itu wahai Rasulullah, semoga kami mengasihi mereka. Rasulullah menjawab: "Mereka adalah satu kaum yang berkasih-sayang kerana Allah, bukan kerana harta, dan bukan kerana keturunan. Wajah-wajah mereka bercahaya (berseri-seri) di atas mimbar dari cahaya. Mereka tidak takut ketika orang lain takut dantidak berduka cita ketika orang lain berduka cita."

Kemudian Rasulullah terus membaca ayat tersebut.

Dalam riwayat Abu Daud, Rasulullah bersabda:

يأْتِيَ مِنْ أَفْنَاءِ النَّاسِ وَنَوَازِعِ الْقَبَائِلِ قَوْمٌ لَمْ تَتَصَلَّبْنَاهُمْ أَرْحَامُ مُتَقَارِبَةٍ  
 تَحَاوَى فِي اللَّهِ وَتَصَافَوْا فِي اللَّهِ يُضْعِفُ اللَّهُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنَابِرٌ  
 مِنْ نُورٍ فِي جَلْسَمِهِمْ عَلَيْهَا يَغْزِعُ النَّاسُ وَلَا يَغْزِعُونَ وَهُمْ أَوْلَيَاءُ

<sup>71</sup> Abu Abdullah Mohamad b. Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi,  
Jami' Al-Ahkam Al-Quran, juz. 5, Dar Syuruq, m.s. 3196.

اللَّهُ الَّذِينَ لَا يَخْفَى عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ مُّحْزَنُونَ .

Maksudnya:

"Akan datang segolongan manusia yang tidak dikenali dan kabilah dagang, tidak ada kaitan kekeluargaan di antara mereka, tetapi mereka berkasih-sayang kerana Allah, saling membersih jiwa (bertasawwuf) pada hari Qiamat Allah akan memperdudukkan mereka di atas mimbar-mimbar dari cahaya. Ketika manusia takut, mereka tidak takut. Mereka ialah wali Allah tidak ada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula berdukacita."<sup>72</sup>

Firman Allah:

لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Maksudnya:

"Bagi mereka berita gembira di kehidupan dunia dan di akhirat.

Ibnu Jarir berkata: "Abu Darda' bertanya kepada Rasulullah berkenaan dengan ayat tersebut, katanya: "Sesungguhnya aku bertanya tentang sesuatu yang aku dengar dari seorang yang bertanya kepada Rasulullah tentang ayat tersebut. Rasulullah menjawab: "Iaitu mimpi yang baik yang dialami oleh seorang lelaki muslim atau diperlihatkan kepada mereka berita gembira di kehidupan dunia dan di akhirat iaitu syurga."

---

<sup>72</sup> Ibnu Kathir, Tafsir Al-Quranul Azim, juz. 2, m.s. 424.

Ada yang mengatakan bahawa berita gembira itu adalah ucapan malaikat kepada orang mu'min ketika mereka dibawa ke syurga dan mendapat keampunan Tuhan, <sup>73</sup> sebagaimana firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ أَسْتَقَامُوا تَنَزَّلَ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا  
تَخَافُوا وَلَا تَحْزُنُوا وَلَا يَشْرُوْا بِالجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ، نَحْنُ أُولَئِكُمُ  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ، وَكُمْ فِيهَا تَسْتَهِنُ أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ  
فِيهَا مَا تَدَعُونَ نُزُلًا مِنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ.

Yang bermaksud:

"Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan "Tuhan kami ialah Allah" kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): "Janganlah kamu merasa sedih dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah kepada kamu."

"Kamilah pelindungmu dalam kehidupan dunia dan di akhirat dan memperolehi pula di dalamnya apa-apa yang kamu minta, sebagai hidangan bagimu dari Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."<sup>74</sup>

Satu lagi kegembiraan bagi mereka di akhirat ialah sebagaimana firman Allah:

<sup>73</sup> Ibid., m.s. 423.

<sup>74</sup> Surah Fusilat, ayat 30-32.

وَلَا يَحْزُنُهُمُ الْفَزْعُ الْأَكْبَرُ وَتَنَاهُمُ الْمَلَائِكَةُ هُذَا يَوْمُ كُلِّمُ الَّذِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ .

"Mereka tidak disusahkan oleh kedahsyatan yang besar (pada hari Qiamat) dan mereka disambut oleh para malaikat (malaikat berkata) inilah harimu yang telah dijanjikan kepadamu."<sup>75</sup>

Firman Allah lagi:

يَوْمَ تَرَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ يَسْعَى نُورُهُمْ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ  
وَبِأَيْمَانِهِنَّ بُشِّرَ أَكْمَلُ الْيَوْمِ جَنَّتٌ بِحَرْبٍ مِّنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
خَالِدِينَ فِيهَا، ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ .

Maksudnya:

"(Ingatlah) ketika engkau melihat (pada hari qiamat) orang-orang beriman, lelaki dan perempuan, cahaya (iman dan amal soleh) mereka bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka semasa mereka berjalan, serta dikatakan kepada mereka: "Berita yang menggembirakan kamu pada hari ini (kamu akan beroleh) syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekal kamu di dalamnya, yang demikian itulah kemenangan yang besar."<sup>76</sup>

<sup>75</sup> Surah Anbiya', ayat 12.

<sup>76</sup> Surah Al-Hadid, ayat 12.

وَلَا يَحْزُنُهُمْ الْفَزَعُ الْكَبِيرُ وَتَتَلَقَّهُمُ الْمَلَائِكَةُ هُذَا يَوْمُ كُلِّ الْأَذْيَارِ  
كُنْتُمْ تُوعَدُونَ .

"Mereka tidak disusahkan oleh kedahsyatan yang besar (pada hari Qiamat) dan mereka disambut oleh para malaikat (malaikat berkata) inilah harimu yang telah dijanjikan kepadamu."

Firman Allah lagi:

يَوْمَ تَرَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ يَسْعَى نُورُهُمْ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ  
وَإِيمَانُهُمْ بُشِّرَ أَكْمَلُ الْيَوْمِ جَنَّتْ تَجْرِي مِنْ مَعْنَى الْأَنْهَارِ  
خَالِدِينَ فِيهَا، ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ .

Maksudnya:

"(Ingatlah) ketika engkau melihat (pada hari qiamat) orang-orang beriman, lelaki dan perempuan, cahaya (iman dan amal soleh) mereka bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka semasa mereka berjalan, serta dikatakan kepada mereka: "Berita yang menggembirakan kamu pada hari ini (kamu akan beroleh) syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekal kamu di dalamnya, yang demikian itulah kemenangan yang besar."<sup>75</sup>

<sup>75</sup> Surah Anbiya', ayat 12.

<sup>76</sup> Surah Al-Hadid, ayat 12.

Zuhri, Ata' dan Qatadah berpendapat bahawa: Berita gembira itu ialah berita yang disampaikan oleh malaikat kepada orang mu'min di dunia ketika menghadapi maut.<sup>77</sup>

Diriwayatkan dari Muhammad bin Kaab Al-Kurazi, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Apabila terangkatnya jiwa seorang hamba yang mu'min datanglah malaikat Malikilmaut lalu berkata Mengucapkan:

السلام عليك ولي الله، الله يقرئك السلام  
Yang bermaksud:

"Salam sejahtera bagimu wahai wali Allah, Allah membaca salam untukmu."

Kemudian diikuti dengan ayat 32 surah an-Nahl.

Maksudnya:

"Orang-orang yang diwafatkan dalam keadaan baik oleh para malaikat dengan mengatakan kepada mereka (سلام عليك). Masuklah kamu ke dalam syurga itu disebabkan oleh apa yang kamu kerjakan."<sup>78</sup>

Hassan berpendapat: Berita gembira di sini bermaksud, Allah menggembirakan mereka dengan syurganya dan pahala yang baik seperti firman Allah:

<sup>77</sup> Abdullah Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi, Al-Jami' lil-Ahkam, Dar As-Syuruk, juz. ke 5, m.s. 3197.

<sup>78</sup> Surah An-Nahl, ayat 32.

يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِنْهُ وَرِضْوَانٍ وَجَنَّاتٍ لَهُمْ فِيهَا  
نَعِيمٌ مُقِيمٌ

Maksudnya:

"Tuhan mereka menggembirakan mereka dengan memberikan rahmat daripadanya, keredhaan dan syurga<sup>79</sup>, mereka memperoleh di dalamnya kesenangan yang kekal."

#### D. HADITH-HADITH WALI

Hadith riwayat Said Ibn. Jabir, Rasulullah ditanya:

من أوليا الله؟ قال: يذكر الله بروفيتهم

Maksudnya:

"Siapakah wali Allah? Baginda menjawab: Mereka yang mengingati Allah melalui penglihatan mereka."<sup>80</sup>

Dalam sebuah hadith riwayat Abu Nu'aim dari Said Ibnu Jabir, Rasulullah ditanya: Siapakah wali-wali Allah: Jawab Baginda:

هم الذين إذا رأوا ذكر الله عزوجل

<sup>79</sup> Surah At-Taubah, ayat 21.

<sup>80</sup> Abu Abdullah Mohamad b. Ahmad Al-Ansari, Al-Qurtubi, QD. Cit., m.s. 3196.

Maksudnya:

"Mereka<sup>81</sup>, yang apabila melihat sesuatu terus mengingati Allah."

Hafiz Al-Asbihani dari Amru bin Jamuh, dia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah s.w.t. berfirman:

ان اولیائی من عبادی واجهائی من خلقی الذین یذکرون  
بذكری و اذکر بذكرهم

Maksudnya:

"Sesungguhnya wali-waliku dari hamba-hambaku dan kekasihku dari makhlukku, mereka mengingatiku kerana Aku mengingatinya dan Aku mengingati mereka kerana ingatnya mereka kepadaKu".<sup>82</sup>

Dari hadith-hadith di atas kita dapat mengenali wali yang sebenar, mereka memiliki sifat yang istimewa seperti mengingati Allah ketika mereka melihat sesuatu, dalam jiwa mereka tidak ada sifat hasad dengki terhadap hamba Allah yang lain, mereka berkasih-sayang

<sup>81</sup> Sunan Ibn Majah, Kutub Sittah, Kitab Zuhud, bil. 4419, Gagri Yayınları, İstanbul, m.s. 1389.

<sup>82</sup> Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Kutub Sittah, 3-4, Gagri Yayınları, İstanbul, m.s. 430.

kerana Allah semata-mata, tidak kerana sebab dan kepentingan lain. Allah mengurniakan kepada mereka kesabaran dalam menghadapi fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada mereka sekalipun fitnah itu terlalu besar dan berat. Sifat-sifat ini lahir dari tingginya kedudukan mereka. Cukuplah bagi seorang mu'min melihat wali untuk mengingati Allah, walaupun orang-orang yang memandang itu seorang yang lalai tetapi dengan syarat masih ada iman dalam hati sanubari mereka.

#### E. KEKERAMATAN PARA WALI

Keramat ialah satu anugerah Allah kepada wali-waliNya iaitu perkara-perkara luar biasa yang lahir dari mereka. Keramat bagi seorang wali adalah sifat yang tinggi sebagaimana mu'jizat bagi seorang rasul.<sup>83</sup>

Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi mengatakan bahawa, ayat-ayat adalah bagi Allah s.w.t. mu'jizat adalah bagi nabi-nabi, keramat bagi wali-wali dan khiyar (usaha) bagi orang Islam umumnya. Sesiapa yang zuhud di dunia selama 40 hari secara benar dan ikhlas, akan lahir keramat untuknya dari Allah s.w.t.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup> Mahmud Abul Faidh Al-Manufi Al-Husaini, Qd. Qit., m.s. 105

<sup>84</sup> Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi, Al-Luma', Lujnah Nasyr Turas As-Sufi, Mesir, 1960, m.s. 390.

Seorang wali apabila ia dikurniakan keramat secara terang-terangan dia tidak akan menghina kenabian seseorang nabi. Antara mereka sememangnya tidak ada persamaan.<sup>85</sup> Ijma' ulama' dan orang-orang salaf serta wali-wali Allah mengatakan nabi-nabi adalah lebih tinggi dari para wali yang bukan nabi.<sup>86</sup>

Orang-orang yang benar memperkatakan apa yang diperkatakan oleh nabi dan menyeru apa yang diseru oleh nabi. Lahirnya keramat pada wali-wali adalah untuk menguatkan kenabian seseorang nabi, untuk kejayaan dakwahnya, serta menguatkan hujahnya, untuk membenarkan apa yang diseru oleh rasul dan dakwaan seorang rasul sebagai utusan Allah serta menguatkan tauhid kepada Allah.<sup>87</sup>

Ulama' bersepakat mengatakan adanya keramat para wali, tetapi Ahli Sunnah bersepakat mengatakan tidak wajib beri'tiqad berlakunya keramat tertentu ke atas wali-wali tertentu. Ijma' ummah mengatakan, adalah harus bagi setiap muslim mengingkari lahirnya tanda-tanda keramat bagi seseorang wali, tetapi dengan syarat keingkarannya tidak bercangkah dengan usuluddin.<sup>88</sup>

<sup>85</sup> Abu Bakar Muhammad Al-Kalabazi, At-Ta'aruf li Nazhab Ahl Tasawwuf, cet. 1, Maktabah Kuliat Azhariah, Mesir, 1969, m.s. 87.

<sup>86</sup> Ibn Taimiyyah, Majmu' Fatawa (tasawwuf), cet. 1, 1398 H. jilid ke 12, m.s. 221.

<sup>87</sup> Abu Bakar Muhammad Al-Kalabazi, Op. Cit., m.s. 89.

<sup>88</sup> Saad Sodiq Muhammad, Op. Cit., m.s. 46.

Mengikut Ibnu Taimiyyah, keramat para wali adalah hasil dari keberkatan mereka mengikuti Rasulullah s.a.w., pada hakikatnya ia termasuk dalam mu'jizat-mu'jizat Rasul, seperti terbelahnya bulan, anak batu bertasbih di dalam gengamannya, berita dalam Mi'raj Rasul ke langit.<sup>89</sup>

Apabila lahir keramat dari seseorang wali Allah, maka bertambahlah kekyusu'kan kepada Allah serta merendah diri dan bertambah takut dan teguh. Ia juga menguatkan mujahadah mereka dan mereka bersyukur kepada Allah dengan pemberian tersebut.

Keramat asalnya tersembunyi, ianya lahir secara rahsia, tidak seorangpun yang tahu. Ini berbeza dengan mu'jizat yang diketahui umum yang bertujuan menyokong dan menguatkan dakwah dan kerasulannya.<sup>90</sup>

Orang-orang sufi yakin bahawa wali-wali Allah mempunyai keistimewaan, kelihatan pada dirinya perkara-perkara yang aneh, pada masa tertentu dia dapat mencipta sesuatu yang tidak dapat dilakukan

<sup>88</sup> Ibn Taimiyyah, Op. Cit., m.s. 119.

<sup>89</sup> Saad Sodiq Muhammad, Op. Cit., m.s. 46.

oleh manusia lain. Perkara-perkara yang luar biasa itulah yang dinamakan keramat.<sup>91</sup>

Tanda keramat sesudah mati bagi seorang wali adalah lebih baik sebab bebas dari perasaan riya' dan takabbur.<sup>92</sup> Tetapi Syeikh Zainal'Abidin di dalam bukunya Tajul Aulia' wal Aulia', mengatakan tidak mungkin berlaku keramat ke atas mereka yang telah meninggal dunia kerana dikira sudah tiada.<sup>93</sup>

#### Contoh-contoh Keramat Para Wali

Satu contoh kurniaan Allah kepada saidina Omar Al-Khattab ialah: Pada masa pemerintahan beliau, Amru bin Al-Ass telah membuka negeri Mesir, Amru mahu menghapuskan adat mencampak gadis ke dalam sungai Nil, yang dilakukan oleh penduduk Mesir pada setiap tahun. Setelah anak gadis tidak dicampakkan lagi, menyebabkan sungai Nil tidak mengalir. lalu Amru menulis surat kepada Omar, menceritakan apa yang terjadi. Lantas Omarpun membalas surat tersebut yang berbunyi:

---

<sup>91</sup> Dr. Hj. Abu Bakar Atjeh, Pengantar Ilmu Tarekat dan Tasawwuf (huraian tentang mistik), cet. 1, 1980, Pustaka Aman Press, m.s. 91.

<sup>92</sup> Ibid., m.s. 92.

<sup>93</sup> Ali Zainal'Abidin, Op. Cit., m.s. 239.

"Dari hamba Allah Omar Amirulmu'minin kepada sungai Nil Mesir: "Wahai sungai, adalah tidak patut jika engkau berhenti dengan kehendakmu sendiri, tetapi jika engkau berhenti kerana perintah dari Allah, maka mangalirlah".

Setelah Amru mencampak surat tersebut ke dalam sungai, airpun terus mengalir.<sup>94</sup>

Satu lagi keramat yang berlaku pada Saidina Omar ialah, apa yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dari Ibn Omar:

"Omar Al-Khattab telah menghantar angkatan Perang yang diketuai oleh seorang pemuda bernama Sariyah bin Zanim, ketika Omar berkhutbah di atas mimbar tiba-tiba beliau menyeru, "wahai Sariyah, ke bukit" sebanyak tiga kali. Setelah itu datanglah utusan perang (tentera) mengadap Omar. Omar terus bertanyakan khabar mereka. Dia menjawab Wahai Amirulmu'minin, kami telah mengalami kekalahan, tetapi ketika berada dalam keadaan tersebut, tiba-tiba kami terdengar suara yang menyeru, ya Sariyah ke bukit, sebanyak tiga kali, lantas kamipun sandarkan belakang kami ke bukit, merekapun dikalahkan oleh Allah s.w.t."

Sedangkan Omar pada masa itu sedang memberi khutbah di atas mimbar di Madinah dan Sariyah di medan perang yang jarak jauhnya dari Madinah ialah sebulan perjalanan.<sup>95</sup>

Di dalam Al-Quran juga banyak kisah-kisah yang luarbiasa yang diceritakan oleh Allah. Antaranya ialah kisah <sup>c</sup>Aasif bin

<sup>94</sup> Al-Hujwiiri, Op. Cit., m.s. 445.

<sup>95</sup> Ali Zainal'Abidin, Op. Cit., m.s. 243.

Barkhia menteri kepada nabi Sulaiman yang mana beliau menawarkan khidmatnya untuk membawa istana Ratu Balqis dalam sekelip mata sahaja. Firman Allah:

أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَ إِلَيْكَ طُرْفُكَ

Maksudnya:

"Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu dalam sekelip mata."<sup>96</sup>

Begitu juga dengan kisah Maryam binti 'Imran yang dijaga oleh Zakariyya, Firman Allah:

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا. قَالَ يَا مَرْيَمُ  
أَنِّي لَكِ هَذَا، قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ

Maksudnya"

"Setiap kali Zakariyya masuk untuk menemui Maryam di mihrab, ia dapati makanan di sisinya. Zakariyya bertanya: "Hai Maryam dari manakah kamu memperoleh (makanan)<sup>97</sup> ini" Maryam menjawab: "Makanan itu dari sisi Allah."

<sup>96</sup> Surah An-Naml, ayat 40.

<sup>97</sup> Surah Aali 'Imran, ayat 37.

Zakariyya yang menjaga Maryam sejak kecil lagi, setiap kali apabila beliau masuk ke mihrab berjumpa Maryam, didapati di sisinya makanan sejuk pada musim panas dan begitulah sebaliknya.

Kisah Khidhir dan nabi Musa juga merupakan kisah luarbiasa, yang mana Khidhir telah bertindak menebuk kapal, mengangkat pagar dan membunuh kanak-kanak .... sehingga ia berkata, "dan bukanlah aku melakunya menurut kemahuanku sendiri. Khidhir bukanlah seorang nabi tetapi beliau adalah seorang wali Allah. Begitu juga kisah Ashabul Kahfi dan banyak lagi kisah yang luarbiasa yang berlaku samada dulu atau sekarang. Oleh itu kita boleh mempercayai adanya keramat pada wali-wali Allah, ini dibuktikan dengan dalil-dalil yang putus Al-Quran, sunnah dan Ijma' Ulama'.

#### Perbezaan di antara Mu'jizat, Keramat, Sihir dan Sya'uzah

Keramat dikhkususkan untuk wali dan mu'jizat dikhkususkan kepada para nabi. Perlu diingatkan bahawa kemuliaan seorang nabi dan ketiinggian martabatnya serta kesucian dan terpeliharanya dari dosa bukan disebabkan oleh mu'jizat semata-mata.<sup>98</sup> Mu'jizat nabi adalah untuk mencabar dan membenarkan kenabiannya dan sebagai bukti yang

---

<sup>98</sup> Al-Hujwiiri, Op. Cit., n.s. 454.

nyata di samping membenarkan dengan hati.<sup>99</sup> Mu'jizat yang diberikan kepada nabi dan rasul berbentuk mengada sesuatu yang tidak ada atau menukar bentuk dan keadaan sesuatu benda seperti mengeluarkan air dari jari dan tongkat menjadi ular.<sup>100</sup>

Keramat menandakan kebenaran seorang wali. Ada di kalangan Ahli Sunnah yang berpendapat bahawa keramat itu adalah sohih, tetapi tidak sampai ke tahap I'jaz (mencabar) orang lain.<sup>101</sup>

Rahsia yang ada pada mu'jizat adalah nyata dan rahsia pada keramat adalah tersembunyi. Hasil dari mu'jizat boleh memberi faedah kepada orangramai, manakala keramat khusus untuk tuannya sahaja. Nabi boleh memastikan bahawa itu adalah Mu'jizat tetapi wali tidak dapat menentukan samada keramat atau istidraj terhadap apa yang berlaku pada dirinya.<sup>102</sup> Para wali tidak mengetahui dari manakah asalnya keramat yang berlaku ke atas dirinya, tetapi nabi-nabi tahu dari mana asalnya mu'jizat. Perbezaan ini untuk mengelakkan dari kemungkinan bahaya timbulnya perasaan takabbur dan bangga pada para wali yang disebabkan oleh perkara luarbiasa yang ada pada mereka.<sup>103</sup>

<sup>99</sup> Ibid., m.s. 453

<sup>100</sup> Abu Bakar Muhammad Kalabazi, Op. Cit., m.s. 10.

<sup>101</sup> Al-Hujwiri, Op. Cit., m.s. 453

<sup>102</sup> Ibid., m.s. 455 & 456.

<sup>103</sup> Abu Bakar Muhammad Kalabazi, Op. Cit., m.s. 89.

Keramat para wali adalah sebagai tanda dari doa yang makbul atau kerana sempurnanya kerohanian seseorang atau kekuasaan yang dikurniakan untuk melakukan sesuatu tindakan atau membekalkan rezeki untuk mereka dengan cara yang luar biasa.<sup>104</sup>

Adalah mustahil adanya pertentangan antara mu'jizat dan keramat, kerana keramat tidak berlaku kecuali untuk membenarkan nabi-nabi. Ianya tidak berlaku kecuali ke atas orang Mu'min yang taat kerana kekeramatan umat Muhammad adalah merupakan mu'jizat kepada Baginda. Ini adalah kerana kekalnya syariat nabi Muhammad perlu kepada hujah-hujah yang kekal. Maka wali itu menyaksikan kebenaran risalah rasul. Keramat tidak berlaku sama sekali kepada orang kafir.<sup>105</sup>

Walau bagaimanapun, keramat itu berakar umbi dari agama iaitu sebagai penerusan mu'jizat nabi. Dr. Ali Zaingur mengatakan bahawa keramat adalah mu'jizat yang khusus bagi auliya' dan orang-orang sufi kerana mereka melalui jalan yang benar dan keramat itu tidak menyebabkan dia mendakwa sebagai nabi atau rasul.<sup>106</sup>

---

<sup>104</sup> Ibid., m.s. 25.

<sup>105</sup> Al-Hujwiiri, Op. Cit., m.s. 456.

<sup>106</sup> Dr. Ali Zaingur, Keramat Sufiyyahwal Asturah wal Hulum, cet. ke 2, 1984, Dar Andalus, m.s. 25.

Keramat dan mu'jizat tidak mungkin berlaku kepada pendusta. Keramat dan mu'jizat adalah bukti kekuasaan Allah bukannya kekuasaan para nabi atau para wali, jadi semua itu adalah tidak menjadi sesuatu yang pelik dan luar biasa.

Istidraj ialah pemberian Allah yang terjadi pada orang-orang fasiq, ia berlaku menepati apa yang diingini oleh orang tersebut untuk tujuan penipuan.<sup>107</sup>

Perlu diingatkan bahawa seseorang yang berhajat kepada perkara-perkara dunia dan hajatnya itu diperkenankan oleh Allah, maka itu tidak semestinya ia seorang yang taat dan hampir kepada Allah s.w.t., kadang-kadang kerana sifat pemurah Khalig kepada si hamba, atau kadang-kadang berupa istidraj untuk menjerat orang tersebut yang mana menyebabkan bertambah kufur dan sesat.

Syeikh Abdullah Ali Abdullah mentakrifkan istidraj berpandukan sepotong ayat Al-Quran, beliau berkata bahawa istidraj itu adalah pemberian kepada orang-orang zalim berupa perkara-perkara yang istimewa dan luarbiasa sehingga apabila mereka memperolehinya akan bertambah pula tamak dan zalim mereka itu,<sup>108</sup> firman Allah:

---

<sup>107</sup> Syed Muhammad Abu Faud Al-Manufi al-Husaini, Op. Cit., m.s. 112.

<sup>108</sup> Awang Abdul Aziz bin Juned, Keramat Wali-wali Allah, cet. ke 2, 1988, m.s. 24.

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سَنَسْتَدِرُ جَهَنَّمْ

مِنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, nanti Kami akan tarik mereka dengan cara yang beransur-ansur (ke arah kebinasaan) secara mereka tidak ketahui."<sup>109</sup>

Apabila seseorang hamba terlampau cenderung kepada dunia kemudian segala hajatnya diperkenankan oleh Allah, dengan itu bertambahlah kecenderungan itu. Seterusnya tentulah lahir usaha-usaha yang semakin kuat ke arah mencapai tujuan keduniaan tadi. Ini akan membawa orang tersebut sedikit demi sedikit bertambah jauh dari Allah s.w.t.<sup>110</sup> Contohnya, Al-Harith Ad-Damsyiki pada zaman Abdul Malik bin Marwan, telah mendakwa dirinya sebagai nabi dengan membuktikan beberapa keganjilan pada dirinya seperti tidak dimakan senjata. Tetapi beliau berjaya dibunuh setelah ditikam dengan membaca Bismillah.<sup>111</sup>

<sup>109</sup> Surah Al-A'raf, ayat 182.

<sup>110</sup> Awang Abdul Aziz bin Juned, Op. Cit., m.s. 24 & 25.

<sup>111</sup> Ibid., m.s. 24.

Perkara luarbiasa juga berlaku kepada orang yang melakukan banyak maksiat, ini dipanggil "Irhas", seperti dajjal yang diceritakan oleh Rasulullah yang akan keluar pada akhir zaman nanti, di sebelah kanan ada syurga dan di sebelah kirinya ada neraka. Sedangkan ia sendiri adalah musuh Allah.<sup>112</sup>

Ihanah pula ialah pemberian Allah kepada orang-orang fasiq seperti yang berlaku kepada Musailamah Al-Kazzab yang mendakwa menjadi rasul pada zaman Rasulullah dan dibunuh pada masa Abu Bakar As-Siddiq r.a.

Sihir pula ialah perkara kesamaran yang luarbiasa seperti silap mata dan seumpamanya, contohnya, ahli-ahli sihir Firaun.<sup>113</sup>

Perbezaan di antara mu'jizat dan keramat dengan sihir, syauzah, dan istidraj adalah seperti waham dengan hakikat, cahaya dengan kegelapan dan hak dengan kebathilan.<sup>114</sup>

<sup>112</sup> H.M. Asjwadie Sjukur LC, Ilmu Tasawwuf 11, Penerbit pt. Bina Ilmu, Surabaya 1979, m.s. 139.

<sup>113</sup> Syed Muhammad Abu Faiz Al-Manufi, Op. Cit., m.s. 112.

<sup>114</sup> Ibid., m.s. 114.

## F. SIFAT-SIFAT YANG PERLU ADA PADA SEORANG WALI ALLAH

Mengikut pendapat Imam As-Syaukani, ada tiga perkara pokok iaitu:

1. Beriman kepada Allah seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.
2. Menunaikan perkara-perkara yang diwajibkan dan meninggalkan segala bentuk larangan.
3. Melakukan ibadah-ibadah sunat dengan banyak.

Huraiannya adalah seperti berikut:

### 1. Beriman kepada Allah

Beriman kepada Allah adalah perkara pokok dalam menentukan samada amalan seseorang diberi pahala atau tidak. Beriman di sini bermaksud, beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, serta qadar baik dan buruk. Beriman kepada qadar adalah sesuatu yang sukar. Dalam hal ini Rasulullah telah menyatukan di antara iman, Islam dan ihsan. Maqam ihsan yang paling tinggi ialah, kyusu' dan takut kepada Allah s.w.t.

**2. Menunaikan perkara-perkara yang difardhukan**

Perkara yang difardhukan terbahagi kepada dua, iaitu, fardhu zahir dan fardhu bathin.

Fardhu zahir ialah rukun Islam yang lima dan termasuk juga jihad.

Fardhu bathin adalah seperti berikut:

1. Ikhlas niat dalam menunaikan ibadat, niat itu menentukan samada sah atau batalnya ibadat seseorang mu'min.

2. Menjauhi buruk sangka yang tidak disyara'kan, hasad dengki, marah-memarahi, dan pulau-memulau, dalam hal ini Rasulullah bersabda:

Maksudnya:

"Hendaklah kamu menjauhi syak wasangka kerana ianya merupakan percakapan yang dusta."

3. Menjauhi sifat takabbur dan 'ujub, Rasulullah bersabda:

Maksudnya:

"Barang siapa yang meninggal dunia dan terlepas dari sifat takabbur, akan masuk syurga."

4. Bersifat benar dan menjauhi dari sifat nifaq.

5. Amanah dan jauh dari perbuatan khianat.
6. Memiliki sifat kasih-sayang dan suka kepada kebaikan membenci kejahatan, suka dan benci sesuatu kerana Allah s.w.t.
7. Menjauhi tenung nasib ( ﴿لَطِبْرِي﴾ ) Rasulullah mengesahkan bahawa ianya perbuatan syirik.
8. Bertaubat; adalah maqam yang pertama.
9. Takut kepada Allah Taala.
10. Baik sangka terhadap Allah Taala.
11. Sabar, Allah itu bersama orang-orang yang sabar.
3. Mendekatkan diri kepada Allah dengan ibadah sunat Amalan-amalan sunat adalah luas, merangkumi semua bentuk ketaatan seperti solat, puasa, zakat dan haji dan semua perkara yang disunatkan selain daripada perkara yang difardhukan.

1. Solat sunat

Iaitu sunat Rawatib (selepas dan sebelum solat fardhu), tahajjud bersama witir, solat chuhu, tahiyyatul masjid dan solat selepas berwudhu'.

2. Puasa sunat

Puasa sunat muakkad ialah puasa di bulan Muharram, hari Asyura, enam hari bulan Syawal, Rasulullah bersabda:

من صام رمضان واتبعه ستة من شوال

كان صائم الظهر

Maksudnya:

"Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dan diikuti enam hari <sup>115</sup> di bulan Syawal, seolah ia puasa sepanjang masa."

Disunatkan juga sepuluh hari di bulan Zulhijjah yang afchalnya pada hari Arfah dan pada bulan Sya'ban.

---

<sup>115</sup> Muslim, Sohih Muslim, juz. 1, Kitab Siyam, n.s. 475.

B  
A  
B  
K  
E  
T  
I  
G  
A

Manakala sunat-sunat lain pula ialah haji-haji sunat, sedekah sunat, zikir-zikir, zikir yang paling afodal ialah kalimah tauhid, diikuti selawat ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. kemudian tasbih dan doa-doa yang ma'thur yang djamalkan oleh Rasulullah. Begitu juga doa selepas wudu' dan sembahyang, ketika azan, iqamah, masuk masjid, dan doa-doa di dalam solat, puasa, haji, jihad, musafir dan lain-lain.

Inilah sifat-sifat yang digariskan di dalam Al-Quran dan sunnah yang perlu ada pada seseorang wali, Islam diumpamakan sebagai sekolah yang melahirkan manusia yang baik akhlaknya, yang berguna kepada agama dan negara.<sup>116</sup>

---

116 Al-Imam As-Syaukani, Op. Cit., m.s. 141-148.

## BAB KETIGA

## METODOLOGI

Metodologi ialah "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>1</sup> Ia berasal dari bahasa Yunani "methodos" yang bererti cara dan "logos" yang bererti ilmu.<sup>2</sup> Oleh itu metodologi bererti ilmu tentang cara. Metodologi merupakan perkara penting dalam pengkajian ilmiah, kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.<sup>3</sup> Apabila metod-metod yang digunakan sesuai dan tepat dengan objek dan tujuannya, suatu penyelidikan itu akan menjadi lebih tinggi mutunya.

Dalam penyelidikan dan penulisan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod. Metod-metod tersebut dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

1. Metod penentuan subjek.
2. Metod pengumpulan data.
3. Metod analisa data.

<sup>1</sup> Imam Barnadib, Arti dan metode sejarah pendidikan, Yogyakarta: Yayasan penerbitan FIP - IKIP, 1982, m.s. 51.

<sup>2</sup> Koentjaraningrat, (Ed), Metode-metode Penelitian Masyarakat, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, 1977, m.s. 16.

<sup>3</sup> Ibid.

Dalam bab I, penulis telah membentangkan tentang metodologi ini secara ringkas, namun supaya lebih jelas lagi, berikut ini akan diuraikan dengan lebih lanjut tentang metod-metod tersebut dan penggunaannya dalam penyelidikan ini.

#### A. METOD PENENTUAN SUBJEK

Seperti yang telah disebutkan dalam bab I, bahawa dalam penyelidikan ini, penulis telah menggunakan metod sampling di dalam menentukan sasaran penyelidikan. Penulis telah memilih satu jajahan dalam negeri Kelantan iaitu jajahan Pasir Mas sebagai subjek yang menjadi sample kepada penyelidikan ini.

Antara sebab-sebab jajahan Pasir Mas menjadi pilihan penulis sebagai sample penyelidikan adalah kerana majoriti penduduk Pasir Mas adalah masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penduduknya seramai 141,167 orang, hanya 5,077 orang yang bukan beragama Islam. Kependudukan ini memudahkan penulis untuk menjalankan penyelidikan, serta sesuai dengan tajuk penyelidikan yang membincarakan tentang kewalian yang mana memerlukan penduduk yang beragama Islam.

Kedudukan dan lokasi jajahan Pasir Mas yang bersempadan dengan selatan Thai yang termasyhur dengan kegemilangan Islam pada

satu masa dahulu. Cara hidup secara Islam di Patani telah mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Pasir Mas. Kebanyakan guru-guru pondok di Jajahan Pasir Mas mendapat pendidikan dari Patani dan seterusnya menyambung pengajian mereka ke Makkah Mukarramah.

Antara tahun 1909 sehingga tahun 1945, Pendidikan Islam lebih menonjol. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan pondok-pondok yang menular di seluruh daerah bagi jajahan Pasir Mas, terdapat 22 buah pusat pengajian pondok. Setelah beredarnya zaman kegemilangan pondok selepas 1945, ianya diganti dengan sekolah-sekolah agama. Mata pelajaran yang diajar adalah merangkumi semua bidang ilmu agama termasuklah ilmu tasawwuf. Boleh dikatakan kesemua tuan guru yang membuka pondok, alim dalam ilmu tasawwuf dan mempunyai keramat masing-masing. Justeru itu, masyarakat sekeliling menyanjung tinggi dan menghormati tuan-tuan guru.

Di samping itu penulis merasa tertarik dengan pengiktirafan masyarakat terhadap seorang penduduk di jajahan Pasir Mas yang banyak mempunyai keramat, sebagai waliuallah. Lantaran itulah menyebabkan penulis ingin menyelidik, apakah sifat yang ada pada orang tersebut menepati sifat-sifat yang digariskan oleh Islam.

Selain daripada itu, penulis memilih jajahan Pasir Mas adalah kerana, penulis sendiri merupakan ahli masyarakatnya. Justeru itu, penulis dapat mengemukakan fakta-fakta melalui observasi dan pengalaman serta keterampilan penulis sebagai ahli masyarakat.

Dengan sebab-sebab tersebutlah, maka penulis memilih jajahan Pasir Mas sebagai subjek kajian. Penulis berkeyakinan bahawa jajahan Pasir Mas dapat mewakili jajahan-jajahan lain dalam negeri Kelantan.

## B. METOD PENGUMPULAN DATA

Penyelidikan bererti usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul. Penulis telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam usaha penyusunan kertas projek ini. Data-data tersebut diperolehi dari berbagai sumber. Antara metod-metod yang digunakan dalam pengumpulan data adalah seperti berikut:

### 1. Metod Historis

Metod historis ialah "satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian". Metod ini digunakan untuk mendapat data yang mempunyai nilai sejarah (history). Sejarah yang

dikaji dalam kertas projek ini ialah catatan-catatan masa lampau tentang sejarah permulaan kedatangan Islam di negeri Kelantan, yang mempunyai kaitan rapat dengan konsep wali Allah.

Penggunaan metod sejarah dalam penyelidikan ini ialah dalam usaha-usaha mendapatkan data mengenai:

1. Latarbelakang masalah dalam bab I.
2. Sejarah hidup wali Allah dalam bab II.
3. Sejarah masyarakat Melayu Kelantan mengenali perkataan wali Allah dalam bab IV.

Penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang berhubungan dengan masalah tersebut dalam usaha untuk mendapatkan data yang bersifat historis.

## 2. Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi bererti cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti. Dokumen ialah benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> Imam Bernadib, Op. Cit., hal. 55.

Dalam penulisan ini, penulis melakukan studi terhadap dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) Al-Quran dan Hadith.
- (ii) Buku-buku dan bahan bertulis seperti surat khabar, majalah, jurnal dan laporan-laporan.

Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut, penulis dapat mengumpulkan data mengenai:

- (i) Perkara-perkara yang berkaitan dengan wali Allah yang terdapat dalam bab I, II, III dan IV.
- (ii) Pengenalan negeri Kelantan, khususnya jajahan Pasir Mas, yang terdapat dalam bab I.
- (iii) Sistem pengajian pondok di sekitar jajahan Pasir Mas yang terdapat dalam bab I.

### 3. Metod Interview

Metod interview adalah bererti cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendidikan lisan dari seorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu.<sup>5</sup> Metod ini adalah pembantu utama kepada metod observasi.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Koentjaraningrat, Op. Cit., m.s. 16.

<sup>6</sup> Ibid.

Penulis menggunakan metod interview dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan data-data berikut:

- (i) Kefahaman ulama' terhadap konsep wali Allah.
- (ii) Pendidikan agama di negeri Kelantan, khususnya jajahan Pasir Mas.
- (iii) Riwayat hidup orang yang dianggap wali Allah oleh masyarakat.

Para informen dan responden yang dapat di interview adalah terdiri dari senarai berikut:

- (i) Tuan-tuan guru pondok dan bekas guru-guru pondok.
- (ii) Penolong Pengarah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan.
- (iii) Pegawai Penilaian dan Peperiksaan Yayasan Islam Kelantan.
- (iv) Pegawai Agama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- (v) Penyelia Pendidikan Jajahan Pasir Mas dan Tumpat (Bahagian Agama).
- (vi) Ustaz Muhamad 'Uthman El-Muhammady (Bekas Pensyarah Akademi Islam, Universiti Malaya).
- (vii) Masyarakat Jajahan Pasir Mas.
- (viii) Pensyarah-pensyarah Akademi Islam Universiti Malaya.

#### 4. Metod Observasi

Selain daripada metod historis dan metod dokumentasi, penulis juga menggunakan metod observasi untuk mendapatkan data yang lebih praktikal. Metod observasi bererti cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penyelidikan. Pengalaman penulis yang dialami secara langsung juga termasuk di dalam metod ini. Pengalaman yang dimaksudkan di sini ialah pengalaman penulis yang ada kaitan dengan objek penyelidikan.

Penggunaan metod observasi dalam penyelidikan ini, digunakan adalah untuk menjadikan cara pengumpulan data saling melengkapi di antara metod-metod yang digunakan. Penggunaan metod ini kebanyakannya terdapat di bahagian-bahagian berikut:

- (i) Latarbelakang masalah dan rumusannya di dalam bab I.
- (ii) Laporan penyelidikan dan pentafsiran data dalam bab IV.
- (iii) Kesimpulan hasil kajian masalah dalam bab V.

Penulis sebagai salah seorang ahli masyarakat Pasir Mas, telah lama membuat observasi terhadap masyarakat dari segala aspek, tetapi setelah penyelidikan ini berjalan, penulis cuba memerhatikan masyarakat dari sudut kefahaman mereka terhadap konsep wali Allah.

## 5. Metod Questional

Metod terakhir yang digunakan oleh penulis sebagai pelengkap untuk mengumpulkan data ialah metod questional. Metod ini bererti cara pengumpulan data dengan menyediakan soalan-soalan bertulis yang ditujukan kepada pihak tertentu.

Penggunaan metod ini dilakukan oleh penulis dengan menyediakan 50 borang kajiselidik yang diberikan kepada penduduk di jajahan Pasir Mas. Skop soalan yang dimuatkan adalah berkaitan dengan kefahaman masyarakat terhadap konsep wali Allah.

## C. METOD ANALISA DATA DAN PENULISAN

Setelah semua data yang diperlukan sudah terkumpul melalui suod-metod yang telah disebutkan tadi, penulis mengadakan pengolahan data dan diikuti dengan penganalisaannya. Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metod-metod analisis diskriptif kualitatif. Penggunaan metod ini secara nyata adalah melalui metod-metod berikut:

1. Metod Induktif.
2. Metod Deduktif.
3. Metod Komparatif.

## 1. Metod Induktif

Ia bererti suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dalam hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>7</sup>

Penggunaan metod ini banyak digunakan oleh penulis dalam penyelidikan ini iaitu dalam membentangkan bahagian berikut:

- (i) Rumusan masalah dalam bab I. Penulis telah merumuskan beberapa perkara secara umum setelah menggariskan beberapa masalah yang ada kaitan dengan konsep wali Allah.
- (ii) Laporan penyelidikan dan pentafsiran data dalam bab IV.
- (iii) Kesimpulan dalam bab V, untuk membuat kesimpulan keseluruhannya, penulis sememangnya menggunakan metod ini.

## 2. Metod deduktif

Metod deduktif ini digunakan serentak dengan penggunaan metod induktif. Metod ini bererti cara menganalisa yang melakukan

---

<sup>7</sup> Imam Barnadib, Op. Cit., n.s. 52.

penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>8</sup>

Penulis menggunakan metod ini dalam bab I, III dan IV. Dalam bab III, metod deduktif yang digunakan ialah huraian mengenai alasan pemilihan jajahan Pasir Mas sebagai sample kajian. Penulis menyaksikan bahawa negeri Kelantan adalah termasyhur dengan pengajian pondok pada suatu masa dulu. Setelah itu penulis mengemukakan bukti-bukti kepada kenyataan tersebut dengan mengemukakan data-data dari jajahan Pasir Mas, huraian ini terdapat dalam bab I.

### 3. Metod Komparatif

Di samping metod induktif dan metod deduktif, penulis juga menggunakan metod komparatif di dalam menganalisa dan menulis penyelidikan ini.

Metod komparatif adalah metod yang digunakan sebagai cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penyelidikan

---

<sup>8</sup> Ibid.

dijalankan. Penggunaan metod ini terdapat di dalam perkara-perkara berikut:

- (i) Dalam bab III iaitu penentuan jajahan bagi sample kajian.
- (ii) Menganalisa data tentang tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep yang dikaji, iaitu dalam bab IV.

Dalam bab ke IV, penulis telah membuat perbandingan antara kefahaman masyarakat terhadap konsep wali Allah dengan pandangan al-Quran, hadith dan sepakat ulama'. Hasil dari perbandingan-perbandingan itu, penulis membuat analisa dan kesimpulan-kesimpulan.

#### D. KESIMPULAN

Dengan menggunakan metod-metod yang diterangkan di dalam bab ini, penulis merasakan penulisan dan penganalisaan yang dibuat lebih mudah dan teratur. Ini adalah disebabkan oleh tujuan metod dalam penulisan ialah untuk melahirkan satu natijah yang positif.

B  
A  
B  
  
K  
E  
E  
M  
P  
A  
T

## BAB KEEMPAT

### LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

#### A. LAPORAN PENYELIDIKAN

##### 1. Sejarah Masyarakat Melayu Mengenali Wali Allah

Masyarakat Melayu di negeri Kelantan menerima Islam pada abad ke 12 iaitu sekitar tahun 1150H yang dipercayai dibawa oleh seorang pendakwah dari Patani. Sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu dipengaruhi oleh kepercayaan dan adat-adat Hindu yang mana kesan-kesannya dapat dilihat sehingga ke hari ini seperti majlis persandingan, pemujaan pokok dan makan sirih pinang. Walau bagaimanapun tidak semua adat-adat tersebut bercanggah dengan ajaran Islam. Adat-adat yang bertentangan dengan agama Islam cuba dihapuskan oleh para ulama, tetapi ianya amatlah sukar. Meskipun begitu ianya dapat dibendung hasil dari pendidikan Islam yang berjalan dengan baik di negeri Kelantan melalui sistem pengajian pondok.

Bermula dari pendidikan inilah, masyarakat didedahkan dengan berbagai ilmu pengetahuan terutama ilmu usuluddin, fiqh dan tasawwuf. Masyarakat Melayu Kelantan amat menghormati tuan-tuan guru kerana mereka menganggap guru-guru mempunyai keberkatan dan orang yang

dikasihi oleh Allah. Apalagi kalau guru tersebut mempunyai keistimewaan dan kekeramat tertentu yang dikurniakan oleh Allah. Keadaan ini dapat dilihat dengan bertambahnya pelajar-pelajar pondok di negeri Kelantan sekitar tahun 1940an iaitu semasa tentera Jepun memasuki Malaya. Tujuannya adalah untuk mendapat perlindungan dari keganasan tentera Jepun kerana mereka tidak akan mengganggu kawasan pondok yang dipercayai tuan-tuan guru mempunyai keramat.<sup>1</sup>

Masyarakat Melayu mengutamakan tuan guru dalam majlis-majlis yang dianjurkan, seperti majlis perkahwinan, kenduri-kendura, bercukur bayi dan sebagainya dengan tujuan mendapat keberkatan dari guru tersebut. Begitu juga apabila mereka menghadapi kesulitan dan kesempitan hidup, kepada tuan guru lah tempat mereka mengadu. Mudah-mudahan tuan guru mendoakan kesejahteraan dan keselamatan untuk mereka. Amalan ini tidaklah bercanggah dengan ajaran Islam.

Apa yang berlaku di dalam masyarakat Melayu ialah penyelewengan terhadap konsep keramat. Di dalam bahasa Arah disebut Karamah iaitu perkara-perkara yang luarbiasa yang berlaku kepada wali Allah. Tetapi masyarakat Melayu telah meluaskan pengertian keramat sehingga dikatakan pokok juga mempunyai keramat dan berlakulah

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Lukman bin Hj. Abdul Latiff, Penolong Pengarah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan, pada 23 Ogos, 1989.

pemujaan. Walau bagaimanapun amalan ini dapat dihapuskan, dengan usaha yang dilakukan oleh orang-orang yang berilmu dan pertolongan daripada Allah s.w.t.

Justeru itu, boleh dikatakan masyarakat Melayu di Kelantan khususnya di jajahan Pasir Mas mengenali perkataan wali Allah setelah mereka mempelajari Islam yang tiba di Kelantan pada tahun 1150 M.<sup>2</sup>

## 2. KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP KONSEP WALI ALLAH

### 2.1 Masyarakat Awam

Semua responden mempercayai adanya wali Allah, tetapi sumber pengetahuan mereka terhadap konsep tersebut adalah berbeza. Ada di kalangan mereka mengetahuinya dari sumber syara' iaitu dari al-Quran, al-Hadith dan dari para ulama'. Selain dari itu ada juga yang mengetahuinya dari cerita-cerita orang ramai. Ini adalah mungkin disebabkan oleh perbezaan pendidikan yang diterima. Sumber rujukan utama responden dalam masalah-masalah agama ialah para ulama', ini dibuktikan dengan keputusan soalselidik yang diperolehi, iaitu 75% dari mereka mengetahui wujudnya wali Allah adalah dari ulama'. Walau

---

<sup>2</sup> Temubual dengan Ustaz Fauzi bin Hj. Awang, pensyarah Akademi Islam, Universiti Malaya, pada 29 Disember, 1989.

bagaimanapun, tidak kurang juga mereka yang mengetahuinya bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah iaitu 54% dari al-Quran dan 44% dari as-Sunnah. Adalah terlalu sedikit responden yang mengetahuinya mengikut cerita-cerita orang ramai, iaitu sebanyak 2.4%.

Keadaan ini menunjukkan suatu petanda atau perkembangan yang sihat yang berlaku di dalam masyarakat. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh para ulama' atau tuan-tuan guru di dalam masyarakat Melayu.

Responden secara umumnya iaitu sebanyak 82%, mengatakan bahawa wali Allah wujud sekarang. Hanya 1.2% sahaja yang mengatakan bahawa wali Allah tidak wujud sekarang dan selebihnya tidak pasti samada wujud sekarang atau tidak.

Boleh dikatakan, bahawa secara keseluruhannya, responden menganggap wali Allah adalah terdiri dari orang-orang tertentu sahaja, iaitu orang-orang sufi dan orang-orang yang bertaqwa. Walau bagaimanapun, terdapat 6% daripada mereka berpendapat bahawa wali Allah adalah terdiri dari semua orang Islam.

76% daripada responden bersetuju bahawa seseorang mu'min boleh berusaha mencapai taraf wali, manakala selebihnya mengatakan

tidak boleh. Sehingga ada yang berpendapat bahawa taraf wali Allah adalah merupakan darjah penganugerahan dan ilham daripada Allah s.w.t. semata-mata.

### 2.1.1 Sifat-sifat Wali Allah

Apabila diminta supaya menyatakan siapa dan di mana wali Allah, kebanyakannya responden menyatakan bahawa tidak siapapun yang mengetahui siapa dan di mana kecuali Allah s.w.t. Walaupun tidak ditentukan siapa dan di mana, tetapi mereka cuba menyatakan sifat-sifat seorang wali. Antaranya ialah mu'min yang bertaqwa, sentiasa mentaati Allah s.w.t., menjauhi laranganNya, segera bertaubat dari dosa yang dilakukan, mu'min yang kuat beribadah, dekat kepada Allah, berjaya melawan nafsu dan godaan syaitan, kata-katanya diberkati, benar-benar menyerahkan diri kepada Allah, meninggalkan kelazatan dunia terdiri dari kalangan orang-orang sufi suci hatinya dan merupakan kekasih-kekasih Allah.

74% daripada responden mengatakan bahawa wali itu kuat beribadah, 64% dari mereka mengatakan sentiasa bertaubat, 58% mengatakan bersifat zuhud, 62% bersifat sabar dan 38% mengatakan tidak pernah melakukan maksiat. Malah ada yang mengatakan bahawa wali terpelihara dari melakukan maksiat iaitu sebanyak 44% dan 54% dari mereka mengatakan tidak terpelihara dari melakukan maksiat.

Dari segi perkahwinan pula, sebanyak 70% mengatakan bahawa wali Allah itu berkahwin dan mempunyai keluarga, manakala 26% dari responden mengatakan bahawa mereka tidak berkahwin. Mengenai sifat uzlah pula, 62% dari responden berpendapat bahawa, uzlah bukanlah merupakan sifat bagi seorang wali, dan 36% dari mereka mengatakan uzlah adalah satu sifat yang perlu bagi seorang wali.

90% daripada responden mengatakan bahawa seseorang wali tidak boleh dikenali melalui pakaian tetapi 4% daripada mereka mengatakan boleh. Hampir 100% daripada responden tidak bersetuju seseorang itu mendakwa dirinya sebagai wali Allah.

Kebanyakan responden berpendapat bahawa tugas wali-wali ialah sebagai penyambung kepada tugas-tugas Rasulullah serta mengikuti sunnahnya iaitu sebanyak 68%. Manakala 96% daripada mereka, tidak bersetuju seseorang yang mempunyai sifat sebagai seorang wali (seperti yang telah disebutkan) tetapi tidak mengikuti sunnah Rasulullah.

Ada di kalangan responden yang menyatakan nama-nama wali Allah di sekitar negeri Kelantan iaitu Hj. Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan gelaran Pak Cu Hasan Kampong Lati (M. 1984) Pasir Mas, Hj. Muhammad Yusuf bin Ahmad (Awang) atau terkenal dengan Tok Kenali, kampong Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu (K. 1933) dan Wali Patih, Kota Kubang Labu, Pasir Pekan.

### 2.1.2 Pembahagian Wali-wali Allah

Kebanyakan masyarakat awam tidak mengetahui pembahagian wali secara terperinci. Malah ada di antara mereka yang tidak tahu langsung adanya pembahagian tersebut, iaitu sebanyak 42% daripada responden. Walaupun begitu, 54% daripada mereka mengetahui adanya peringkat-peringkat wali Allah.

54% daripada responden mengatakan bahawa para nabi dan para rasul adalah termasuk dalam golongan wali Allah, manakala 40% dari mereka mengatakan tidak. 80% daripada responden bersetuju bahawa setiap wali tidak semestinya nabi atau rasul dan 50% dari mereka berpendapat, semua para nabi, rasul dan wali adalah orang-orang sufi. 68% mengatakan orang-orang sufi tidak semestinya wali, manakala 14% dari mereka mengatakan bahawa semua sahabat rasulullah adalah wali Allah dan 30% mengatakan, khulafa'ar-Rasyidin adalah wali Allah.

### 2.1.3 Kekeramatatan Para Wali

96% daripada responden berpendapat bahawa kekeramatatan yang berlaku kepada wali-wali Allah adalah sesuatu yang harus. Para wali tidak akan merasa bangga dengan kekeramatatan yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka, malah mereka akan merasa takut, rendah diri serta bertambahnya kekusyukan kepada Allah s.w.t. Jauh sekali dari sifat riya' dan takabbur.

Kebanyakan responden mempercayai kekeramatatan para wali berlaku semasa hidupnya sahaja, iaitu sebanyak 62%, tetapi ada juga yang mempercayai keramat itu berlaku semasa hidupnya dan sesudah ia meninggal dunia iaitu sebanyak 36%.

Hampir keseluruhan responden berpendapat, keramat wali dan mu<sup>c</sup>jizat rasul adalah tidak sama. Walau bagaimanapun, terdapat 8% daripada mereka yang mengatakan bahawa keramat dan mu<sup>c</sup>jizat adalah sama. 90% daripada responden berpendapat, mu<sup>c</sup>jizat adalah khusus untuk rasul, 64% mengatakan keramat khusus untuk para wali dan 74% mengatakan sihir dan penipuan khusus untuk musuh-musuh Allah.

#### Keputusan Soalselidik

Selain daripada kajian secara langsung yang dilakukan oleh penulis melalui temubual dan observasi, penulis juga telah mengedarkan sebanyak 50 salinan soalan kaji selidik kepada semua peringkat masyarakat Melayu di jajahan Pasir Mas. Berikut ini adalah keputusan hasil soalselidik yang dijalankan.

#### Soalan

#### Keputusan (%)

- | Soalan   | Keputusan (%) |
|--|---------------|
| 1. Masyarakat yang percaya wujudnya wali Allah | 100           |

SoalanKeputusan (%)

2.	Mengetahui dari sumber	
	a. Al-Quran	54
	b. Al-Hadith	44
	c. Ulama'	76
	d. Cerita-cerita orang ramai	2.4
3.	Wali Allah wujud sekarang	
	a. Ya	83
	b. Tidak	1.2
	c. Tidak tahu	6
4.	Wali Allah terdiri dari	
	a. Semua orang Islam	6
	b. Semua orang yang bertaqwa	15
	c. Semua orang sufi	14
	d. Orang-orang tertentu sahaja	68
5.	Wali Allah itu kahwin	
	a. Ya	70
	b. Tidak	26
6.	Wali Allah adalah orang mu'min yang	
	a. Kuat beribadah	74
	b. Tidak pernah melakukan maksiat	38
	c. Sentiasa bertaubat	64
	d. Zuhud	58
	e. Sabar	62

SoalanKeputusan (%)

7.	Wali Allah terbahagi kepada beberapa kumpulan	
a.	Ya	54
b.	Tidak	42
8.	Mengenali wali Allah melalui pakaianya	
a.	Boleh	4
b.	Tidak boleh	92
9.	Beruzlah adalah sifat seorang wali Allah	
a.	Ya	36
b.	Tidak	62
10.	Nabi-nabi adalah termasuk dalam golongan wali Allah	
a.	Ya	54
b.	Tidak	40
11.	Pandangan mengenai	
a.	Setiap wali tidak semestinya nabi dan rasul	80
b.	Setiap nabi, rasul dan wali adalah orang sufi	50
c.	Orang sufi tidak semestinya wali	68
d.	Semua sahabat Rasulullah adalah wali	14
e.	Khulafa' ar-Rasyidin adalah wali	30
12.	Wali Allah terpelihara dari melakukan maksiat	
a.	Ya	44
b.	Tidak	54

SoalanKeputusan (%)

13.	Seseorang yang mendakwa dirinya sebagai wali	
	a. Setuju	2
	b. Tidak setuju	98
14.	Seseorang mu'min boleh berusaha mencapai taraf wali	
	a. Ya	76
	b. Tidak	20
	c. Tidak tahu	4
15.	Pendapat tentang kekeramatatan para wali	
	a. Wajib berlaku	4
	b. Harus berlaku	96
16.	Wali berbangga dengan kekeramatannya	
	a. Ya	0
	b. Tidak	98
17.	Kekeramatatan para wali menjadikan dirinya bertambah	
	a. Perasaan riya'	0
	b. Khusyu' dan rendah diri	62
	c. Takut kepada Allah	84
18.	Keramat wali berlaku semasa	
	a. Hidupnya	62
	b. Hidupnya dan selepas meninggal	36

SoalanKeputusan (%)

19.	Keramat wali sama dengan mu <sup>c</sup> jizat rasul	
a.	Ya	8
b.	Tidak	90
20.	Pandangan mengenai	
a.	Mu <sup>c</sup> jizat khusus untuk nabi dan rasul	90
b.	Keramat khusus untuk wali	64
c.	Sihir dan penipuan khusus untuk musuh-musuh Allah	74
21.	Wali Allah adalah penyambung tugas-tugas Rasulullah	
a.	Ya	68
b.	Tidak	28
22.	Seseorang yang zahud tetapi tidak mengikuti sunnah Rasulullah boleh dikatakan sebagai wali Allah	
a.	Ya	0
b.	Tidak	96
c.	Tidak tahu	4

## 2.2 'Golongan Ulama'

Penulis hanya sempat bertemu dengan empat orang tuan guru sahaja, iaitu tiga orang di jajahan Pasir Mas dan seorang di jajahan Tumpat. Mereka ialah tuan guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman

seorang guru di pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, tuan guru Hj. Mokhtar bin Hj. Ismail bekal guru pondok Kampong Siram, Pasir Mas, Ustaz Muhamad Uthman El-Muhammady Kampong Kasar, Pasir Mas, bekas pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan tuan guru Hj. Wan Muhamad bin Wan Min, Jal Besar, Tumpat.

#### 2.2.1 Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman

Mengikut pandangan beliau, setengah wali dapat dikenali dan setengahnya tidak dikenali oleh orang ramai, yang pasti, hanya Allah yang mengetahui kesemuanya. Seseorang mu'min boleh berusaha mencapai taraf wali iaitu dengan cara memperbanyakkan amal ibadah kepada Allah s.w.t. dan insya'Allah akan dianugerahkan oleh Allah taraf kewalian.

Beliau berpendapat bahawa terdapat enam darjah kewalian iaitu seorang wali Qutub, empat orang wali Autad, tujuh orang wali al-Akhyar, empatpuluhan orang wali al-Abdal, tujuhpuluhan orang wali Nujabah' dan tiga ratus Kuqaba'. Jika wali Qutub meninggal dunia ia akan diganti oleh al-Autad dan begitulah seterusnya.

Mengikut pandangan beliau, bukan semua sahabat Rasulullah itu wali Allah tetapi semua sahabat adalah <sup>c</sup>adil dan tidak ada seorangpun yang fasiq. Ini adalah kerana, apabila mereka melakukan

maksiat, mereka segera bertaubat. Orang-orang sufi tidak semuanya wali tetapi untuk meningkatkan kepada taraf wali perlu beramal dengan ilmu tasawwuf. Oleh itu beliau menolak pendapat yang mengatakan bahawa semua orang Islam adalah wali Allah.

Seterusnya beliau mengatakan, biasanya orang-orang sufi dan wali beruzlah untuk beribadah kepada Allah dan menghindarkan diri dari terjerumus ke lembah maksiat. Satu sifat yang ada pada seorang wali ialah "mahfuz" yang bererti terpelihara dari melakukan kesalahan dan kesilapan sesama manusia, tetapi bukan terpelihara daripada melakukan naksiat.

Berkemungkinan seseorang wali akan sampai ke maqam fana' dan maqam baqa'. Maqam fana' ialah satu martabat yang sampai matahati seseorang hamba kepada Allah Ta<sup>ala</sup> serta lupa dengan kewujudan makhluk dan tidak merasai kewujudan dirinya sendiri. Maqam baqa' pula bererti sampai matahati hamba kepada Allah s.w.t. serta dapat membezakan di antara Tuhan dan makhluk.

Seseorang wali mungkin dikurniakan Allah kasyaf. Kasyaf terbahagi kepada dua iaitu kesyaf suri ( صورى ) dan kasyaf ma<sup>c</sup>nawi ( معنوى ). Kasyaf suri ialah seseorang wali boleh nampak dosa-dosa pada seseorang seperti pemium arak dan boleh nampak

gugurnya dosa seseorang yang sedang berwudu' ke dalam kolah. Kasyaf ini hanya berlaku kepada sesetengah wali sahaja. Manakala kasyaf mawahi pula ialah dapat memandang Allah dengan matahati, kasyaf jenis ini, semua wali mengalaminya.

Berkenaan dengan kekeramatan para wali pula, beliau berpendapat bahawa kita boleh mengenali wali melalui kekeramatannya. Kekeramat itu berlaku semasa hidupnya dan mungkin berlaku selepas kematianya. Beliau mengemukakan satu contoh keramat yang berlaku selepas kematian yang berlaku kepada seorang sahabat Rasulullah iaitu Abdullah bin Abbas, setelah jenazah beliau dikebumikan, sahabat-sahabat yang sedang bertahlil terdengar suara yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ إِذْ جُعِنَ إِلَى رَيْكِ رَاضِيَةٌ مَرْضِيَةٌ  
فَادْخُلْنِي فِي عِبَادِي وَادْخُلْنِي جَنَّتِي

Maksudnya:

"Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai. Maka masuklah ke dalam jamaah hamba-hambaku dan masulah ke dalam syurgaKu."<sup>3</sup>

Satu lagi contoh keramat yang berlaku selepas kematian iaitu apa yang berlaku kepad kubur Kamal bin Hamwan di Mesir yang sentiasa berbau wangi sehinggalah sekarang, yang peliknya bau itu tidak sama dengan minyak wangi yang dijual di pasaran sekarang.

---

<sup>3</sup> Surah Al-Fajr, ayat 27-30.

## 2.2.2 Tuan Guru Hj. Mokhtar bin Hj. Ismail

Mengikut pendapat beliau, wali Allah ialah orang yang bertaqwa kepada Allah. Baginya seseorang mu'min boleh berusaha mencapai taraf wali. Semua sahabat Rasulullah adalah wali Allah tetapi status mereka sebagai sahabat adalah lebih tinggi dari status wali. Beliau seterusnya memberikan perbezaan di antara sufi dan wali; orang-orang sufi ialah orang yang suci hatinya dari kesibukan dan kekalutan dunia, manakala wali pula ialah orang yang dijadikan kekasih oleh Allah s.w.t.

Wali Allah adalah terpelihara daripada melakukan kejahanan (mahfuz) dan tidak terpelihara daripada dosa (<sup>c</sup>asum), kerana sifat ini hanyalah tertentu kepada para nabi dan rasul sahaja.

Beliau tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa semua orang Islam adalah wali Allah, ini adalah kerana orang Islam terbahagi kepada dua iaitu yang <sup>c</sup>asi (derhaka) dan tai<sup>c</sup>i (taat).

Berkenaan dengan sifat <sup>c</sup>uzlah pada seorang wali, beliau mengatakan bahawa uzlah yang paling utama ialah uzlah hati dari masyarakat. Selain daripada itu wali juga dikurniakan kasyaf iaitu dapat mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tetapi ianya

tidak berlaku kepada semua wali kerana kasyaf adalah salah satu daripada jenis keramat bagi seseorang wali Allah. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bererti apabila seseorang yang mempunyai tanda-tanda keramat boleh dikatakan sebagai wali Allah kerana pengertian wali itu ialah kekasih Allah. Keramat bukanlah sesuatu yang wajib berlaku kepada seseorang wali kerana ianya merupakan anugerah Allah kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Keramat ini mungkin terjadi semasa hidupnya atau selepas matinya seseorang wali. Beliau seterusnya mendefinisikan keramat sebagai perkara-perkara yang luar biasa dan menyalahi adat. Jika sekiranya ia berlaku kepada Rasulullah maka ia dinamakan mu<sup>c</sup>jizat dan jika berlaku kepada wali namanya karamah, kalau berlaku kepada orang soleh namanya ma<sup>c</sup>unah dan kepada orang kafir namanya istidraj.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa ada lima maqam bagi wali Allah iaitu maqam baqa' (sentiasa ingat kepada Allah/kekal dengan Allah), maqam fana' (tidak nampak kewujudan makhluk), maqam jama' iaitu salik dan majzub, salik bererti orang yang berjalan menuju Allah, majzub pula bererti tertarik kepada Allah dan tidak mahu kepada dunia, maqam tajrid (bersunyi-sunyian dengan Allah) iaitu satu maqam menuju kepada maqam fana' dan baqa'. Manakala maqam asbab pula ialah bagi orang awam iaitu bekerja dan berusaha,

### 2.2.3 Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady

Beliau mendefinisikan wali Allah adalah seorang yang menunaikan hak Allah dan hak hamba-hamba Allah dengan cara yang sebaik-baiknya, serta terhindar dari melakukan penderhakaan dan dari perkara-perkara yang sia-sia. Beliau mengatakan bahawa taraf kewalian bukan sahaja boleh diusahakan bahkan ianya dituntut oleh Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya:

إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik."<sup>4</sup>

Firman Allah lagi

فَامْسِتِبْقُوا الْخَيْرَاتِ

Maksudnya:

"Maka berlumba-lumbalah kamu (dalam membuat) kebaikan."<sup>5</sup>

Setelah seseorang mu'min berusaha mengerjakan kebaikan sebanyak mungkin, maka terserahlah kepada Allah. Oleh itu beliau berpendapat semua sahabat Rasulullah boleh dikira sebagai wali Allah,

<sup>4</sup> Surah Al-'Araf, ayat 56.

<sup>5</sup> Surah Baqarah, ayat 148.

ini memandangkan para sahabat adalah orang yang berlumba-lumba melakukan kebajikan.

Beliau menyebutkan bahawa tugas-tugas wali adalah berbeza di antara satu dengan yang lain. Ada wali tugasnya hanya sebagai pemimpin rohani sahaja seperti Imam Al-Ghazali (m. 1111M) dan ada di kalangan mereka yang ditugaskan sebagai pemimpin masyarakat dan sekaligus sebagai pemimpin kerohanian seperti Khulafa' ar-Rasyidin dan juga Omar Abdul Aziz.

Baginya sifat mahfuz yang ada pada para wali Allah bererti terkawal iaitu tidak berterusan melakukan dosa. Ia disedarkan oleh Allah dan akan kembali ke pangkal jalan. Beliau bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa semua orang Islam adalah wali Allah iaitu apa yang dinamakan dengan wilayah sughra (kecil) dengan syarat ia membenar dan menerima ilmu tasawwuf yang dihuraikan oleh para auliya'.

Manakala sifat <sup>c</sup>uzlah pula, bergantung kepada siapa wali itu dan apakah yang dikehendaki oleh Allah ke atasnya. Ada wali tugasnya berupa kegiatan-kegiatan dalam masyarakat dan ada wali hanya dikehendaki beruzlah. Dalam hal ini mereka mendapat isyarat daripada Allah. Secara umumnya dari segi syara', uzlah terbahagi kepada dua

iaitu uzlah batin (<sup>c</sup>uzlah hati) dan uzlah lahir. Uzlah batin ialah orang yang sentiassa hatinya tidak tertarik atau terpengaruh dengan alam benda sedangkan ia hidup dan bergaul dengan masyarakat. Tubuh badannya berada di alam ini manakala rohnya berada di sisi Tuhan. <sup>c</sup>Uzlah lahir pula terbahagi kepada dua iaitu <sup>c</sup>uzlah mutlak dan <sup>c</sup>uzlah nisbi. Uzlah mutlak ialah uzlah sepenuh masa dengan bersunyi-sunyi di bukit-bukit. Uzlah nisbi pula seseorang itu dikehendaki bergaul dengan masyarakat dalam majlis-majlis tertentu yang dituntut oleh agama seperti sembahyang berjemaah, majlis-majlis ilmu, kenduri kahwin, tempat kematian dan melakukan amar <sup>c</sup>ruf dan nahi mungkar. Mereka menjauhi dari majlis-majlis berbentuk maksiat.

Beliau mengemukakan alasan rasional, kenapa manusia perlukan <sup>c</sup>uzlah. Ini adalah kerana <sup>c</sup>uzlah merupakan satu irama atau rentak hidup manusia. Setiap manusia perlukan ketenangan untuk melakukan kerja mereka seperti pelukis terkenal, jurutera dan pengarang. Uzlah bagi seorang wali Allah adalah merupakan tuntutan-tuntutan spiritual yang lebih dari tuntutan-tuntutan orang biasa.

Beliau seterusnya memberikan peringatan bahawa uzlah itu tidak berlaku secara berterusan kecuali ahli tajrid, yang mana mereka berkhidmat kepada masyarakat dengan cara berdoa kepada Allah supaya masyarakat dijauhkan dari bala bencana. Apa yang mereka lakukan bukan

mengikut sentimental yang boleh dipertikaikan oleh sesiapa sahaja tetapi mereka mendapat isyarat-isyarat yang sohih daripada Allah. Di sana ada neraca-neraca yang tertentu untuk mengukur kebenaran-kebenaran isyarat tersebut.

Berkenaan dengan maqam fana' dan maqam baqa', beliau mendefinisikan fana' ialah fana' diri dalam Af' al, Sifat dan Zat Tuhan, bukan bererti bercantum (ittihad). Maqam baqa' pula ialah maqam yang tinggi dan sempurna. Mereka yang berada di peringkat ini boleh kembali memimpin masyarakat. Keadaan ini bukanlah pengalaman biasa. Lantaran itulah syatahat (perkataan yang pelik-pelik dari segi lahirnya yang keluar dari orang yang sedang dalam mabuk rohani iaitu pada peringkat maqam fana'). Oleh kerana ia berkata dalam keadaan yang tidak sedar, maka ianya perlu dita'wil. Justeru itu, adalah tidak menjadi kesalahan, syatahat yang keluar dari al-Hallaj umpamanya "Ana al-Haq". Ini adalah kerana beliau berkata di dalam keadaan yang tidak sedar diri. Ustaz Uthman seterusnya menceritakan kisah tersebut di dalam Akhbar al-Hallaj. Suatu hari murid-muridnya bertanyakan tentang hukum orang berkata "Ana al-Haq", lantas beliaupun menjawab hukumnya bunuh kerana beliau tahu perkataan itu tidak layak dituturkan oleh manusia. Hanya Allah sahaja yang berhak. Tiba-tiba pada suatu ketika yang lain, semasa beliau sedang mengajar di hadapan murid-muridnya, perkataan itu keluar lagi dari mulutnya. Murid-muridnya

yang bersedia dengan pedang terus menikam al-Hallaj tetapi pedang itu terpelanting dan terkena murid-muridnya, setelah beliau sedar, beliau bertanya kepada murid-muridnya, "Kenapa kamu semua berdarah?" Murid-muridnya menjawab" Tuan gurulah yang menikam kami." Walau bagaimanapun beliau akhirnya dihukum bunuh oleh pemerintah. Ketika Junaid al-Baghdadi diminta fatwa sebanyak tiga kali oleh khalifah, barulah beliau menurunkan tandatangan dengan menulis, "Mengikut hukum syara' beliau hendaklah dibunuh dan mengikut hukum hakikat Wallahu<sup>c</sup>alam (Allah Yang Lebih Mengetahui) ketika itu al-Junaid mengenakan baju ahli Fiqh.

Menyentuh tentang keramat, uztaz Uthman El-Muhammady berpendapat bahawa kekeramat yang lahir dari seseorang bukanlah menandakan ianya seorang wali. Beliau mengatakan bahawa istiqamah dalam agama adalah lebih baik daripada seribu kekeramat. Keramat itu mungkin juga berlaku selepas meninggalnya seseorang wali Allah iaitu pada hartanya, keluarganya atau pada kuburnya.

Manakala kasyaf pula, kemungkinan Allah kurniakan kepada para wali iaitu pandangannya secara batin terhadap perkara-perkara yang Allah hendak bukakan kepadanya tentang apa-apa yang akan terjadi ke atas dirinya. Walau bagaimanapun, keadaan ini hanyalah berlaku kadang kala sahaja.

## 2.2.4 Tuan Guru Hj. Wan Muhammad bin Wan Min

Mengikut pendapat beliau, wali Allah ialah orang yang diperintahkan oleh Allah anggota tujuhnya untuk tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Selepas mereka melakukan ibadah yang wajib, mereka memperbanyakkan amalan sunat sehingga Allah kasih kepada mereka. Beliau mengatakan bahawa tidak siapapun tahu siapakah wali Allah kecuali Allah s.w.t. Wali Allah sendiri tidak mengetahui bahawa dia adalah wali Allah tetapi ia sentiasa takut kepada naksiat, raja' (mengharap) dan khauf (takut) kepada Allah.

Antara sifat seorang wali ialah kuat beribadah (<sup>c</sup>abid), bencikan dunia (zahid), mengembalikan percakapan kepada Allah (<sup>c</sup>arif billah) hatinya sentiasa dengan Allah (muntaha).

Beliau mengatakan bahawa pintu masuk kepada kewalian ada empat iaitu:

1. Kurangkan makan maksudnya berpuasa.
2. Kurangkan tidur maksudnya bertahajjud.
3. Kurangkan bercakap maksudnya banyak berzikir.
4. Beruzlah.

Uzlah dibolehkan setelah mengetahui tiga perkara iaitu ilmu usuluddin, fiqh dan tasawwuf. Tujuan uzlah ialah untuk menghindari pandangan dan penglihatan dari perkara yang tidak baik.

Beliau seterusnya menghuraikan peringkat-peringkat ibadah seseorang mu'min. Pada peringkat pertama seseorang mu'min beribadah kepada Allah kerana taqwanya kepada Allah. Setelah ia merasa yakin bahawa Allah melihat dan mengetahui segala perbuatannya, maka lahirian sifat naya' (malu) selepas itu akan lahirlah ibadah yang betul-betul ikhlas iaitu kerana mahabbah (cinta) kepada Allah. Inilah yang dikatakan keikhlasan yang paling tinggi dalam ibadah. Keadaan ini digambarkan dengan seorang insan yang sedang bercinta yang mana akan bersedia mengorbankan tenaga, usaha dan masa demi untuk membahagiakan orang yang dicintainya. Begitulah juga cinta insan terhadap penciptanya.

Beliau seterusnya mendefinisikan orang sufi adalah orang yang berusaha membersihkan hati yang akhirnya menyingkap segala rahsia sehingga tidak ada lagi hijab/pendinding untuk memandang Allah. Hati manusia adalah untuk mengingati Allah semata-mata, justeru itulah jika ianya diisi dengan berbagai-bagai perkara dan masalah, maka ia akan menghadapi risiko dan berpenyakit. Orang-orang yang bermuraqabah dengan Allah tidak kuasa untuk berhenti dari melakukan ibadah.

Beliau menyatakan bahawa para rasul, nabi dan sahabat tidak terkenal sebagai wali Allah adalah kerana kedudukan mereka sebagai rasul, nabi dan sahabat adalah melebihi taraf wali.

## 2.3 Orang Yang Dianggap Wali Allah oleh Masyarakat Pasir Mas

Di sini penulis akan mengutarakan salah seorang yang dianggap sebagai wali Allah oleh masyarakat. Beliau ialah Hj. Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Cu Hasan yang menetap di pondok Kampung Lati, Pasir Mas, Kelantan. Beliau dianggap sebagai wali Allah berdasarkan kepada sifat-sifat keperibadiannya serta kekeramatan yang dikurniakan kepadanya.

Beliau merupakan seorang pelajar yang setia dan sentiasa berdamping dengan gurunya. Beliau mulai belajar dari umur 15 tahun sehingga ke akhir hayat dengan menghayati dan mendalami ilmu tasawwuf. Masa kosongnya banyak dihabiskan untuk membaca.<sup>6</sup>

Beliau mengamalkan sifat zuhud dan tidak suka membazir samada dari segi makan minum, pakaian dan tempat tinggal. Beliau hanya memiliki sepasang pakaian, sehingga apabila dibasuh beliau akan menunggunya sehingga kering. Dari segi makan dan minum, beliau akan menyagu licin makanan yang melekat pada pinggan malah beliau membasuh tangan di dalamnya dan meminum air tersebut.<sup>7</sup>

<sup>6</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Razak bin Hj. Omar, anak saudara Pak Cu Hasan, pada 13 November, 1989.

<sup>7</sup> Temubual dengan Encik Ibrahim bin Hamat, anak saudara Pak Cu Hasan, pada 13 November, 1989.

Beliau adalah seorang yang dermawan di mana wang diperolehi dari titik peluhnya sendiri dan dari pemberian orang ramai dihabiskan untuk derma kebajikan seperti membina masjid. Beliau pernah menderma untuk sebuah masjid sebanyak 10 ribu ringgit. Beliau juga sering membantu sanak saudara dan masyarakat sekitar sehingga kanak-kanak kerap mengunjungnya untuk memperolehi wang. Pada hakikatnya beliau tidak memandang kepada wang dan harta, oleh itu beliau meninggalkan wang di merata-rata tempat. Namun begitu, wang tersebut tidak pernah hilang walaupun ditinggalkan di tepi-tepi jalan dan beliau akan mengambilnya semula apabila diperlukan.<sup>8</sup>

Beliau sangat peka terhadap isu-isu semasa terutamanya isu yang bertentangan dengan syari'at Islam. Contohnya tindakan kerajaan menembak lembu-lembu yang dikatakan berpenyakit kuku dan mulut. Beliau sanggup menggadaikan nyawa dengan menawarkan dirinya untuk ditembak terlebih dahulu sebelum menembak lembu-lembu tersebut. Dengan itu tindakan tersebut dihentikan. Beliau juga melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan politik tanahair, iaitu sebagai calun PAS (Parti Islam Se Malaysia) bagi kawasan Parlimen Gua Musang pada tahun 1982 menentang Tengku Razaleigh Hamzah. Walau bagaimanapun, kemenangan tidak memihak kepada beliau. Tujuan beliau masuki

<sup>8</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Mokhtar bin Hj. Ahmad, Penyelia Pendidikan Daerah Pasir Mas dan Tumpat (Agama), pada 23 Ogos, 1989.

pilihanraya adalah semata-mata untuk menegakkan daulah Islamiyyah di Malaysia.<sup>9</sup>

Beliau kerap ke Selatan Thailand malah tinggal di sana beberapa lama untuk berdakwah dan menyelamatkan umat Islam di sana. Di sana beliau mengajar tentang aqidah dan tasawwuf serta membetulkan bacaan wajib dalam sembahyang.<sup>10</sup>

Beliau dikatakan seorang yang "masin mulut" kerana apa yang disebutnya akan menjadi kenyataan dengan izin Allah. Setiap hari Selasa beliau akan dikunjungi oleh orang ramai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Beliau membantu mereka dengan memberi air tawar, membaca doa-doa dan menulis sesuatu dengan jari di atas belakang orang yang berkenaan. Meskipun beliau dikunjungi oleh bukan sahaja masyarakat sekitar malah dari berbagai negeri, tetapi beliau tidak mengaku sebagai seorang bomoh.<sup>11</sup>

Orang yang mengunjungi beliau akan menghulurkan wang. Kadang-kadang beliau menerima pemberian tersebut dan kadang-kadang menolaknya walaupun dalam jumlah yang besar. Beliau juga akan

<sup>9</sup> Temubual dengan Encik Ibrahim bin Hamat, Op. Cit.

<sup>10</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Razak bin Hj. Omar, Op. Cit.

<sup>11</sup> Ibid.

menghalau orang yang berniat tidak baik, lantaran itulah orang-orang jahat takut kepada beliau.<sup>12</sup>

Antara kekeramatan beliau ialah, pada suatu hari beliau menyekat sebuah kereta tetapi kereta itu tidak berhenti. Setelah berjalan beberapa meter kereta itu terus mati. Lalu beliau berkejar ke kereta tersebut dan menaikinya, tiba-tiba kereta itu hidup semula. Begitu juga dengan keretapi tidak dapat berjalan, setelah beliau menaikinya barulah keretapi berjalan.<sup>13</sup>

Beliau pernah bertembung dengan orang yang membawa ayam laga, dalam keadaan takut orang tersebut memberitahunya bahawa ayam itu adalah "ayam baik". Lantas beliau berkata: "Oh kalau begitu ayam ini tidak marah kepada lawannya." Semenjak hari itu ayam tersebut tidak boleh dilagakan lagi.<sup>14</sup>

Pernah orang mengadu kepada beliau kerana teraniaya, orang tersebut membeli tanah kebun tetapi si penjualnya tidak mengaku bahawa dia telah menjual kebun tersebut. Lalu beliau berkata: "Biarkan dia, kerana dia tidak akan dapat makan hasilnya." Dengan izin Allah orang

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Temubual dengan Encik Ibrahim bin Hamat, Op. Cit.

<sup>14</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Mokhtar bin Haji Ahmad, Op. Cit.

tersebut tidak dapat makan dan perutnya semakin membesar dan akhirnya meninggal dunia.<sup>15</sup>

Perkara-perkara yang luar biasa yang berlaku ke atasnya adalah terlalu banyak tetapi itulah sahaja yang dapat penulis sajikan di dalam ruangan yang terhad ini.

#### B. ANALISA DATA

Dari definisi-definisi dan keterangan-keterangan yang dibentangkan di dalam laporan penyelidikan didapati bahawa semua definisi yang diberikan oleh para ulama' adalah menepati pengertian sebenar wali Allah, iaitu mu'min yang bertaqwa, banyak beribadah, suci hati, memiliki sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi segala larangan Allah.

Walau bagaimanapun, ada segelintir dari masyarakat umum yang tidak begitu memahami konsep wali Allah yang sebenar. Ini dapat dilihat dari keputusan soal selidik yang mana 70% daripada responden berpendapat bahawa wali Allah itu tidak berkahwin. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh prsekitaran mereka di mana salah seorang ahli masyarakat di tempat tersebut yang dianggap sebagai wali Allah tidak

---

<sup>15</sup> Ibid.

berkahwin. Sebenarnya wali Allah itu tidak dapat diukur dengan kahwin ataupun tidaknya seorang itu. Perkahwinan adalah sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Hukum perkahwinan adalah terhenti kepada keadaan individu tersebut samada wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Sahabat Rasulullah yang kuat beribadah dan berjuang jalan Allah yang terkenal dengan rahib di waktu malam dan tentera di siang harinya, juga mempunyai isteri dan keluarga. Semua itu tidak pernah menghalang mereka untuk melaksanakan perintah-perintah Allah.

Masyarakat juga tidak mengetahui bahawa nabi-nabi dan khulafa' ar-Rasyidin adalah merupakan wali-wali Allah sedangkan para nabi dan rasul adalah mereka yang tinggi darjat kewaliannya. Hanya 54% daripada responden mengatakan bahawa nabi-nabi adalah wali dan 30% mengatakan khulafa' ar-Rasyidin juga adalah wali. Hampir keseluruhan masyarakat berpendapat bahawa wali Allah adalah terdiri dari orang-orang tertentu sahaja bukannya kesemua orang Islam. Walau bagaimanapun terdapat 6% yang mengatakan bahawa semua orang Islam adalah wali Allah. Sementara di kalangan ulama' pula ada yang mengatakan bahawa semua orang Islam adalah wali Allah tetapi wali kecil (Sughra).

Pada hakikatnya wali Allah itu bukanlah terdiri dari semua orang Islam, kerana orang-orang Islam terdiri dari tai<sup>c</sup>in (orang-

orang yang taat) dan <sup>c</sup>asip (orang-orang yang derhaka). Mereka yang mendernakai Allah dengan mengerjakan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan RasulNya sudah pasti mendapat laknat dari Allah, malaikat dan seluruh makhluk. Mereka juga akan disiksa di dalam neraka kalaukah tidak bertaubat dari segala dosa yang telah dilakukan. Ini bertentangan dengan konsep wali itu sendiri, iaitu orang yang dekat dan dikasihi oleh Allah s.w.t. serta mendapat rahmatnya.

Di kalangan ulama' mengatakan taraf wali itu boleh diusahakan dengan memperbanyakkan amal ibadah kepada Allah s.w.t. setelah itu terpulanglah kepada Allah untuk mengurniakan taraf kewalian tersebut. Ini bertepatan dengan firman Allah yang menyuruh supaya umat Islam berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan (Surah Baqarah, ayat 148).

### 1. Sifat <sup>c</sup>Uzlah

Kebanyakan masyarakat Melayu di jajahan Pasir Mas menganggap bahawa <sup>c</sup>uzlah bukanlah sifat yang biasa diamalkan oleh seseorang wali, Allah, iaitu sebanyak 62% daripada responden. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh mereka memahami konsep <sup>c</sup>uzlah dengan pengertian yang sempit iaitu dengan pergi ke gua-gua atau ke bukit-bukau tanpa bergaul dengan masyarakat.

Sedangkan <sup>c</sup>uzlah itu ada dua bentuk, iaitu <sup>c</sup>uzlah lahir dan <sup>c</sup>uzlah batin. <sup>c</sup>Uzlah batin ialah orang yang hidup bermasyarakat tetapi tidak pernah tertarik atau terpengaruh dengan pergaulan tersebut, bahkan hatinya sentiasa mengingati Allah. <sup>c</sup>Uzlah lahir pula ialah dengan pergi menyendiri di gua-gua atau di bukit-bukit dengan tujuan untuk beribadat kepada Allah s.w.t.<sup>16</sup>

Seseorang itu boleh beruzlah secara lahir apabila ilmunya dan penerangannya yang berhikmah tidak diperlukan oleh masyarakat. Mereka hanya bergaul dengan masyarakat hanyalah ketika solat berjemaah, solat Jumaat, berhari raya, menunaikan kewajipan Haji, majlis-majlis ilmu dan hubungan pekerjaan atau perusahaan.<sup>17</sup>

Jika seseorang tidak boleh bergaul dengan masyarakat walaupun dalam program-program berbentuk ibadah seperti sembahyang berjemaah, kerana ternyata amalan itu tidak menjadi suatu ibadah baginya, dengan itu bolehlah ia memilih salah satu dari dua jalan berikut:

1. Pergi ke suatu tempat yang boleh membebaskan diri dari semua kewajipan seperti solat berjemaah iaitu dengan pergi di gunung-gunung atau ke lembah-lembah.

<sup>16</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Uthman El-Muhamady, bekas pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 9 Disember, 1989.

<sup>17</sup> Al-Imam al-Ghazzaly, Minhajul<sup>c</sup>Abidin, (terjemahan) K.H.R. Abdullah bin Nuh, penerbit, Majlis Ta'lim Al-Ihya, Bogor, Indonesia, m.s. 80.

2. Jika ia yakin bahawa kemudaratannya yang menimpanya dalam pergaulan dengan manusia untuk menunaikan kewajipan-kewajipan adalah lebih besar daripada meninggalkannya. Oleh itu dibenarkan beruzlah dan dikira sebagai satu kezuruan.<sup>18</sup>

Manakala orang yang hanya boleh beruzlah secara batin sahaja apabila ia mempunyai pengikut yang memerlukan ilmu dan bimbangannya dalam urusan agama untuk menerangkan yang hak, menolak yang bid'an serta menyeru ke arah kebaikan dengan ucapan atau dengan perbuatan. Mereka ini tidak dibenarkan mengasingkan diri dari masyarakat, bahkan hendaklah berdiri teguh di tengah-tengah masyarakat untuk memberi nasihat, menjaga agama Allah serta menghuraikan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah.<sup>19</sup>



Oleh itu tugas wali ada yang berbentuk kegiatan kemasyarakatan dan ada yang ditugaskan untuk beruzlah dengan memperbanyak ibadah kepada Allah serta berdoa untuk keselamatan ummah.<sup>20</sup> Sehubungan dengan itu, diriwayatkan bahawa Abu Bakar Faroq<sup>21</sup>, yang ingin beruzlah untuk beribadat kepada Allah tetapi

<sup>18</sup> Ibid., m.s. 80.

<sup>19</sup> Ibid., m.s. 81.

<sup>20</sup> Ustaz Muhamamad Uthman El-Muhamady, Qp. Cit.

<sup>21</sup> Nama ini terdapat dalam buku *Minhajul Abidin* dan tidak dinyatakan siapakah beliau.

sesampainya beliau ke salah sebuah gunung, dia mendengar suara yang mengatakan: "Wahai Abu Bakar, engkau seorang pembela agama Allah, memberikan keterangan kepada makhluk-makhluk Allah dan sekarang engkau tinggalkan mereka." Lantas beliaupun kembali kepada masyarakat.

Satu lagi contoh orang yang tidak dibenarkan beruzlah iaitu Ustaz Abu Ishaq<sup>22</sup> rahimahullah. Beliau telah berkata kepada ahli-ahli ibadah di bukit Lubnan:

"Wahai saudara-saudara pemakan rumput, kalian telah meninggalkan umat Muhammad s.a.w. di tengah-tengah ahli bid'ah dan kalian menetap di sini sambil memakan rumput." Lalu mereka menjawab: "Bahwasanya kami sudah tidak kuat lagi bergaul dengan masyarakat tetapi tuan diberikan kekuatan oleh Allah, maka tuan harus bergaul dengan masyarakat."<sup>23</sup>

Orang yang diperlukan oleh masyarakat perlu pula memiliki dua perkara penting iaitu kesabaran yang terus menerus dalam menghadapi kerana masyarakat dan beruzlah hati walaupun jasadnya bergaul dengan masyarakat. Beliau juga perlu meneliti dirinya supaya dapat memperuntukkan masa untuk beribadah kepada Allah seperti kata-kata Sayyidina Omar Al-Khattab:

"Dikala aku tidur malam, aku telah melalaikan diriku, dan dikala aku tidur siang, aku telah melalaikan rakyat. Oleh itu bagaimana seharusnya aku tidur di antara keduanya."<sup>24</sup>

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Imam Al-Chazzaly, Op. Cit., m.s. 82.

<sup>24</sup> Ibid., m.s. 82.

Orang yang hatinya bersama Allah dan jasadnya bersama masyarakat adalah hanya dengan kekuatan nubuwah (kenabian) tetapi tidak dapat disangkal bahawa tingkat wali-wali Allah berakhir dengan keadaan tersebut. Dalam masalah ini, Rasulullah sendiri pada permulaan tugasnya ialah memutuskan hubungannya dengan keduniaan iaitu mengasingkan diri di gua Hira' sehingga teguhlah nur (cahaya) kenabian pada diri Nabi s.a.w. Dengan itu, makhluk tidak boleh mendinding Nabi dengan Allah s.w.t. Oleh itu jadilah tubuhnya bersama makhluk dan hatinya mengadap Allah Taala.<sup>25</sup>

## 2. Khatir (Lintasan Hati)

Ahli-ahli tajrid yang beruzlah sepanjang masa, tugasnya hanya berdoa kepada Allah, mereka mendapat isyarat-isyarat daripada Allah s.w.t. dan bukanlah dia melakukan itu dengan sesuka hatinya sahaja. Mereka mempunyai neraca-neraca tertentu untuk mengukur kebenaran isyarat-isyarat atau khatir tersebut. Terdapat dua jenis khatir, iaitu khatir baik dan khatir jahat. Khatir yang baik adalah datang dari malaikat Mulhim dan dari Allah s.w.t. Manakala khatir jahat pula adalah dari syaitan dan hawa nafsu.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> Imam Al-Ghazzaly, Inya' 'Ulum ad-Din, juz. 1, cet. 1, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Lubnan, 1986, m.s. 248.

<sup>26</sup> Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady, Op. Cit.

Neraca yang membezakan di antara khatir baik dan khatir jahat adalah seperti berikut:

1. Sesuaikan bisikan hati dengan hukum syara<sup>c</sup>, jika sesuai maka ia adalah bisikan yang baik. Jika ia bertentangan dengan syara<sup>c</sup>, maka itu adalah khatir jahat.
2. Jika tidak dapat diukur dengan hukum syara<sup>c</sup>, maka hendaklah diukur dengan kelakuan para solihin. Jika sesuai, maka ia adalah khatir baik dan jika berlawanan bererti khatir jahat.
3. Jika dengan kedua-duanya belum dapat juga, maka sesuaikanlah dengan hawa nafsu. Jika hawa nafsu menolak dengan tolakan biasa menurut tabiatnya dan bukan kerana takut kepada Allah, maka ia khatir baik. Jika hawa nafsu menggemarinya kerana tabiatnya, bukan kerana mengharap redha Allah, maka khatir itu adalah khatir jahat. Ini adalah kerana ajakan nafsu selalu kepada keburukan dan kejahatan dan tidak mengajak ke arah kebaikan.<sup>27</sup>

### 3. Al-Kasyaf dan Musyahadah

Kasyaf dan musyahadah ini mungkin dikurniakan oleh Allah kepada waliNya.<sup>28</sup> Kasyaf bererti tersingkapnya hijab dan mengetahui

---

<sup>27</sup> Minhajul Abidin, Op. Cit., m.s. 96.

<sup>28</sup> Temubual dengan Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman guru pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, pada 14 November, 1989.

rahsia-rahsia alam dan ilmu-ilmu. Ianya.. merupakan ilmu ilhami yang dapat dicapai melalui pembersihan ( تَصْفِيَةٌ ) dan mujahadah. Antara syarat-syaratnya ialah:

1. Taqwa - pokok kepada ibadah dan muraqabah.
2. Istiqamah.
3. Mengikut syeikh/guru salik.
4. Memutuskan semua hubungan nafsu iaitu zuhud dalam semua perkara dan menyendiri dari makhluk (berkhawl di tempat gelap). Diam dengan meninggalkan percakapan, berlapar kerana berpuasa, berjaga malam dengan melakukan qiamullail. Inilah yang dinamakan mujahadah istiqamah.
5. Iradah (keinginan) yang benar, hati murid dipenuhi oleh kecintaan kepada Allah sehingga ia merasa <sup>29</sup> asyik.

Mujahadah ialah berusaha supaya jiwa bersifat dengan sifat-sifat yang terpuji. Ianya terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Taqwa.
2. Istiqamah.
3. Al-kasyaf dan al-Ittila<sup>c</sup>.

Sifat-sifat yang terpuji ialah, iradah, taubat, taqwa, wara<sup>c</sup>, zuhud, musyahadah, qana<sup>c</sup>ah (memadai), tawakkal, khusu<sup>c</sup>,

---

<sup>29</sup> Abi Zaid Abdul Rahman Mohamad bin Khaldun, Syifa'as-Sail Li-Tanzib al-Masajil, Beirut, m.s. 38.

tawadhu<sup>c</sup>, syukur, yakin, sabar, muraqabah, redha, <sup>c</sup>ubudiyyah, istiqamah, ikhlas, benar, tauhid, ma<sup>c</sup>rifah, cinta dan rindu.

Ketika sedang bermujahadah inilah, Allah akan kurniakan tanpa ikhtiar seperti gembira, dukacita, rindu, mengharap, takut, jinak (الأنس) dan sebagainya. Sifat-sifat ini tidak akan muncul di dalam hati kecuali lenyapnya sifat-sifat bercela. Di dalam hati terhimpun beberapa perkara seperti sifat tercela, sifat-sifat terpuji, tempat simpan cahaya (musyahadah), ma<sup>c</sup>rifah, perasaan suka-duka dan juga lintasan (khatir) dari syaitan, malaikat dan nafsu.<sup>30</sup>

#### 4. Maqam Baqa' dan Maqam Fana'

Persoalan fana' dan baqa' adalah suatu perkara yang sukar hendak dijelaskan dengan perkataan dan tulisan. Ianya dapat diketahui hanya melalui pengalaman dan perasaan batin. Lantaran itulah, masyarakat umum yang menjadi sasaran penyelidikan ini tidak mengetahui langsung tentang keadaan-keadaan yang dialami oleh orang-orang sufi dan para wali. Walau bagaimanapun, di kalangan ulama' telah memberikan pengertian dan kefahaman masing-masing tentang keadaan ini sebagaimana yang telah dibentangkan oleh penulis di dalam laporan penyelidikan.

---

<sup>30</sup> Ibid., m.s. 41-42.

Fana' bererti lenyap atau binasa, iaitu orang yang melenyapkan dirinya dalam wujud Allah, iaitu penghancuran diri (فنا، النفس). Binasanya perasaan dan kesedaran yang berhubung dengan pancaindera. Justeru itu orang-orang carifin berkata:

"Fana'nya seseorang dari dirinya dan dari makhluk lain terjadi dengan hilangnya kesedaran tentang dirinya dan makhluk lain. Sebenarnya dirinya tetap ada dan begitu juga dengan makhluk lain tetapi mereka tidak sedar lagi dengan kewujudan makhluk lain dan diri mereka sendiri."

Sayyidina Ali bin Abu Talib r.a. pernah berkata:

وَفِي فَنَاءِ فَنَاءٍ وَفِي فَنَاءِ فَنَاءٍ وَجَدْتُ اهْنَ

Maksudnya:

"Dan di dalam keleburanku, leburlah kefana'anku tetapi di dalam kefana'anku itulah, aku dapati Engkau Tuhan.<sup>31</sup>

Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady mendefinisikan fana' sebagai menfana'kan diri dalam Af<sup>c</sup>al, Sifat dan Zat Tuhan tetapi bukanlah bererti bercantum ( انحاد ) dan juga bukan manifestasi ( حلول ). Keadaan ini bukanlah merupakan pengalaman biasa. Oleh itu syatahat yang keluar dari orang yang sedang dalam mabuk rohani perlulah dita'wil.<sup>32</sup>

<sup>31</sup> Syeikh Annuar (Assadullah), Tasawwuf Al-Haq, cet. Koon Wah Printing Pte. Ltd., Singapura, m.s. 194.

<sup>32</sup> Ustaz Uthman El-Muhammady, Op. Cit.

Oleh itu kita tidak boleh menghukum salah terhadap ahli sufi yang terkenal iaitu Al-Hallaj yang berkata' "Ana al-Haq", "Subhani" dan "Ma fi Jubbatillah" (tidak ada di dalam jubahku melainkan Allah). Beliau berkata di dalam keadaan yang tidak sedar, lagi pula apabila beliau ditanya apakah hukum orang yang berkata demikian, beliau menjawab, "hukumnya ialah bunuh". Jika dia berada di dalam keadaan sedar sudah tentu ia tidak akan mengeluarkan perkataan-perkataan tersebut. Sebenarnya bukan Hallaj yang mengatakan "Ana al-Haq" tetapi Tuhan sendiri yang berkata dengan perantaraan mulut Hallaj. Kata-kata ini diterima oleh kebanyakan ahli tasawwuf.<sup>33</sup>

Walau bagaimanapun, Hallaj dihukum bunuh, tetapi hukuman yang dijatuhkan bukanlah disebabkan oleh sabit kesalahan itu semata-mata tetapi yang lebih penting ialah disebabkan oleh faktor-faktor politik.<sup>34</sup>

## 5. Faktor-faktor Pembunuhan Hallaj

Hallaj adalah seorang yang dipercayai oleh masyarakat, sehingga beliau didengki dan dikhianati oleh orang-orang yang sezaman

<sup>33</sup> Reynold A. Nicholson, The Mystics of Islam, cet. Routledge and Kegan Paul, London, Boston and Henley, t.t., m.s. 152.

<sup>34</sup> Temubual dengan Ustaz Fauzi bin Hj. Awang, Pensyarah Akademi Islam University Malaya, pada 29 Disember, 1989.

dengan beliau. Hallaj adalah seorang yang peka terhadap apa yang berlaku di sekitarnya. Beliau mengkritik siapa sahaja yang melakukan penyelewengan termasuklah pemerintah ketika itu iaitu Khalifah Muqtadir, kerajaan Abbasiah.

Beliau memusuhi orang-orang Syi<sup>c</sup>ah kerana pengecualian mereka dari cukai dan baitulmal serta sorok barang yang dilakukan oleh orang-orang Syi<sup>c</sup>ah. Beliau juga menyerang Mu<sup>c</sup>tazillah kerana kesibukan mereka dengan falsafah tanpa menghiraukan pengislahan dan pembebasan. Mereka yang berkelulusan sekolah Nasturiah yang berfahaman Kristian dan atheis juga mendapat tentangan dari beliau. Tidak terkecuali juga khalifah, pengikut-pengikutnya dan pengawal-pengawal mendapat tentangan dan kritikan dari Al-Hallaj. Ini adalah kerana mereka tenggelam di dalam kemewahan, menularnya kefasadan dan berlakunya penyelewengan dalam ajaran Islam.<sup>35</sup>

Lantaran itulah beliau banyak menulis tentang politik. Membicarakan tentang pembaharuan secara umum, menerangkan tanggung-jawab menteri, hak-hak rakyat dan membicarakan tentang pemerintahan Rabbani. Beliau juga menulis tentang kebebasan individu, hak-hak masyarakat, akhlak mithali dan juga tentang pengurusan harta benda seperti cukai dan juga politik kehakiman serta matlamat-matlamatnya.

---

<sup>35</sup> Taha Abdul Baqi Surur, Husin bin Mansor Al-Hallaj, Syahid At-Tasawwuf Al-Islami, cet. Dar Nahdah Mesir, t.t., m.s. 94.

Hasil penulisan ini dihadiahkan kepada kawan-kawan beliau yang terdiri dari Menteri-menteri seperti Husin bin Hamdan, Ibn Isa dan Nasr Al-Qasyuri.<sup>36</sup>

Al-Hallaj menyebutkan bahawa wali Allah yang sebenar ialah orang yang bertanggungjawab memikul amanah rasul-rasul untuk pengislahan secara menyeluruh dan mereka pemimpin manusia kepada Allah Taala.<sup>37</sup>

Selain daripada itu Hallaj dan pengikut-pengikutnya telah membantu pemberontakan dan rampasan kuasa oleh Ibn Mu'taz ke atas khalifah Muqtadir. Rampasan kuasa itu berjaya tetapi hanyalah sehari sahaja. Selepas itu diambilalih oleh Muqtadir semula. Lantaran itulah pengikut-pengikut Hallaj ditangkap tetapi Hallaj sendiri terlepas dan lari ke negeri Suis, selama tiga tahun. Walau bagaimanapun, dengan pengkhianatan Hamid bin Abbas (seorang Menteri) akhirnya beliau dapat ditangkap dan dibawa ke Baghdad. Sebaliknya di Baghdad beliau mendapat kedudukan yang baik dan tinggi dan dibantu oleh menteri-menteri dan orang-orang istana serta mendapat keampunan daripada khalifah sendiri.<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Ibid., m.s. 95.

<sup>37</sup> Ibid., m.s. 93.

<sup>38</sup> Ibid., m.s. 96.

Menteri-menteri yang dengkikan Hallaj, merasa cemas dengan terlepasnya Hallaj dari hukuman, lalu mereka mula membuat perancangan jahat untuk menghapuskan Hallaj.<sup>39</sup> Hamid telah menghubungi seorang anggota mahkamah agung di Baghdad iaitu Muhammad bin Daud. Dengan itu Hallaj dibicarakan dan dijatuhan hukuman bunuh atas tuduhan mendakwa sebagai Tuhan. Hamid telah membawa saksi-saksi yang jahil tentang ilmu tasawwuf dengan memberikan saksi bahawa mereka mendengar Hallaj berkata di dalam majlis pengajaran tasawwuf di masjid Mansur dengan berkata: "Ana al-Haq" dan seorang lagi mengatakan bahawa Hallaj adalah Tuhan dan ia boleh menghidupkan dan mematikan.

Hallaj telah menafikan semua tuduhan tersebut dan berkata: "Aku minta berlindung dengan Allah daripada mendakwa dengan rububiyyah, dan kenabian. Aku hanyalah seorang lelaki yang menyembah Allah, aku memperbanyak puasa, dan sembahyang untuknya dan melakukan perkara-perkara yang baik. Selain daripada itu aku tidak mengetahui dan tidak ada penambahan dalam Dua Kalimah Syahadah dan tauhid. Beliau dibantu oleh qadhi Ibn Sarij yang menyatakan bahawa kes ini, tidak boleh dibawa ke mahkamah pengadilan dan dalil-dalilnya tidak thabit.

---

<sup>39</sup> Ibid., m.s. 24.

Hamid merasa tidak puashati dengan keputusan tersebut, lalu beliau sekali lagi mengangkat kes Hallaj ke mahkamah. Pembicaraan ini diketuai oleh qadhi Abu Omar bin Yusuf. Tuduhan-tuduhan yang sama ke atas Hallaj diulangi: "Adakah engkau tuhan? Adakah engkau yang menghidup dan yang mematikan? Adakah engkau menggunakan perkhidmatan jin? Adakah engkau lakukan apa yang engkau suka dengan cara mu<sup>c</sup>jizat?"

Hallaj telah menyangkal semua tuduhan-tuduhan tersebut dan beliau berkata: "Aku adalah hamba Allah, beriman kepadaNya dan kepada rasul-rasulNya, Aku menyeru ke arah kebenaran, melaungkan kebaikan untuk orang-orang Islam. Aku tidak mengiktiraf kezaliman dan aku tidak mengenali saksi-saksi ini dan aku minta berlindung daripada dakwaan-dakwaan tersebut."

Usaha-usaha memusuhi Hallaj diteruskan sehingga beliau ditangkap dan dipenjarakan selama lapan tahun, selepas itu dibicarakan lagi sehingga beliau dijatuhkan hukuman bunuh dengan tiga tuduhan.:

- 1. Menjadi agen rahsia kepada Qaramitah.<sup>40</sup>
- 2. Pengikut-pengikutnya beritiqad bahawa beliau adalah Tuhan.
- 3. Mengeluarkan perkataan "Ana al-Haq".<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> Ibid., n.s. 177.

<sup>41</sup> Salah satu golongan Batiniah (ajaran sesat).

B  
A  
B  
  
K  
E  
L  
I  
M  
A

## BAB KELIMA

## PENUTUP

## A. KESIMPULAN

Dari huraihan-huraian yang telah dibentangkan berdasarkan penyelidikan, dapatlah dibuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Wali Allah ialah mu'min yang bertaqwa dan dikasihi Allah, berpegang dengan Kitab Allah (al-Quran) dan as-Sunnah Rasulullah s.a.w., tutur kata dan segala tindakan adalah selaras dengan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah serta setiap pertimbangannya mengikut neraca kedua-duanya.
2. Selepas zaman sahabat adalah sukar untuk menentukan siapakah wali Allah, walaupun kita wengetahui sifat-sifat seorang wali Allah iaitu mu'min yang bertaqwa, banyak beribadah (<sup>c</sup>abid), zahid, ikhlas dalam ibadah dan sabar. Ini adalah kerana ianya merupakan hubungan antara Allah dengan hamba-hambanya yang dikasihi. Ianya merupakan pengalaman batin yang tidak dapat dinyatakan dengan perkataan atau tulisan.
3. Keseluruhan masyarakat Melayu di jajahan Pasir Mas mempercayai wujudnya wali-wali Allah. Walau bagaimanapun

sumber pengetahuan mereka adalah berbeza, ada di kalangan mereka mengetahuinya dari sumber syara' dan ada juga yang mengetahuinya dari cerita-cerita orang ramai.

4. Walaupun keseluruhannya mempercayai wujudnya wali Allah tetapi sebenarnya mereka tidak memahami konsep tersebut dengan tepat dan jelas.
  
5. Terdapatnya perbezaan kefahaman antara masyarakat umum dengan para ulama. Namun begitu, masyarakat yang sentiasa mengikuti kelas ilmu yang diadakan di surau-surau dan di masjid-masjid biasanya pandangan mereka menyamai pandangan ulama. Keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor pendidikan yang diterima oleh masyarakat.
  
6. Untuk mencapai taraf wali perlu kepada mujahadah dan istiqamah dalam ibadah serta suci hati (تَزْكِيَةُ النَّفْسِ) dari najis-najis batin dan dari dosa lahiriah sebagaimana firman Allah Taala:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَانَى

Maksudnya:

"Sesungguhnya telah berbahagialah mereka yang menyucikan dirinya dan mengingati Tuhan mereka lalu ia bersembahyang."

7. Wali-wali Allah tidak sepatutnya disusuhi atau dikritik dengan sewenang-wenangnya kerana Allah mengisytiharkan perang terhadap mereka yang memusuhi waliNya.
8. Kita tidak boleh menafikan mukasyafah dan ittila<sup>c</sup> yang dialami oleh para wali Allah. Begitu juga maqam dan ahwal yang dilalui oleh mereka, seperti maqam fana dan baqa. Keadaan ini bukanlah pengalaman biasa yang dialami oleh semua orang. Kita sebagai orang awam newadailah dengan mengingati Allah melalui pancaindera iaitu melalui penglihatan, pandangan, rasa, bau dan sentuhan.
9. Allah s.w.t. telah menjanjikan syurga (terita gembira) dan ganjaran pahala yang baik di akhirat kelak kepada para wali. Mereka juga diwafatkan dalam keadaan yang baik oleh malaikat Malikilmaut.

---

<sup>1</sup> Surah al-A<sup>c</sup>la, ayat 14 & 15.

10. Di hari Qiamat pula mereka tidak merasa takut dan dan tidak berdukacita sedangkan orang lain berada dalam keadaan huru hara yang amat dahsyat seperti orang dalam kemabukan lantaran azab Allah yang amat perit.
11. Wali Allah terbahagi kepada beberapa darjat dan yang paling tinggi ialah wali Qutub, dia lah yang menjadi khalifah dari segi zahir dan batin. Qutub adalah pemimpin yang berhubung hatinya dengan Allah dan berjalan mengikut garis panduan nabi-nabi. Qutublah yang menerajui dunia Islam dan manusia keseluruhannya ke arah kesempurnaan -- al-Quran dan ufuk kecintaan kepada Allah. Dengan itu barulah layak manusia menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.
12. Masyarakat Melayu mempercayai adanya keramat-keramat para wali Allah. Masyarakat menganggap doa mereka adalah mustajab. Oleh itu masyarakat sering mengunjungi mereka yang mempunyai keramat untuk mengadu masalah agar masalah mereka dapat diselesaikan melalui doa-doa. Keadaan ini tidak kiah bertentangan dengan aqidah Islam selagi masyarakat tidak menganggap bahawa yang berkuasa itu adalah wali Allah sebaliknya apa-apa yang berlaku adalah dengan kehendak dan izin Allah juga.

## B. SARANAI

Berdasarkan kepada realiti yang telah dibentangkan mengenai kefahaman masyarakat Melayu di jajahan Pasir Mas terhadap konsep wali Allah, adalah wajar dinyatakan di sini beberapa perkara yang perlu diambil perhatian untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada masyarakat terhadap konsep tersebut. Justeru itulah penulis ingin mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang perlu diambil tindakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

### 1. Kementerian Pendidikan dan Yayasan Islam Kelantan

Kementerian Pendidikan dan Yayasan Islam Kelantan yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pendidikan di negeri Kelantan adalah disarankan supaya ilmu tasawwuf dijadikan satu matapelajaran di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Ini adalah kerana konsep wali Allah terkandung di dalam ilmu tasawwuf. Di dalamnya hendaklah diselitkan beberapa contoh wali Allah serta sifat-sifat mereka seperti taat kepada Allah, memiliki sifat kesabaran yang tinggi, azanah, warak, kuat beribadah serta ikhlas dalam melakukannya. Dengan cara ini boleh memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan pemikiran dan akhlak pelajar. Langkah ini amatlah penting untuk menjamin kehidupan generasi Islam yang harmoni di hari ini.

## 2. Agensi-agensi Agama Kerajaan Negeri

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan hendaklah bekerjasama dalam rangka usaha meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isi kandungan al-Quran dan as-Sunnah. Satu langkah yang wajar ialah dengan mengambil inisiatif untuk menghidupkan kembali sistem pengajian pondok dan mengambilberat terhadap pengajaran yang dijalankan oleh guru-guru persendirian di surau-surau dan masjid-masjid di seluruh negeri Kelantan.

Selain daripada itu, kedua-duanya boleh menerbitkan risalah-risalah atau buku-buku kecil untuk mendedahkan kesilapan-kesilapan dan penyelewengan-penyelewengan dalam kefahaman masyarakat terhadap istilah-istilah dalam ilmu aqidah dan tasawwuf. Umpamanya perkataan "Karamah" yang di Melayukan menjadi "keramat" yang difahami oleh masyarakat dengan pengertian yang luas sehingga pokok-pokok pun dikatakan mempunyai keramat.


## 3. Masyarakat keseluruhannya

Masyarakat Islam perlulah memilih pemimpin dari kalangan orang wu'min yang bertaqwa, suci hatinya dari noda-noda maksiat, yang

wampu memimpin masyarakat dari sudut kerohanian dan kebendaan. Dengan kriteria-kriteria tersebutlah akan menjamin kecemerlangan dalam semua aktiviti dan tindakan seorang pemimpin. Akibat dari kesilapan memilih penimipinlah, berlakunya skandal-skandal dalam pentadbiran kerajaan seperti rasuah, penipuan dan pecah amanah.

Masyarakat juga perlu meneladani sifat-sifat yang ada pada seorang wali iaitu warak, zuhud, suka membantu orang yang di dalam kesusahan, merendah diri dan sifat-sifat terpuji yang lainnya. Masyarakat juga hendaklah berwaspada terhadap mereka yang mendakwa diri mereka sebagai wali Allah kerana wali Allah yang sebenar tidak akan mengaku diri sebagai wali Allah.

Masyarakat Islam umumnya dinasihatkan supaya mempelajari ilmu tasawwuf dan mempelajari serta mengamalkan tarikat-tarikat daripada guru-guru yang mutabar.



**B  
I  
B  
L  
I  
O  
G  
R  
A  
F  
I**

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran Al-Karim

### Al-Hadith

Musnad Ahmad Ibn Hanbal, Al-Kutub as-Sittah, juzuk 3-4, Gagri Yayınlari, Istanbul, t.t.

Muslim, Sohih Muslim, juzuk 1, cetakan Isa al-Babi al-Halabi wa syarakahu, Mesir, t.t.

Sohih Bukhari, Al-Kutub as-Sittah, juzuk 7-8, Gagri Yayınlari, Istanbul, t.t.

Sunan Tirmizi, Al-Jami' as-Sohih, juzuk 4, cetakan ke 2, 1975.  
Al-Kutub as-Sittah, juzuk 3-4, Gagri Yayınlari, Istanbul, t.t.

---

, Al-Ahadith al-Qudsiyyah, juzuk 1-2, cetakan ke 6,  
Maktabah Mujalhid, Al-Arabi, Al-Azhar, Kaherah, 1986.

### Buku-buku Arab

Al-Asbahani, Abi Nu'aim Ahmad bin Abdullah (Al-Hafiz), Hilyatul Auliya' wa Tabaqatul Asfifa', cetakan ke 2, Dar al-Kitab al-Kitab al-Arabi, Beirut, 1967.

Al-Ghazali, Ihya' Ulum Ad-Din, juzuk 1, cetakan 1, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Lebanon, 1986.

Al-Hatimi, Mahyuddin Abi Abdullah Ibn Al-Arabi,, Rasa'il Ibn Arabi,  
Al-Istilah As-Sufiyyah, cetakan 1, Jama'iah Dairah Al-Ma'arif Al-Uthmaniah, Haidrabad, t.t.

Al-Husaini, Mahmud Abu Al-Faid Al-Manufi, Jamharatul Auliya' wa Al-lam At-Tasawwuf, juzuk 1, t.t.

Al-Jauziyyah, Ibn Qayyim, Madarij as-Salikin Bain Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in, juzuk ke 3, Dar ar-Rasyad al-Hadithah, t.t.

Al-Kalabazi, Abu Bakar Muhammad, At-Ta'aruf lil-Mazhab Ahlu Tasawwuf, cetakan 1, Maktabah Kuliat Azhariah, Mesir, 1969.

Al-Maqdisi, Abdullah bin Ahmad bin Qudamah, Kitab Al-Mutanabbih fil Lahi, Azhar, Mesir, 1977.

Al-Mausili, Ahmad bin Khiyat, Tarjamatul Auliya' Fi Mausili al-Hadaba', Said Ad-Diwah Haiy,, Iraq, t.t.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansari, Jami' al-Ahkam al-Quran, juzuk 5, Dar syuruk, t.t.

As-Syaukani, Qatru al-Wali 'Ala Hadith al-Wali, Dar Ihya' at-Turas al-Arabi, Beirut, t.t.

At-Tusi, Abu Nasr as-Saraj, Al-Luma', Lujnah Nasyr Turas as-Sufi, Mesir, 1950.

Az-Zari<sup>c</sup>, Abi Abdullah Muhammad bin Abi Bakar bin Ayub bin Saad, Tariq Hijrataini wa Bab as-Sadataini, Dar al-Kutub al-Arabi, Beirut, Lebanon.

Ibn Kathir, Tafsir Al-Quran al-'Azim, juzuk 2, t.t.

Ibn Khaldun, Abi Zaid Abdul Rahman Muhammad, Syifa' as-Sa'il li Tahzib al-Masa'il, Beirut, t.t.

Ibn Taimiyah, Al-Furqan baina Auliya' ar-Rahman wa Auliya' as-Syaitan, cetakan ke 2, al-Maktabah al-Islami, 1390H.

Majmu' Fatawa (Tasawwuf), jilid 12, cetakan 1, 1398H.

Khafaji, Muhammad Abdul Mun'im, Dirasat fi at-Tasawwuf al-Islami, juzuk 2, Maktabah al-Qahiriah, Azhar, Mesir, t.t.

Mahmud, Abdul Halim, Al-'aArif bil Lah, Azhar, Mesir, 1977.

Mahmud, Abdul Qadir (Dr.), Al-Falsafah as-Sufiyah fi al-Islam, Masadiruha wa nasariyyatuha wa mahanuha min ad-Din wal Hayat, t.t.

Muhammad, Sa'ad Sadiq, As-Sira' baina Al-Haq wa Al-Batil, cetakan ke 4, Dar Liwa' li Nasyr wa at-Tauzi , Riyyad, 1978.

Oandil, As'ad Abdul Hadi (Dr.), Kasyfu al-Mahjub li al-Hujwiiri, juzuk 2 Dirasah wa Tarjamah wa Ta'liq, Junhuriah Misr Arabia, 2 November, 1975.

Durah, Muhammad Fathi Hafiz, Ma'allah fi at-Tasawwuf wa al-'utasawwifin, cetakan 1, Maktabah Nahdah Misriyyah, Kaherah, t.t.

Surur, Taha Abdul Baqi, Hussain bin Mansur Al-Hallaj, Syahid at-  
tasawwuf al-Islami, cetakan Dar Nahdah, Mesir, t.t.

Wujdi, Muhammad Farid, Dairah al-Ma'arif al-Qarni al-'Isyrin,  
jilid 8 cetakan ke 3, Dar al-Ma'rifah, Lebanon, 1971.

Zainal Abidin, Ali, Taj al-Auliya' wa al-Auliya', cetakan 1, Dar wa  
Maktabah al-Hilal, 1984.

Zaingur, Ali (Dr.), Karamah Sufiyyah wa al-Asturah wa al-Hulum,  
cetakan ke 2, Dar Andalus, 1984.

#### Buku-buku Melayu

Abu Bakar Atjeh, Penzhantar Ilmu Tarekat dan Tasawwuf (Huraian tentang  
mistik), cetakan 1, Pustaka Aman Press, 1980.

Alias Muhammad, Gerakan Sosial dan Politik Kelantan, cetakan IPH,  
Insular Publishing House, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984.

Annuar (Asadullah), Tasawwuf al-Haq, cetakan Koon Wah Printing Pte.  
Ltd., Singapore, t.t.

Awang Abdul Aziz bin Juned (Haji), Keramat wali-wali Allah, cetakan ke  
2, Percetakan MM. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.

Al-Marith As-Sufi @ S Mohaqad, Soal Jawab Tasawwuf 2, Kerjaya Printing  
Industries Pte. Ltd., Singapore, t.t.

Al-Ghazzaly, Minhajul Abidin (Terjemahan), K.H.R. Abdullah bin Nuh,  
Penerbit Majlis Ta'lim al-Ihya, Bogor, Indonesia.

Barmawi Umari (Dr.), Sistimatik Tasawwuf, Sala-Semarang, Indonesia,  
t.t.

Fariduddin Attar, Tazkiratul Auliya' (Terjemahan), Abdul Majid bin Hj.  
Khatib, cetakan ke 4, Pustaka Aman Press, 1984.

Hamka (Prof. Dr.), Tasawwuf-Perkembangan dan Pemurniaannya, Penerbit  
Pustaka Panji Mas, Jakarta, 1983.

Imam Barnadib, Arti dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta: Yayasan  
Penerbitan FIP-IKIP, 1982.

Jailani, Abdul Qadir, Futuhal Chaib (Terjemahan), Abdul Majid bin Hj.  
Khatib, cetakan ke 2, Penerbit PAP, Kelantan, 1976.

Al-Jurr, Khalil (Dr.), Mu<sup>c</sup>jam Mausu<sup>c</sup>i li al-Jami<sup>c</sup>Larus, Maktabah Larus, Paris, 1987.

Ar-Razi, Muhammad bin Abi Bakar bin Abdul Qadir, Mukhtar as-Sohah, t.t.

Teuku Iskandar (Dr.), Kamus Dewan, cetakan 1, DBP, Kementerian Pelajaran, Percetakan Art, Kuala Lumpur, 1970.

### Wawancara

Wawancara dengan Muhammad Syukri, Pegawai Agama, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pada 26 Ogos, 1989.

Wawancara dengan Ustaz Lukman bin Hj. Abdul Latiff, Penolong Pengarah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan, pada 23 Ogos, 1989.

Wawancara dengan Ustaz Mukhtar bin Hj. Ahmad, Penyelia Pendidikan Daerah Pasir Mas dan Tumpat (Agama) pada 28 Ogos, 1989.

Wawancara dengan Ustaz Muhammad Uthman El-Muhamady, bekas pensyarah Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 9 Disember, 1989.

Wawancara dengan Tuan Guru Hj. Mokhtar bin Hj. Ismail, Tuan Guru Kampung Siram, Pasir Mas, Kelantan, pada 14 November, 1989.


Wawancara dengan Tuan Guru Wan Muhammad bin Wan Min, guru pondok Kampung Jal, Tumpat, Kelantan, pada 7 November, 1989.

Wawancara dengan Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman, guru pondok Kampung Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan, pada 14 November, 1989.

Wawancara dengan Ustaz Fauzi bin Hj. Awang, pensyarah Akademi Islam Universiti Malaya, pada 29 Disember, 1989.

Wawancara dengan Ustaz Abdul Razak bin Hj. Omar, anak saudara Pak Cu Hasan, Kampung Lati, Pasir Mas, Kelantan, pada 13 November, 1989.

Wawancara dengan Encik Ibrahim bin Hamat, anak saudara Pak Cu Hasan, Kampung Lati, Pasir Mas, Kelantan, pada 13 November, 1989.




L  
A  
M  
P  
I  
R  
A  
N

LAMPIRAN 1



Allahyarham Pak Cu Hasan yang dianggap  
sebagai wali Allah.



Pondok bekas kediaman Allahyarham Pak Cu Hasan.



LAMPIRAN 3



Haji Muhammad Yusuf b. Muhammad ( Tok Kenali ) (1868–1933)  
Seorang ulama yang terkenal, juga dianggap sebagai wali Allah.

LAMPIRAN 4

FAKULTI USULUDDIN,  
UNIVERSITI MALAYA.

17, Okt., 1989.

TUAN /PUAN YANG DIHORMATI:

Soalselidik masyarakat di jajahan Pasir Mas, Kelantan.

Penyelidikan Mengenai Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep Wali Allah.

Kertas soalselidik ini diedarkan untuk mengumpul data bagi kajian yang bertajuk," Konsep Wali Allah Dalam Islam : Suatu Kajian Dalam Pemahaman Masyarakat Melayu di Jajahan Pasir Mas, Kelantan."


Untuk tujuan berkenaan adalah diharapkan tuan /puan dapat menjawab soalan-soalan dalam soalselidik ini dengan ikhlas dan jelas.

Soalselidik yang anda isikan dianggap bahan rahsia.

Sila kembalikan soalselidik ini kepada saya tidak lewat dari  
15. Nov., 1989.

Terimakasih atas kerjasama anda.

Yang Benar,



( Karimah Binti Mat Zin)

Fakulti Usuluidin IV,

Akademi Islam,

Universiti Malaya.

SOAL SELIDIK MASYARAKAT JAJAHAN PASIR MAS.

Sila jawab soalan berikut denganikhlas dengan menandakan(✓) dalam ruangan yang disediakan.

## BAHAGIAN 1.

1. Anda seorang  
    (      ) lelaki                                  (      ) perempuan.

2. Umur anda  
    (      ) 20-30 thn.                                  (      ) 30-40 thn.  
    (      ) 40-50 thn.                                  (      ) 50 thn. ke atas.

3. Anda bekerja sebagai  
    (      ) Kakitangan kerajaan. Nyatakan.....  
    (      ) Kerja sendiri. Nyatakan.....  
    (      ) Pesara.  
    (      ) Tidak bekerja.

4. Taraf akademik anda  
    (      ) Universiti.                                  (      ) Maktab.  
    (      ) STPM    (      ) SPM.  
    (      ) Pondok  
    Lain-lain, nyatakan .....

5. Pendidikan asas anda  
    (      ) Sekolah Menengah Kebangsaan.  
    (      ) Sekolah Rendah Kebangsaan.  
    (      ) Sekolah Menengah Agama.  
    (      ) Sekolah Rendah Agama.  
    (      ) Pondok. Lain-lain, nyatakan.....

6. Adakah anda telah khatam Al-Quran.

( ) ya

( ) tidak

7. Setakat manakah penguasaan anda dalam bacaan Al-Quran

( ) sangat baik.

( ) baik

( ) kurang baik

( ) tidak tahu lansung.

## BAHAGIAN 2.

1. Adakah anda mempercayai adanya wali-wali Allah?

( ) ya

( ) tidak

Jika ya, sila jawab soalan-soalan berikut:

1. Dari mana anda dapat mengetahuinya?

( ) Al-Quran

( ) Al-Hadith

( ) Ulama'

( ) cerita-cerita orang-ramai.

2. Adakah wali Allah wujud sekarang

( ) ya

( ) tidak

Kalau ya, nyatakan siapa dan di mana.....

3. Wali Allah adalah terdiri dari

( ) semua orang Islam

( ) semua orang yang bertaqwa

( ) semua orang sufi

( ) orang-orang tertentu sahaja. Nyatakan.....

4. Adakah wali Allah kahwin

( ) kahwin

( ) tidak

5. Wali Allah adalah orang mu'min yang  
( ) kuat beribadah.  
( ) tidak pernah melakukan maksiat  
( ) sentiasa bertaubat  
( ) zuhud( meninggalkan kelazatan dunia)  
( ) sabar

6. Wali-wali itu terbahagi kepada beberapa kumpulan  
( ) ya ( ) tidak

7.. Bolehkah kita mengenali wali melalui pakaianya  
( ) boleh  
( ) tidak boleh

8. Sifat uzlah(memencilkan diri dari masyarakat), adalah sifat  
seorang wali Allah  
( ) ya ( ) tidak

9. Adakah nabi dan rasul termasuk dalam golongan wali Allah  
( ) termasuk ( ) tidak

10. Sila tandakan ( ) kenyataan yang anda setuiu:  
1. ( ) setiap nabi dan rasul adalah wali Allah.  
2. ( ) setiap wali tidak semestinya nabi atau rasul.  
3. ( ) setiap nabi, rasul dan wali adalah orang sufi.  
4. ( ) orang sufi tidak semestinya wali.  
5. ( ) semua sahabat Rasulullah adalah wali.  
6. ( ) Khulafa' Ar-Rasyidin adalah wali.

11. Adakah wali Allah terpelihara dari melakukan maksiat.  
( ) tidak ( ) ya

12. Setujukah anda apabila seseorang itu mendakwa dirinya seorang wali  
 setuju                            tidak setuju
13. Boleh seorang mu'min berusaha mencapai taraf wali  
 boleh                                tidak boleh
14. Nyatakan pendapat anda tentang kekeramatan para wali  
 wajib berlaku  
 harus berlaku  
 tidak berlaku
15. Wali berbangga dengan kekeramatannya  
 ya                                    tidak
16. Kekeramatan seorang wali menjadikan dirinya lebih tambah  
 perasaan riya'  
 khusyu' dan rendah diri  
 takut kepada Allah  
Lain-lain, nyatakan.....
17. Keramat wali berlaku  
 semasa hidupnya  
 selepas matinya  
 semasa hidup dan selepas mati
18. Keramat wali sama dengan mu'jizat rasul  
 ya                                    tidak
19. Adakah kenyataan ini benar:  
 mu'jizat khusus untuk nabi.  
 keramat khusus untuk wali.  
 sihir dan penipuan khusus untuk musuh-musuh Allah.

20. Wali Allah adalah penyambung tugas-tugas Rasulullah

( ) ya

( ) tidak

21. Bolehkah kita katakan seorang yang zuhud itu wali Allah sedangkan ia tidak mengikut sunnah Rasulullah.

( ) ya

( ) tidak



Bil. Kasi: FU/11.03

Tarikh: 30hb. Mac 1989

Kepada Sesiapa Yang Berkendaraan

**SURAT AKUAN**

Ini adalah untuk memperkenaikan kepada tuan bawah Sdr./Sdri.

KARIKAH MAT ZIN

No. K/P: A 0390791

adalah pelajar Semester VI (Tahun 3) Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya yang sedang membuat penyelidikan berhubung dengan Kertas Projeknya.

Saya amat berterima kasih kiranya dapat pihak tuan memberikan apapun bantuan kepada beliau bagi membolehkan beliau menjalankan penyelidikannya.

Di atas kerjasama yang tuan berikan saya dahului dengan berbanyak terima kasih.

Yang benar,

JOHARI BIN MAT

Dekan  
Fakulti Usuluddin  
Universiti Malaya

/ng.

FAKULTI  
USULUDDIN



فکلتي  
أصول الدين

Universiti Malaya, Lembah Pantai, 59100  
KUALA LUMPUR

جامعة ماليزيا  
AKADEMI ISLAM  
**UNIVERSITI MALAYA**

Alamat KAWAT: UNIVSE  
TELEFON: 03-7571066  
03-7571238

Bil. Kami: FU/11.03

Tarikh: 30hb. Mac 1989

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Surat Akuan

Saya amat berterima kasih kiranya dapat pihak tuan membenarkan Saudara/

Saudari KARIMAH MAT ZIN

No. K/P: A 0390791


pelajar Semester VI (Tahun 3) Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya untuk menggunakan Perpustakaan tuan untuk membuat rujukan.

Di atas kerjasama tuan membenarkan pelajar tersebut menggunakan Perpustakaan tuan saya dahului dengan berbanyak terima kasih.


Yang benar,

(JCHARI BIN M.T)

Dekan,  
Fakulti Usuluddin.



# TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .